

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**IMPAK PENYERTAAN PESERTA ORANG ASLI DALAM  
PROGRAM TANAMAN SEMULA KOMERSIL  
DI TEMERLOH, PAHANG**



**SARJANA PENGURUSAN AWAM  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2017**

**IMPAK PENYERTAAN PESERTA ORANG ASLI DALAM  
PROGRAM TANAMAN SEMULA KOMERSIL  
DI TEMERLOH, PAHANG**



**Tesis ini dikemukakan ke Ghazali Shafie Graduate School of Government,  
bagi memenuhi syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pengurusan Awam  
Universiti Utara Malaysia**



Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa  
(College of Law, Government and International Studies)  
Universiti Utara Malaysia

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(We, the undersigned, certify that)

**MUHAMMAD OLIAN B. ABDULLAH (818371)**

calon untuk Ijazah **SARJANA**  
(candidate for the degree of)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**IMPAK PENYERTAAN PESERTA ORANG ASLI DALAM PROGRAM TANAMAN SEMULA  
KOMERSIL DI TEMERLOH, PAHANG**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada **19 JUN 2017**

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on: **JUNE 19, 2017***

Pengerusi Viva : **PROF. DR. MOHD KAMARULNIZAM  
(Chairman for Viva) ABUDLLAH**

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar : **PROF. MADYA DR. NOVEL LYNDON  
(External Examiner)**

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam : **DR. ZAINAL MD ZAN  
(Internal Examiner)**

Tandatangan  
(Signature)

Tarikh: **19 JUN 2017**  
Date




Nama Pelajar  
(Name of Student) : MUHAMMAD OLIAN B. ABDULLAH (818371)

Tajuk Tesis  
(Title of the Thesis) : IMPAK PENYERTAAN PESERTA ORANG ASLI DALAM PROGRAM  
TANAMAN SEMULA KOMERSIL DI TEMERLOH, PAHANG

Program Pengajian  
(Programme of Study) : SARJANA

Penyelia  
(Supervisor) : PROF. MADYA DR. TUAN PAH ROKIAH SYED  
HUSSAIN

  
Tandatangan  
(Signature)



## **PENGAKUAN**

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Saya juga menyerahkan hak cipta ini kepada pihak Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS) bagi tujuan penerbitan jika didapati sesuai.

---

MUHAMMAD OLIAN ABDULLAH  
818371

Julai 2017



## **KEBENARAN MENGGUNA**

Dalam membentangkan tesis ini, bagi memenuhi syarat sepenuhnya untuk ijazah Sarjana Universiti Utara Malaysia, saya bersetuju bahawa Perpustakaan Universiti boleh secara bebas membenarkan sesiapa sahaja untuk memeriksa. Saya juga bersetuju bahawa penyelia saya atau jika ketiadaannya, Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG) diberi kebenaran untuk membuat salinan tesis ini dalam sebarang bentuk, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, bagi tujuan kesarjanaan. Adalah dimaklumkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan atau kegunaan tesis ini sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya daripadanya bagi tujuan keuntungan kewangan, tidak dibenarkan kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari saya. Juga dimaklumkan bahawa pengiktirafan harus diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia dalam sebarang kegunaan kesarjanaan terhadap sebarang petikan daripada tesis saya.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau mengguna mana-mana bahan dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan (Ghazali Shafie Graduate School of Government)

UUM Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah Darul Aman



Universiti Utara Malaysia



## ABSTRAK

Paras kemiskinan dalam kalangan ketua isi rumah Orang Asli masih berada pada tahap yang tinggi iaitu hampir 80 peratus hidup di bawah garis kemiskinan. Walaupun terdapat pelbagai program yang diatur dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutamanya dalam aspek ekonomi, namun begitu taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli masih lagi rendah. Objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti kriteria kejayaan peserta (orang Asli) dalam projek Tanaman Secara Komersil dan taraf perubahan sosio-ekonomi mereka sebelum dan selepas menyertai projek. Persampelan adalah secara peratusan dan pengumpulan data menggunakan kaji selidik ke atas 245 responden bagi enam projek Tanaman Secara Komersil di Temerloh. Sementara itu, teknik analisis data adalah secara deskriptif iaitu menggunakan kaedah kekerapan, peratusan dan min. Hasil Kajian mendapati bahawa bagi keenam-enam kriteria kejayaan peserta dalam projek Tanaman Secara Komersil yang diukur mencatatkan nilai min adalah pada kategori sederhana tinggi iaitu di Skala 4. Misalnya, bagi kriteria pertama iaitu pelaksanaan inovasi pertanian dalam projek Tanaman Secara Komersil (min 4.59). Kriteria kedua, pelaksanaan idea berkualiti (ilmu) dalam pertanian bagi projek Tanaman Secara Komersil (min 4.67). Kriteria ketiga, pelaksanaan rekod penanaman dan kewangan dalam pertanian bagi projek Tanaman Secara Komersil (min 4.70). Kriteria keempat, pelaksanaan pembudayaan kualiti kerja dalam pertanian bagi projek Tanaman Secara Komersil (min 4.77). Kriteria kelima, tindakan petani dalam menghadapi ekonomi semasa bagi projek Tanaman Secara Komersil (min 4.67). Terakhirnya, kriteria keenam iaitu bijak menggunakan sumber sedia ada dalam pertanian (min 4.65). Seterusnya, bagi perubahan sosio-ekonomi juga menunjukkan terdapat peningkatan dalam tempoh masa sebelum dan selepas menyertai projek Tanaman Secara Komersil iaitu bagi konstruk pendapatan, pemilikan rumah, trend perbelanjaan, trend pemakanan, pemilikan aset dan khidmat kesihatan bagi masyarakat Orang Asli. Rumusannya, pelaksanaan projek Tanaman Secara Komersil adalah sesuatu yang baik dan mesti diteruskan serta dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru ke arah peningkatan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli di samping mengekalkan budaya mereka.

**Kata kunci:** Projek Tanam Semula Komersil, Sosio-ekonomi Orang Asli, Temerloh



## ABSTRACT

The level of poverty among the Orang Asli household heads are still at a high level of almost 80 per cent live below the poverty line. Although there are various programs organized and implemented by the government, especially in the economic aspect, but socio-economic status of the Orang Asli still low. The main objective of this study was to identify criteria of success of participants (indigenous people) in the project of Tanam Semula Komersil and level of their socio-economic changes before and after joining the project. Sampling is the percentage and collecting data using a survey of 245 respondents in six projects of Tanam Semula Komersial in Temerloh. Meanwhile, data analysis technique is descriptive of frequency, percentage and mean. Results of the study found that of the six participants in the project success criteria of Tanam Semula Komersil measured, mean value recorded in the category is medium-high in Scale 4. For example, the first criterion, namely the implementation of agricultural innovations in the project of Tanam Semula Komersil (mean 4.59). The second criterion, the quality of ideas (knowledge) in agricultural projects of Tanam Semula Komersil (mean 4.67). The third criterion, the implementation of investment and financial records in agricultural projects of Tanam Semula Komersil (mean 4.70). The fourth criterion, the implementation of quality culture in agricultural work on the project of Tanam Semula Komersil (mean 4.77). The fifth criteria, to farmers in the face of the current economic projects of Tanam Semula Komersil (mean 4.67). Final, sixth criteria namely the intelligent use of existing resources in agriculture (mean 4.65). Next, for the socio-economic changes also shows an increase in the time period before and after participating in the project of Tanam Semula Komersil namely to construct income, house ownership, spending trends, nutrition trends, asset ownership and health services for indigenous peoples. In conclusion, the implementation of Tanam Semula Komersil is a good thing and should be continued and implemented by the Department of Orang Asli Malaysia in line with Vision 2020 and the New Economic Policy towards improving the socio-economic status of indigenous peoples while preserving their culture.

**Keywords:** Commercial Replanting Project, Orang Asli Socio-economy, Temerloh

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, syukur ke-hadrat Allah swt. kerana berkat limpah kurnia dan hidayah-Nya telah memberikan kekuatan dan kesabaran untuk saya menyiapkan tesis ini. Pertama sekali, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan sanjungan dihulurkan kepada Penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Tuan Pah Rokiah Syed Hussain yang banyak memberikan tunjuk ajar dalam proses menyiapkan tesis ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalas jasa dan budi baik mereka atas apa yang dihulurkan kepada saya sepanjang sesi pembelajaran di Universiti Utara Malaysia. Tanpa bimbingan dan gandingan penyeliaan yang mantap, tidak mungkin tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya bagi tujuan penganugerahan ijazah Sarjana. Jutaan terima kasih juga saya rakamkan kepada pihak pentadbiran Ghazali Shafie Graduate School of Government (GSGSG), Penolong Naib Canselor UUM COLGIS, Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta Kerajaan Malaysia yang memberikan ruang waktu dan peluang untuk saya menyambung pengajian di peringkat Sarjana. Selain itu, tidak dilupakan juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang pernah terlibat dalam pengumpulan data dan maklumat kajian. Ucapan terima kasih yang paling istimewa adalah ditujukan kepada isteri tersayang dan keluarga yang memahami tugas ini serta banyak memberikan semangat dalam menyiapkan penulisan tesis.

## KANDUNGAN

PENAKUAN	II
KEBENARAN MENGGUNA	III
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	V
PENGHARGAAN	VI
KANDUNGAN	VII
SENARAI JADUAL	X
SENARAI RAJAH	XII
SENARAI SINGKATAN	XIII

### **BAB SATU PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang masyarakat Orang Asli	3
1.3	Penyataan masalah	10
1.4	Persoalan kajian	17
1.5	Objektif kajian	17
1.6	Skop kajian	17
1.7	Kepentingan kajian	18
1.8	Organisasi penulisan tesis	20
1.9	Kesimpulan	22

### **BAB DUA ULASAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	24
2.2	Definisi konsep	25
	2.2.1 Masyarakat Orang Asli	25
	2.2.2 Tanaman semula komersil	30
	2.2.3 Sosio-ekonomi	32
2.3	Senario kemiskinan dan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli	33
2.4	Peranan kementerian kemajuan luar bandar dan wilayah dalam pembangunan sosio-ekonomi Orang Asli	45
	2.4.1 Program Penempatan Tersusun	47
	2.4.2 Program Pembangunan Ekonomi	48
	2.4.3 Program Pembangunan Sosial	50
2.5	Kerangka konseptual dan definisi operasional	53



2.6	Perbincangan teori berkaitan budaya dan kemiskinan masyarakat Orang Asli	62
2.7	Kesimpulan	65
<b>BAB TIGA LOKASI KAJIAN DAN METODOLOGI</b>		
3.1	Pengenalan	67
3.2	Lokasi kajian	67
3.3	Pendekatan dan persampelan kajian	69
	3.3.1 Pendekatan kajian	70
	3.3.2 Persampelan kajian	72
3.4	Kajian rintis dan ujian kebolehppercayaan serta ukuran dan analisis tahap kejayaan	75
	3.4.1 Kajian rintis dan ujian kebolehppercayaan kaji selidik	75
	3.4.2 Ukuran dan analisis tahap kejayaan menerusi kaji selidik	76
3.5	Kesimpulan	77
<b>BAB EMPATHASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>		
4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar belakang responden	79
4.3	Kriteria kejayaan peserta tanaman semula komersil (TSK)	85
	4.3.1 Pelaksanaan Inovasi Pertanian	86
	4.3.2 Pelaksanaan Idea Berkualiti (Ilmu) dalam Pertanian	88
	4.3.3 Rekod Penanaman dan Kewangan dalam Pertanian	90
	4.3.4 Pembudayaan Kualiti Kerja dalam Pertanian	93
	4.3.5 Tindakan Petani Menghadapi Ekonomi Semasa (Baik Atau Lembab)	95
	4.3.6 Bijak Menggunakan Sumber Sedia Ada dalam Pertanian	97
4.4	Perubahan taraf sosio-ekonomi peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK	101
	4.4.1 Perubahan pendapatan bulanan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK	101
	4.4.2 Pemilikan Jenis Rumah dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	103
	4.4.3 Perbelanjaan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	106
	4.4.4 Tren Pemakanan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	111

4.4.5	Pemilikan Aset dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	114
4.4.6	Tren Mendapat Khidmat Kesihatan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	125
4.5	Rumusan hasil kajian	126
4.6	Kesimpulan	127
<b>BAB LIMA PENUTUP KAJIAN</b>		
5.1	Pengenalan	128
5.2	Rumusan hasil dan kaitannya dengan objektif serta penyataan masalah kajian	128
5.2.1	Objektif pertama: kriteria kejayaan peserta projek TSK di Daerah Temerloh	129
5.2.2	Objektif kedua: impak perubahan taraf sosio-ekonomi peserta projek TSK di Daerah Temerloh sebelum dan selepas menyertainya	131
5.2.3	Objektif ketiga: merangka cadangan peningkatan tahap kejayaan peserta projek TSK di Temerloh	133
5.2.4	Dapatan Kajian dan Kaitannya dengan Penyataan Masalah	135
5.3	Implikasi kajian	137
5.3.1	Perancangan pembangunan ekonomi Masyarakat Orang Asli	138
5.3.2	Peningkatan kualiti hidup Orang Asli melalui pendidikan	138
5.4	Cadangan Kajian akan datang	139
5.5	Penutup	140
<b>RUJUKAN</b>		141
<b>LAMPIRAN</b>		
A	Borang kaji selidik	151

## SENARAI JADUAL

2.1	Pecahan Kumpulan Kaum Dan Rumpun Orang Asli Mengikut Negeri, Tahun 2008	30
2.2	Status Pendidikan Orang Asli 1997-2008	43
2.3	Prestasi Pembangunan Masyarakat Orang Asli, 2008	43
2.4	Konstruk kriteria kejayaan peserta projek TSK dan definisi operasional	55
2.5	Konstruk impak sosio-ekonomi dan definisi operasional	59
3.1	Nama projek TSK dan bilangan peserta bagi Daerah Temerloh	70
3.2	Jumlah Sampel Kajian	72
4.1	Nama projek TSK dan jumlah peserta yang diambil sebagai sampel kajian	80
4.2	Jumlah peserta berdasarkan jantina	81
4.3	Jumlah bilangan isi rumah peserta TSK	82
4.4	Tahun penglibatan peserta dalam projek TSK	83
4.5	Penglibatan peserta dalam kursus berkaitan projek TSK	84
4.6	Pekerjaan sampingan yang diusahakan peserta projek TSK	85
4.7	Pelaksanaan Inovasi Pertanian di Projek TSK	87
4.8	Pelaksanaan Idea Berkualiti (Ilmu) Dalam Pertanian Bagi Projek TSK	89
4.9	Pelaksanaan Rekod Penanaman dan Kewangan dalam Pertanian Bagi Projek TSK	92
4.10	Pelaksanaan Pembudayaan Kualiti Kerja dalam Pertanian Bagi Projek TSK	94
4.11	Tindakan Petani Menghadapi Ekonomi Semasa (Baik Atau Lembab) Bagi Projek TSK	96
4.12	Bijak Menggunakan Sumber Sedia Ada Dalam Pertanian	98



4.13	Perubahan Pendapatan Bulanan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	102
4.14	Pemilikan Rumah Jenis Batu Sepenuhnya Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	104
4.15	Pemilikan Rumah Jenis Separa Batu Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	104
4.16	Pemilikan Rumah Jenis Kayu Sepenuhnya Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TS	105
4.17	Perbelanjaan Dapur dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	107
4.18	Perbelanjaan Harian dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	108
4.19	Perbelanjaan Harian Pasangan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	109
4.20	Perbelanjaan Harian Anak dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	110
4.21	Tren Pemakanan Nasi, Ayam Bandar dan Roti dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	112
4.22	Tren Pemakanan makanan segera, pemakanan di luar rumah dan pemakanan istimewa di rumah bersama keluarga dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	113
4.23	Aset TV, Aset Rancangan Astro, Aset internet rumah, Aset telefon rumah dan Aset telefon bimbit dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	116
4.24	Aset Peti Sejuk, Aset Kereta Dan Motosikal dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	118
4.25	Aset Tanah (dibeli), Aset Duit Simpanan dan Aset Saham dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	120
4.26	Aset Rumah Batu, Rumah Kayu dan Separa Batu dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	122
4.27	Mendapat khidmat kesihatan klinik swasta dan hospital kerajaan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	124
4.28	Mendapat khidmat kesihatan farmasi dan pengambilan suplemen dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK	125

## SENARAI RAJAH


1.1	Kemiskinan berdasarkan kumpulan etnik tahun 2009 dan 2014	15
1.2	Organisasi penulisan tesis	21
2.1	Taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia	31
2.2	Pembangunan masyarakat Orang Asli 1957-2020	46
2.3	Kerangka konseptual kajian	54
2.4	Kriteria kejayaan peserta TSK	58
2.5	Pembinaan konstruk perubahan sosio-ekonomi peserta TSK	61
3.1	Peta kedudukan negeri Pahang dan Daerah Temerloh	68
4.1.	Perbandingan jumlah pemilikan aset TV, astro, internet rumah, telefon rumah dan telefon bimbit dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK	115
4.2.	Perbandingan jumlah pemilikan aset peti sejuk, kereta dan motosikal dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK	117
4.3.	Perbandingan jumlah pemilikan aset tanah, duit simpanan dan saham dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK	119
4.4.	Perbandingan jenis rumah dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK	121
5.1.	Sistem latihan dan manfaatnya	135

## SENARAI SINGKATAN

DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DUN	Dewan Undangan Negeri
DWN	Dasar Wawasan Nasional
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FSPLB	Falsafah & Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar
ICT	Teknologi maklumat dan multimedia
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
INFRA	Institut Kemajuan Desa
IPTA	Pengajian Tinggi Awam
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia
JOA	Jabatan Orang Asli
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KIR	Ketua Isi Rumah
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KMM	Kumpulan Miskin Melampau
K-S	Kolmogorov-Smirnov
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MARDI	Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
PPRT	Projek Perumahan Rakyat Termiskin



PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PSK	Penyusunan Semula Kampung
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RKB	Bencana Alam, Rancangan Kampung Baru
RMK 3	Rancangan Malaysia Ketiga
RPS	Rancangan Pengumpulan Semula
PTPOA	Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli
S-W	Shapiro-Wilks
TSK	Tanaman Semula Komersil
TS3	Teras Strategi Ketiga
WPI	Wilayah Pembangunan Iskandar
X	Pemboleh ubah bebas (IV)
Y	Pemboleh ubah bersandar atau terikat (DV)



## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Perbincangan tentang masyarakat Orang Asli menggambarkan bahawa mereka adalah sebuah komuniti yang serba ketinggalan daripada arus kemodenan. Kemunduran yang dialami oleh komuniti ini seringkali dikaitkan dengan cara hidup nomadik dan memilih untuk menetap jauh dalam hutan. Justeru, muncul pelbagai konotasi yang tidak baik terhadap masyarakat Orang Asli seperti sebagai pemungut hasil hutan, mundur, terpisah dari dunia luar, berfikiran tertutup, sukar berkomunikasi dan pelbagai sikap negatif yang lain. Namun begitu, masih ramai yang tidak menyedari bahawa keadaan tersebut telah mengalami perubahan sama ada secara langsung atau tidak langsung kesan daripada pelbagai aktiviti pembangunan terancang dilaksanakan oleh kerajaan.

Keperihatinan kerajaan dalam menangani isu dan masalah masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia jelas digambarkan melalui usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti ini. Terdapat pelbagai program telah dilaksana dan sedang direncana dengan harapan agar komuniti ini dapat menikmati pembangunan selaras dengan matlamat negara demi kemajuan mereka seiring masyarakat umum lain. Sehubungan itu, usaha ke arah meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti ini secara berencana telah dimulakan semenjak Rancangan Malaysia Ketiga (RMK 3) iaitu

antara tahun 1976-1980 sehingga ke hari ini melalui bantuan atau kerjasama pelbagai pihak sama ada pada peringkat persekutuan mahupun negeri.

Jika diperhatikan terhadap aktiviti ekonomi Orang Asli, mereka telah banyak mengalami perubahan daripada kegiatan asal yang lebih tradisional seperti mencari sumber hutan daripada akar kayu, rotan dan damar kepada kegiatan ekonomi lebih moden seperti pemandu pelancong, peniaga, penoreh getah dan pengusaha kraftangan (Mohd Nur Syufaat & Seow Ta Wee, 2013). Malah, terdapat juga dalam kalangan mereka telah bekerja menerusi sektor perindustrian dan perkilangan. Justeru, kesan ledakan pembangunan yang berlaku telah merubah struktur masyarakat dan ekonomi Orang Asli. Malah, Robertson (1984) berpendapat komuniti ini juga mempunyai peluang lebih luas dalam membuat pilihan termasuklah jenis pekerjaan pada dunia hari ini. Bahkan, pilihan untuk melakukan pekerjaan bagi memperoleh sumber pendapatan juga telah mengalami perubahan kepada suatu bentuk baharu yang lebih moden. Idea pembangunan telah mula diterima oleh masyarakat Orang Asli melalui pendidikan dan pendedahan oleh media massa, lantas komuniti ini mula membentuk penyesuaian selaras dengan suasana baharu.

Justeru, dengan wujudnya perubahan ke atas aspek sosial maka secara tidak langsung turut memberikan impak kepada aspek ekonomi, di mana masyarakat Orang Asli lebih berminat untuk melakukan kerja yang membolehkan mereka mendapat sumber kewangan. Sementara itu, kerja-kerja mengumpul makanan dalam hutan semakin kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan perubahan kegiatan sosio-ekonomi ini turut mempengaruhi pemilikan aset persendirian serta mewujudkan perbezaan status sosial.

## **1.2 LATAR BELAKANG MASYARAKAT ORANG ASLI**

Semenjak lebih kurang 150,000 tahun lalu, kawasan hutan hujan tropika di Semenanjung Malaysia telah menjadi laluan utama bagi kaum neolitik dan telah membentuk penempatan secara berkelompok terutama di sepanjang sungai utama dan sumber hutan pula menjadi asas kelangsungan hidup mereka. Kedudukan semenanjung Malaysia di kawasan khatulistiwa yang beriklim panas dan lembap sepanjang tahun menjadi asas kekayaan khazanah alam. Hal ini telah diakui oleh ahli sejarah bahawa Semenanjung Malaysia merupakan kawasan paling subur di dunia, selain hutan Borneo dan hutan Amazon (Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas, 2009). Justeru, terdapat pelbagai sumber kekayaan alam semulajadi di seluruh hutan hujan tropika Semenanjung Malaysia dan sekaligus menjadi sumber kehidupan bagi kaum-kaum nomad atau primitif yang masih mengekalkan kehidupan tradisional sehingga pada masa kini. Kawasan hutan yang terpencil atau terasing daripada arus kemodenan menjadi habitat kepada mereka dan ia adalah selaras dengan sikap pemencilan diri secara semulajadi (Abdul Razaq & Zalizan Mohd Jelas, 2009).

Menurut perangkaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia (JHEOA) (JHEOA, 2008a; 2008b), setakat ini terdapat seramai 141,230 Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Negeri Pahang mempunyai penduduk Orang Asli paling ramai iaitu 50,792 orang, diikuti oleh Perak seramai 40,856 orang dan Selangor seramai 15,210 orang. Berdasarkan maklumat daripada JHEOA (2008b), masyarakat Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan besar iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Di bawah kumpulan Senoi terdapat enam suku kaum iaitu Temiar, Semai, Jahut, Che Wong (Pahang), Semoq Beri dan Mahmeri. Kebanyakan suku kaum ini terdapat di Perak Tengah, Perak Selatan, Pahang dan Selangor. Bagi kumpulan Negrito pula terdapat

enam suku kaum iaitu Kensiu, Kintaq, Jahai, Mendriq, Bateq dan Lanoh. Suku kaum-suku kaum ini terdapat di bahagian utara Semenanjung iaitu Kedah, Perak Utara, Kelantan (Gua Musang) dan Ulu Terengganu. Kumpulan Melayu Proto pula mempunyai enam suku kaum iaitu Temuan, Jakun, Semelai, Orang Kuala, Orang Seletar dan Orang Kanaq. Ramai daripada mereka ini tinggal di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selatan Pahang dan sebahagian Selangor.

Bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dari arus pembangunan negara, dipergunakan oleh penganas komunis atau tujuan faktor-faktor keselamatan, Jabatan Orang Asli (JOA) ditubuhkan pada tahun 1953 yang diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) (Hood Saleh, 1990). Pada peringkat awal penubuhan JOA, fungsinya lebih kepada memastikan masyarakat Orang Asli tidak dipengaruhi oleh sebarang unsur subversif dan dakwah komunis memandangkan mereka hidup jauh dalam kawasan hutan atau pedalaman.

Apabila kerajaan berhasil mematahkan pengaruh komunis, JOA diberi peranan baharu dengan nama baharu iaitu JHEOA pada 16 Sept 1963 dan diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Mulai dari tahun 2001, JHEOA diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (kini ditambah Wilayah) sehingga sekarang. Peranan jabatan ini adalah untuk mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dengan masyarakat umum bagi mewujudkan satu bentuk pola asimilasi kaum yang lebih baik. Usaha tersebut juga dilihat penting untuk mengikis tanggapan stereotaip terhadap Orang Asli yang sering dilabelkan sebagai mundur, ketinggalan zaman, pemalas, kotor dan selekeh.

Malah, peranan JHEOA untuk memperkasa pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli menjadi semakin ketara di bawah RMK 7 (1996-2000), RMK 8 (2001-2005) dan RMK 9 (2006-2010). Sehingga kini, kerajaan tidak pernah mengabaikan masyarakat Orang Asli, cuma proses perubahannya perlu mengikut kesesuaian masa dan tempat. Menurut Mohd. Adzmi Tahir (1998), hal ini adalah selaras dengan satu daripada cabaran Wawasan 2020 iaitu untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi dan sosial, manakala dalam konteks Gagasan 1Malaysia pula mempromosikan “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Kedua-dua dasar utama negara menjelaskan bahawa apa sahaja demi kebaikan rakyat adalah menjadi tugas kerajaan dan negara tanpa mengira kaum, lokaliti mahupun fahaman. Hal demikian jelas telah dilakukan oleh kerajaan sejak penubuhan JOA pada tahun 1953 hingga masa kini.

Umpamanya, Rancangan Penempatan Semula (RPS) suku kaum Asli yang bertebaran dalam hutan hujan tropika sepanjang Banjaran Titiwangsa agar hidup berkelompok dan memudahkan agenda pembangunan disalurkan kepada mereka serta mengintegrasikan kehidupan masyarakat Orang Asli dalam kehidupan yang moden dengan infrastruktur asas. Kerajaan juga membina prasarana perhubungan dan pengangkutan yang boleh sampai terus ke kawasan penempatan mereka. Selain itu, memastikan peluang pendidikan kepada anak-anak suku kaum Orang Asli diberikan perhatian melalui pembinaan sekolah-sekolah rendah di kawasan RPS bagi mengeluarkan masyarakat Orang Asli daripada kepompong kemiskinan dan menguasai kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira (Abdul Razaq & Zalizan Mohd Jelas, 2009).

Melalui RMK10 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak membawa perkhabaran gembira kepada lebih 150,000 masyarakat Orang Asli di seluruh negara. Ini kerana, dalam RMK 10 menumpukan perhatian terhadap pelaksanaan program pembangunan bersepadu dan bantuan peningkatan keupayaan khusus bagi mengurangkan kemiskinan dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, selain masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak. Menurut RMK 10, sasaran kerajaan adalah untuk mengurangkan jumlah kemiskinan dalam kalangan Orang Asli daripada 50 peratus pada 2009 kepada 25 peratus pada 2015. Mengikut perancangan, ia dilihat mampu membawa kesan positif, bagaimanapun timbul sedikit kerisauan akan keberkesanan perlaksanaannya.

Umum mengetahui bahawa kerajaan tidak pernah mengabaikan perihal keperluan masyarakat Orang Asli termasuk pendidikan, ekonomi dan kemudahan infrastruktur. Namun begitu, peratusan kadar kemiskinan yang masih tinggi dan kekurangan pemilikan aset, pegangan ekuiti serta perniagaan berskala besar dalam kalangan masyarakat Orang Asli mencerminkan perlu ada perubahan dan perancangan yang lebih teliti dalam pelaksanaan sesuatu program (Bernama, 2010). Menurut Presiden Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia, agensi pelaksanaan program pembangunan perlu melihat kepada tiga pendekatan iaitu kesesuaian dan asas ekonomi masyarakat Orang Asli di sesuatu tempat, menaik taraf projek sedia ada serta penyediaan latihan dan peluang pekerjaan.

Hal demikian penting kerana keperluan masyarakat Orang Asli, sama ada di kawasan bandar atau pedalaman adalah berbeza, sekaligus memerlukan pendekatan pembangunan yang berlainan. Contohnya, jika kebanyakan Orang Asli di sesebuah



penempatan tersebut menangkap ikan sebagai sumber pendapatan, maka program pembangunan perlulah berdasarkan asas ekonomi sedia ada seperti penyediaan sangkar yang boleh meningkatkan lagi pendapatan mereka. Tetapi sekiranya, kawasan tersebut dibangunkan dengan ladang getah, sudah tentu projek tersebut tidak berjaya kerana mereka tidak mahu dan tidak mahir menoreh getah (Bernama, 2010). Dalam usaha mengubah dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli yang mempunyai kira-kira 18 suku kaum di negara ini, pendidikan, kemahiran dan pemilikan tanah dilihat begitu penting. Menurut Presiden Persatuan Orang Asli Semenanjung Malaysia iaitu Majid Sahun, melalui pendidikan dan kemahiran masyarakat Orang Asli boleh bersaing dengan kaum lain serta melalui pemilikan tanah mereka boleh mencari rezeki tanpa dikacau ganggu oleh mana-mana pihak (Ma'rof Redzuan & Abdul Razak Abdul Rahman, 2008; Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah, 2007).

Sehubungan itu, bagi meningkatkan taraf hidup Orang Asli seramai kira-kira 141,000 orang di Malaysia, maka kerajaan perlu memberi tumpuan dalam pemberian tanah dan pendidikan terutama kepada generasi baharu RMK 10 (Bernama, 2010). Perkara ini juga selaras dengan titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke XIII iaitu Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, bersempena pembukaan sidang Dewan Rakyat penggal ke-12 pada 12 April 2008. Baginda bertitah agar "... pembangunan masyarakat Orang Asli juga akan dipertingkatkan meliputi bidang pendidikan, ekonomi dan kemudahan asas. Selain itu, pembangunan ladang getah dan kelapa sawit merupakan strategi utama bagi menambahkan pendapatan dan sekaligus mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan". Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak berwajib bagi membantu

menangani masalah pembangunan masyarakat Orang Asli supaya mereka seiring maju dengan kaum lain. Justeru, Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak Abdul Rahman (2008) serta Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah (2007) berpendapat hanya melalui pembangunan aktiviti sosio-ekonomi dan pekerjaan yang bercorak komersil dilihat relevan pembangunan masyarakat Orang Asli pada masa akan datang.

Beberapa kajian telah dijalankan berkaitan dengan pembangunan dan cara hidup Orang Asli di Malaysia. Umpamanya, Ramle Abdullah (2001) mendapati cara hidup masyarakat Orang Asli dianggap primitif dengan ekonomi yang berorientasikan sara diri dan tidak melibatkan ekonomi pasaran. Masyarakat ini menggunakan pendekatan tradisional dalam apa juga aktiviti yang dijalankan. Hal tersebut selaras dengan penjelasan oleh Endicott dan Kuchikura (1984) bahawa masyarakat Batek Negrito dan masyarakat Semaq Beri yang terdapat di Ulu Terengganu menggunakan peralatan seperti sumpitan, menangkap ikan dan mencari sumber hutan sebagai pekerjaan utama mereka.

Namun begitu, dengan proses pembangunan luar bandar yang pesat di Malaysia dan penerapan sistem ekonomi kapitalisme menyebabkan gambaran ini tidak lagi boleh diaplikasikan dalam ekonomi segolongan masyarakat Orang Asli (Gomes & Lim, 1990). Kajian Gomes (1986) dan Ramle Abdullah et al. (2009; 2014) ke atas masyarakat Semaq Beri mendapati aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh semua masyarakat Orang Asli adalah lebih kurang sama. Beliau telah mengkategorikan aktiviti perekonomian Orang Asli kepada dua iaitu aktiviti ekonomi bertujuan untuk mendapatkan wang seperti menoreh getah, mencari rotan dan mencari

kayu gaharu serta ekonomi yang bertujuan untuk sara diri seperti memancing, memburu binatang dan pertanian.

Kajian-kajian lain yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak mendapati memang telah lama timbul kesedaran dalam kalangan masyarakat Orang Asli mengenai kepentingan pembangunan. Pembangunan yang dijalankan ke atas mereka merangkumi aspek kemudahan, keperluan asas dan infrastruktur seperti jalanraya dan ekonomi yang berbentuk model baharu iaitu penggunaan wang sebagai asas urusniaga atau sumber kehidupan. Hal tersebut jelas kelihatan dari kajian yang dijalankan oleh Shamsul Amri Baharuddin (1972) ke atas Orang Asli Senoi-Semai di Pos Telanok, Pahang dan kajian-kajian lain berkaitan pembangunan dan perubahan kawasan luar bandar di Malaysia.

Menurut Hasan Mat Noor (2001), dalam kajiannya terhadap masyarakat Orang Asli di Parit Gong Negeri Sembilan mendapati hampir keseluruhan masyarakat Orang Asli di situ terserap ke dalam ekonomi pasaran akibat daripada pembangunan yang telah direncanakan oleh kerajaan (Hasan Mat Noor, 2001; 2009). Pada kelazimannya, Gomes dan Anthony (1993) berpendapat aktiviti-aktiviti ini dilakukan secara berasingan iaitu mengikut keadaan dan musim, pasaran dan kecenderungan mereka sendiri. Namun begitu, dalam sesuatu keadaan kedua-dua perekonomian ini dijalankan juga secara bersama.

### 1.3 PENYATAAN MASALAH

Perubahan corak kegiatan ekonomi dari berbentuk sara diri kepada kegiatan ekonomi komersil telah memberikan cabaran kepada masyarakat Orang Asli dan mereka mula mengubah corak hidup tradisional agar selari dengan perkembangan zaman. Pihak kerajaan dan JHEOA juga telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dari bersifat sosial mahupun perekonomian kepada masyarakat Orang Asli supaya dapat mendepani arus pemodenan. Ini termasuklah daripada kehidupan dalam hutan belantara dan berpindah-rendah kepada sebuah masyarakat yang boleh dikatakan semakin mengamalkan kehidupan lebih moden dan menetap di sesebuah kawasan. Kebergantungan mereka semata-mata kepada hasil hutan juga semakin berkurangan disebabkan kemampuan mereka dalam melakukan pekerjaan tetap termasuk membuka ladang atau bekerja di luar kampung. Pada awal RMK 9 (2006-2010) terdapat seramai 13,945 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin dengan pendapatan RM720.00 dan daripada jumlah tersebut, 9,003 KIR adalah miskin tegar dengan pendapatan RM420.00. Namun begitu, sehingga 30 April 2009 bilangan KIR miskin menurun kepada 4,939, sementara KIR miskin tegar adalah sekitar 1,810.

Menurut JHEOA (2003), pencapaian pembangunan komuniti Orang Asli melalui pelbagai program khusus yang dirancang untuk mereka selepas 40 tahun masih tidak menunjukkan pencapaian membanggakan. Paras kemiskinan serta kemelaratan hidup dalam kalangan KIR Orang Asli masih berada pada tahap yang tinggi dengan hampir 80 peratus isi rumah hidup di bawah garis kemiskinan. Malah dikatakan bahawa 50 peratus daripada mereka masih tergolong dalam kategori miskin tegar. Situasi ini mungkin tidak dapat diselesaikan sepenuhnya tetapi keterpinggiran masyarakat Orang Asli dalam arus pembangunan seharusnya dapat diminimumkan. Penyertaan

masyarakat Orang Asli dalam ekonomi komersil sememangnya wujud dalam kalangan mereka tetapi masih pada tahap yang rendah. Ini terbukti bahawa pengaruh pemodenan dan struktur ekonomi mereka yang berasaskan pasaran wujud dan dapat dilihat dari segi pemilikan aset oleh sebahagian ahli komuniti ini seperti radio, TV, peti ais, peralatan telekomunikasi dan sebagainya (Dyer et al., 2003).

Justeru, untuk membangunkan masyarakat Orang Asli, terdapat beberapa program yang telah dilaksanakan untuk membantu meningkat pendapatan masyarakat ini dan seterusnya terkeluar daripada garis kemiskinan. Misalnya, di Daerah Temerloh, Pahang terdapat beberapa program pembangunan telah dilaksanakan antaranya program pembangunan ekonomi bagi masyarakat Orang Asli di Daerah Temerloh iaitu projek Tanaman Semula Komersil (TSK). Walau bagaimana pun bagi projek yang berkaitan pembangunan ekonomi komersil secara ladang (pertanian) belum pernah dilaksanakan di Daerah Temerloh selain projek TSK (RISDA 1999; 2015).

Oleh itu, menerusi program ini, fokus diberikan kepada pembiayaan projek pembangunan ladang atau secara komersil. Projek ini dilaksanakan menerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) bagi membangunkan ladang kelapa sawit dan getah. Projek ini merupakan program utama bagi usaha mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengetahui sejauhmana penyertaan Orang Asli dalam projek TSK memberikan manfaat sama ada daripada segi sosial mahupun keadaan ekonomi mereka.

Selain itu, jika dibincangkan daripada segi perbezaan kajian ini dengan kajian sebelumnya jelas menunjukkan kebanyakan kajian sebelum ini dilakukan tertumpu kepada aspek budaya (Hall et al. 2009), cara hidup (Ramle Abdullah 2001), pembangunan orang asli (Kairul Hisyam kamurudin dan Ibrahim Ngah 2007; Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak Abdul Rahman 2008), keadaan sosio-ekonomi orang asli (Gomes 1986; Rahimah Abd. Aziz 2001; Ramle Abdullah et al. 2009; 2014). Namun jika diteliti kajian mengenai sejauhmana kejayaan penyertaan Orang Asli dalam projek yang terancang oleh pihak swasta mahupu kerajaan sepertimana TSK adalah masalah kurang. Justeru, dengan adanya kajian sebegini diharapkan dapat menambah ilmu pengetahuan yang baharu yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.

Sementara itu, matlamat utama projek TSK adalah membangunkan tanah masyarakat Orang Asli dengan tanaman kelapa sawit dan getah secara komersil serta memberikan pulangan hasil kepada peserta projek. Sehingga kini, RISDA dan FELCRA Berhad telah membangunkan tanah seluas 282,966.54 hektar di seluruh semenanjung dengan projek TSK iaitu seluas 160,115.32 hektar melibatkan tanaman sawit, manakala selebihnya getah dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Namun begitu, persoalan yang timbul adalah tentang kejayaan projek TSK dalam membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli, terutamanya di Daerah Temerloh, Pahang. Persoalan ini jelas kerana kaum asli masih lagi berada dalam keadaan serba kekurangan atau kemiskinan sama ada daripada aspek sosial (pendidikan, gaya hidup, kesihatan dan pemakanan) serta ekonomi (pendapatan, pemilikan harta dan pemilikan aset), walaupun setelah projek TSK dilaksanakan.

Hal ini selaras dengan pendapat Ketua Pengarah JAKOA iaitu Datuk Mohd Sani Mistam bahawa seramai 128 peserta di kampung Alur Beruang, Pahang terlibat dalam projek TSK yang dilaksanakan sejak 2010. Namun begitu, setelah empat tahun projek TSK dilaksanakan pada Julai 2014 merupakan kali pertama setiap peserta di sini menerima dividen sebanyak RM600. Selain itu, peserta juga menerima pendapatan tiga bulan sekali bermula Januari 2015 dan dibayar secara bulanan berjumlah RM400 hingga RM600 kepada setiap peserta. Sehingga kini, terdapat 77 projek TSK telah dijalankan di penempatan Orang Asli seluruh Pahang, di mana 73 projek TSK sudah lama dijalankan dan empat yang terbaharu melibatkan Kampung Alur Beruang serta tiga lagi di Pekan, Temerloh dan Kuala Lipis (Nurul Zaila Mohd Tahir, 2014).

Selain itu, TSK juga dikatakan telah memusnahkan tanaman yang diusahakan oleh Orang Asli dari generasi ke generasi dan mencemarkan serta mengecilkan kawasan tanah mahupun wilayah adat. Pulangan TSK juga sangat rendah dan tidak adil untuk peserta Orang Asli serta tiada maklumat yang sistematik atau telus tentang pembayaran dividen kepada peserta TSK Orang Asli. Terdapat juga aduan bahawa pemilikan atau penyertaan dalam TSK dipindahkan kepada pihak ketiga tanpa keizinan dan rundingan dengan waris peserta TSK yang telah meninggal dunia. Penggunaan surat aku janji oleh kerajaan adalah satu bentuk perangkap kepada Orang Asli yang menyertai TSK.

Apabila peserta menandatangani aku janji TSK, mereka tidak lagi mempunyai pilihan untuk keluar dari skim ini tanpa membayar denda yang jumlahnya akan diputuskan dan ditentukan oleh agensi-agensi berkaitan. Berdasarkan situasi-situasi tersebut timbul suatu isu yang mengaitkannya dengan kriteria kejayaan peserta Orang Asli




program TSK dan sejauhmanakah penyertaan mereka dalam projek TSK dapat membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka iaitu sebelum dan selepas menyertai projek TSK. Isu ini timbul kerana masalah pembayaran dividen, sama ada daripada segi kekerapan pembayaran dan jumlah dividen yang diterima peserta; selain itu masih berlaku kemiskinan dan sebagainya.

Malah, perbincangan tentang angka atau garis kemiskinan terkini bagi masyarakat Orang Asli merupakan sesuatu yang sukar kerana Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (*Household Income Survey*) yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap dua tahun sekali, malangnya tidak pernah memasukkan Orang Asli sebagai sebahagian daripada sampel kajian (Jabatan Perdana Menteri, 1993; Mohd Ayop Abd Razid, 2013). Walau, bagaimanapun pada tahun 1999, Bahagian Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Negara mengadakan satu penyiasatan pendapatan isi rumah bagi masyarakat Orang Asli. Hasil penyiasatan mendapati Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Orang Asli adalah RM510.00 untuk golongan miskin dan RM255.00 untuk golongan termiskin.

Berdasarkan kajian tersebut mendapati kadar kemiskinan Orang Asli bagi tahun 1999 ialah 50.9 peratus dan kadar termiskin adalah sebanyak 15.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1999). Menurut laporan JHEOA (2005), sebanyak 22,967 KIR Orang Asli masih memperoleh pendapatan di bawah garis kemiskinan. Sehubungan dengan itu, Unit Perancang Ekonomi berpendapat PGK Orang Asli Tahun 2012 selaras dengan RMK 10, PGK yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin tegar berdasarkan kepada kiraan di atas adalah sebanyak RM520.00 bagi setiap isi rumah.

Seterusnya, pada awal RMK9 (2006-2010) terdapat 13,945 KIR miskin berpendapatan RM720.00 dan daripada jumlah itu 9,003 KIR adalah miskin tegar berpendapatan RM420.00. Namun demikian, sehingga 30 April 2009 bilangan KIR miskin menurun kepada 4,939 sementara miskin tegar sekitar 1,810 (Mohd Ayop Abd Razid, 2013). Selain itu, satu kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (2014) mengenai perbandingan kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli dengan kumpulan etnik lain di Malaysia mendapati kadar kemiskinan bagi masyarakat Orang Asli pada tahun 2014 masih berada pada tahap tertinggal berbanding etnik lain. Ini menjelaskan bahawa masyarakat Orang Asli masih memerlukan bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan untuk membangun seiring dengan etnik-etnik yang lain di Malaysia (Rajah 1.1).



*Rajah 1.1* Kemiskinan berdasarkan kumpulan etnik tahun 2009 dan 2014  
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2014) dan JAKOA (2014)

Situasi ini menunjukkan bahawa, walaupun terdapat pelbagai program yang diatur dan dilaksana oleh pihak kerajaan, terutamanya dalam aspek ekonomi, namun taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli masih lagi rendah atau di bawah garis kemiskinan. Justeru, penilaian terhadap tahap kejayaan projek TSK dalam membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli di Daerah Temerloh, Pahang adalah penting. Ini selaras dengan hasrat kerajaan menetapkan enam teras untuk dicapai iaitu merangkumi: pembangunan modal insan, menggerakkan ekonomi, memperluaskan akses prasarana, meningkatkan kualiti hidup, melestarikan seni warisan Orang Asli dan memantapkan sistem tadbir urus organisasi. Dengan kata lain, ia bagi ‘Meneruskan Dasar Keadilan Sosial’ masyarakat Orang Asli supaya dapat menikmati taraf hidup baik setaraf dengan masyarakat lain di negara ini.

Selain itu, bagi meneliti kriteria kejayaan atau impak projek TSK ini, kajian menilainya berdasarkan kepada dua perkara iaitu kriteria kejayaan peserta dan impak perubahan taraf sosio-ekonomi peserta. Bagi menentukan kriteria kejayaan seseorang peserta projek TSK terdapat enam konstruk ukuran iaitu pemilikan inovasi, idea bernas, berorientasikan kualiti perkhidmatan, bijak menggunakan sumber sedia ada dan memiliki budaya kerja yang baik. Dari sudut konstruk ukuran perubahan taraf sosio-ekonomi pula terlibat enam perkara iaitu pendapatan, pemilikan rumah, tren perbelanjaan, pemakanan, pemilikan aset dan khidmat kesihatan. Oleh itu, bagi merungkai permasalahan ini terdapat beberapa persoalan kajian yang telah dikemukakan di bawah.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Bagi merungkai pernyataan masalah yang dikemukakan terdapat beberapa persoalan kajian telah dibentuk iaitu:

- i. Apakah kriteria yang menentukan kejayaan peserta Orang Asli dalam projek TSK di Daerah Temerloh?
- ii. Sejauhmanakah impak penyertaan Orang Asli dalam projek TSK dapat membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi?
- iii. Apakah langkah sesuai yang perlu dilaksanakan dalam usaha meningkatkan keberkesanan projek TSK terhadap Orang Asli di Temerloh?

#### **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Antara objektif kajian yang dikemukakan dalam kajian ini adalah:

- i. Menilai kriteria yang menentukan kejayaan peserta Orang Asli dalam projek TSK di Daerah Temerloh.
- ii. Meneliti impak perubahan taraf sosio-ekonomi peserta Orang Asli dalam projek TSK di Daerah Temerloh sebelum dan selepas menyertainya.
- iii. Meneliti langkah yang sesuai dalam meningkatkan keberkesanan projek TSK terhadap peserta Orang Asli di Temerloh.

#### **1.6 SKOP KAJIAN**

Kajian ini memfokuskan kepada masyarakat Orang Asli yang menjadi peserta kepada projek TSK di Daerah Temerloh, Pahang berdasarkan tempoh masa penyertaan mereka. Fokus utama kajian adalah untuk menilai kriteria kejayaan peserta projek TSK dengan menggunakan enam konstruk ukuran iaitu pemilikan inovasi, idea bernas, berorientasikan kualiti perkhidmatan, bijak menggunakan sumber sedia ada,

mahir dalam membuat keputusan, boleh menyusun organisasi dengan baik, memiliki budaya kerja yang baik.

Malah, di samping menggunakan enam konstruk ukuran bagi menilai kriteria kejayaan peserta, pemboleh ubah sosio-ekonomi juga digunakan sebagai penunjuk tahap kejayaan peserta merangkumi enam konstruk ukuran iaitu pendapatan, pemilikan rumah, tren perbelanjaan, pemakanan, pemilikan aset dan khidmat kesihatan. Gabungan daripada konstruk ukuran kriteria kejayaan dengan perubahan sosio-ekonomi sebelum dan selepas mengikuti projek TSK diharap dapat merumuskan tahap kejayaan peserta TSK Orang Asli di Temerloh, Pahang. Seterusnya, kajian dapat merumuskan strategi penambahbaikan untuk meningkatkan tahap kejayaan peserta projek TSK pada masa akan datang. Projek-projek TSK yang terlibat dalam kajian adalah:

1. TSK Orang Asli Kampung Pasu, Kuala Krau, Temerloh.
2. TSK Orang Asli Paya Rekoh, Kuala Krau, Temerloh.
3. TSK Orang Asli Penderas, Kuala Krau, Temerloh.
4. TSK Orang Asli Paya Sendayan, Lipat Kajang, Temerloh.
5. TSK Orang Asli Paya Mengkuang, Songsang, Temerloh.
6. TSK Orang Asli Sungai Leleh, Temerloh.

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Dengan adanya kajian sebegini dapat menilai sejauh mana keberkesanan atau kejayaan projek TSK yang dilaksanakan dapat mencapai matlamat ditetapkan atau sebaliknya. Sekiranya hasil kajian menunjukkan kegagalan projek mencapai matlamat maka pihak terbabit perlu mengambil tindakan segera secara menyeluruh bagi penambahbaikan projek yang dilaksanakan untuk kepentingan masyarakat Orang Asli. Tetapi jika keadaan sebaliknya di mana projek ini berjaya membawa kebaikan kepada

masyarakat Orang Asli terbabit maka, pihak kerajaan perlu membuat penilaian bagi melaksanakan projek ini dengan lebih serius dan meluaskan kawasan pelaksanaan agar kemakmuran dan nikmat pembangunan sosio-ekonomi dapat dirasai oleh kumpulan sasaran tersebut. Situasi ini juga selaras dengan hasrat pihak kerajaan sepertimana yang ditetapkan dalam RMK9 iaitu satu pelan pembangunan komprehensif dilaksanakan untuk menangani kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli (Jabatan Perangkaan Malaysia 2014; Jabatan Kemajuan Orang Asli 2014).

Pelan ini merangkumi strategi dan program untuk meningkatkan pendapatan dan menambah baik kualiti hidup melalui pelaksanaan projek ekonomi serta penempatan semula dan pembangunan modal insan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Usaha ditumpukan ke arah meningkatkan akses masyarakat Orang Asli kepada projek yang menjana pendapatan seperti penanaman tanaman makanan, kraf tangan dan pelancongan serta penyediaan peluang pekerjaan, infrastruktur dan kemudahan asas lain. Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (2011-2015) yang bertunjangkan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar adalah pelan komprehensif untuk membangun masyarakat Orang Asli. Pelan ini menetapkan enam teras untuk dicapai merangkumi pembangunan modal insan, menggerakkan ekonomi, memperluaskan akses prasarana, meningkatkan kualiti hidup, melestarikan seni warisan Orang Asli dan memantapkan sistem tadbir urus organisasi (Jabatan Perangkaan Malaysia 2014; Jabatan Kemajuan Orang Asli 2014).

Selain itu, di bawah Teras Strategi Ketiga (TS3) RMK 10, iaitu 'Meneruskan Dasar Keadilan Sosial', masyarakat Orang Asli akan terus dibantu supaya dapat menikmati

taraf hidup yang baik sama dengan masyarakat lain di negara ini. Kerajaan seterusnya mempergiatkan pelaksanaan pelbagai program ekonomi dan penyediaan kemudahan asas. Kerajaan juga mempertimbangkan kaedah untuk memberi hak milik tanah kepada masyarakat Orang Asli bagi membolehkan mereka mendapat manfaat daripada program pembangunan pertanian secara bersepadu melalui pendekatan agropolitan dan ladang kontrak. Justeru, kajian ini adalah penting bagi kedua-dua pihak sama ada kerajaan dan masyarakat Orang Asli. Di mana, kajian mampu menilai kejayaan salah satu program yang dilaksanakan oleh kerajaan demi meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli (Jabatan Perangkaan Malaysia 2014; Jabatan Kemajuan Orang Asli 2014).


Selain itu, kajian ini juga pastinya turut menyumbang kepada penambahan ilmu yang berkaitan dengan pembangunan sosio-ekonomi Orang Asli di negara ini dan boleh dijadikan rujukan kepada para pengkaji pada masa hadapan. Ini kerana kajian berkaitan komuniti Orang Asli pada masa kini dilihat kurang mendapat perhatian pengkaji sama ada dalam dan luar negara berbanding pada tahun 1970an dan 1990an yang dilihat kajian mengenai masyarakat Orang Asli sangat giat dijalankan. Justeru, dengan adanya kajian sebegini diharap dapat menambahkan ilmu dan pengetahuan kepada para pengkaji berkaitan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

## **1.8 ORGANISASI PENULISAN TESIS**

Kajian mengenai kriteria kejayaan peserta projek TSK dalam meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada beberapa bab. Penulisan tesis ini mengandungi sebanyak lima bab (Rajah 1.2) iaitu; Bab Satu, sebagai Pendahuluan yang memfokuskan kepada hala tuju kajian, pembinaan pernyataan masalah, penetapan



persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan dan skop kajian. Seterusnya, Bab Dua membincangkan tentang Ulasan Literatur merangkumi tentang konsep masyarakat Orang Asli, kejayaan projek TSK, taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli dan perbincangan tentang kerangka konseptual kajian.



Rajah 1.2. Organisasi penulisan tesis

Bab Tiga pula, membincangkan Lokasi kajian dan Metodologi yang digunakan dari segi pendekatan kajian kuantitatif, teknik persampelan dan analisis data. Bab Empat menumpukan kepada perbincangan hasil kajian mengenai kriteria kejayaan projek TSK dan impak penyertaan peserta Orang Asli dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka atau sebaliknya iaitu bagi menjawab objektif kajian pertama dan kedua. Bab Lima pula adalah Penutup Kajian yang membincangkan tentang cadangan penambahbaikan berkaitan projek TSK dalam membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli sama ada dari segi halangan dan sebagainya. Organisasi penulisan tesis ini dirangka bagi memperjelaskan tentang pembahagian penulisan agar dapat dilaksanakan secara sistematik oleh pengkaji.

## **1.9 KESIMPULAN**

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat Orang Asli di negara ini selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru. Usaha yang dijalankan adalah bermatlamat ke arah mempercepatkan peningkatan taraf sosio-ekonomi di samping mengekalkan budaya mereka agar setanding dengan masyarakat lain di negara ini. Dengan kata lain, program pembangunan masyarakat Orang Asli adalah bermatlamat untuk memberi kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain ke arah mencapai pembangunan yang seimbang antara masyarakat di Malaysia.

Bab Dua berikutnya adalah menyentuh tentang tiga aspek asas iaitu definisi konseptual berkaitan dengan konstruk-konstruk kajian, kajian lepas yang membawa kepada penetapan sumbangan ilmu dan kerangka konseptual sebagai asas memandu pelaksanaan kajian ini.



## **BAB DUA**

### **ULASAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Pihak kerajaan telah berusaha untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli melalui pelbagai program transformasi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan secara berperingkat dengan kerjasama JAKOA. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan agenda pembangunan Orang Asli dapat dipantau pelaksanaannya kerajaan mewujudkan '*Focus Group*' pembangunan Orang Asli pada tahun 2009. Di mana *Focus Group* ini berperanan menangani isu pembangunan Orang Asli melalui lima kumpulan fokus utama yang merangkumi ekonomi, kemudahan prasarana, pendidikan, kesihatan serta pengetahuan tradisional dan warisan Orang Asli.

Bagi menjayakan program transformasi tersebut penglibatan lain-lain agensi dan jabatan kerajaan seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pejabat Daerah, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Kemajuan Desa (INFRA), RISDA, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) turut sama membantu JAKOA dalam menjayakan pembangunan masyarakat Orang Asli.

Oleh itu, proses pembangunan tersebut dapat menjadi satu pemangkin kepada transformasi manusia dan persekitaran fizikal yang lebih berkualiti di samping dapat mengekalkan sosio-ekonomi dan budaya yang telah sekian lama diamalkan. Ukuran kejayaan seseorang peserta projek TSK boleh dilakukan dengan dua kaedah iaitu melalui teori dan pembentukan kerangka konseptual berdasarkan pemboleh ubah semasa dan perlu merentas dua senario iaitu bersifat fizikal serta dalaman diri. Justeru, perbincangan dalam bab ini menjurus kepada pembentukan kerangka konseptual kajian berdasarkan perkara asas melibatkan penentuan konstruk ukuran tentang kriteria kejayaan serta impak perubahan sosio-ekonomi peserta TSK.

## **2.2 DEFINISI KONSEP**

Bahagian ini membincangkan tentang definisi konsep bagi dua aspek penting iaitu konsep masyarakat Orang Asli dan Tanaman Semula Komersil (TSK).

### **2.2.1 Masyarakat Orang Asli**

Masyarakat Orang Asli atau penduduk peribumi adalah merujuk kepada kumpulan etnik awal yang mendiami sesuatu wilayah iaitu sebelum wilayah itu wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat (Hasan Mat Nor 1998). Hal ini selaras dengan Kamus Dewan memberi takrif peribumi sebagai ‘penduduk asli’ dan juga bumiputera (DBP, 1964). Selain itu, definisi yang hampir sama diberikan dalam Kamus Longman 1997, yang mentaktifkan peribumi sebagai *aboriginal* iaitu para penduduk asal (*aborigines*) yang telah wujud di sesuatu kawasan atau negeri sejak awal lagi. Dalam konteks ini, dapat difahami bahawa peribumi merupakan istilah umum yang digunakan bagi merujuk kepada semua kelompok manusia yang dianggap sebagai penghuni asal atau terawal di Malaysia.

Dari sudut perundangan pula Hasan Mat Nor 1998, telah mengemukakan takrifan masyarakat peribumi adalah menrangkumi dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Menurut beliau, kumpulan kaum yang diklasifikasikan sebagai bumiputera adalah meliputi Orang Melayu yang mendiami Semenanjung Malaysia; penduduk-penduduk natif lain di Sarawak termasuklah Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut; dan penduduk-penduduk natif lain di Sabah seperti Orang Melayu, Kadazan, Dusun dan Bajau.

Orang Asli pula meliputi tiga kelompok etnik utama yang dikenal sebagai Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Hasan Mat Nor, 1998; Sunaidin, 1997). Pengkaji terkemudian seperti Nicholas (2000) mentakrifkan panggilan 'Orang Asli' bermaksud 'tulen' atau 'masyarakat pertama' yang mendiami Semenanjung Malaysia. Menurut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) semakan 1974, mana-mana bapanya merupakan ahli dalam kumpulan etnik Orang Asli dan mengikut cara hidup Orang Asli dari segi adat dan kepercayaan (Malaysia 1974). Ulasan lanjut mengenai Orang Asli menurut Nicholas, 2000; Nicholas, 2004; Sunaidin, 1997, merupakan penduduk terawal yang mendiami Semenanjung Malaysia iaitu semenjak lebih kurang 5,000 tahun lalu.

Masyarakat Orang Asli dipercayai berasal dari Negeri China dan Tibet serta melakukan penghijrahan dengan menyusuri laluan tanah besar Asia Tenggara sebelum bertapak di Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia. Namun pada masa kini, Masyarakat Orang Asli merupakan kelompok minoriti penduduk peribumi di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli dianggap sebagai minoriti kerana jumlah mereka adalah sedikit misalnya, pada tahun 2000 hanya seramai 132,000

orang dan merangkumi 0.5% dari jumlah keseluruhan penduduk Malaysia (JHEOA, 2003; JHEOA, 2008a; JHEOA, 2008b).

Tren taburan penduduk Orang Asli mengikut negeri dalam tempoh 1957-1998. Tumpuan utama petempatan Orang Asli ialah di negeri Pahang dan Perak yang mencatatkan lebih daripada dua pertiga daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pulau Pinang, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah tidak mempunyai penduduk Orang Asli bagi tahun 1998. JHEOA telah membahagikan perkampungan Orang Asli kepada tiga kategori iaitu pedalaman, pinggir bandar dan bandar. Sebahagian besar daripada perkampungan Orang Asli berada di kategori pinggir yang mempunyai kemudahan asas dan boleh dihubungi dengan jalan berturap. Kira-kira 42 peratus perkampungan Orang Asli berada dalam kategori pedalaman dan belum mempunyai kemudahan asas yang sempurna serta sukar dihubungi. Hanya enam perkampungan berada dalam kategori bandar. Sementara itu, masyarakat Orang Asli yang dikategorikan dalam satu kaum yang sama akan mengamalkan kegiatan sosio-ekonomi yang hampir sama, tetapi sebenarnya mereka bukanlah kelompok manusia homogenous kerana berberza mengikut suku bangsa dan kawasan yang didiami. Masyarakat Orang Asli dibahagikan kepada tiga kumpulan sukubangsa iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (JHEOA, 2003; JHEOA, 2008a; JHEOA, 2008b; Nicholas, 2000; Sunaidin 1997).

Bagi istilah peribumi ini barulah muncul dua istilah yang lebih spesifik digunakan bagi membezakan status kumpulan-kumpulan 'para penduduk asal' ini iaitu bumiputera dan Orang Asli. Hasan Mat Nor (1998) telah mengemukakan takrifan masyarakat peribumi menurut klasifikasi perundangan di mana terdapat dua kelompok

warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Menurut beliau, kumpulan kaum yang diklasifikasikan sebagai bumiputera adalah meliputi Orang Melayu di Semenanjung; Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut serta penduduk-penduduk natif lain di Sarawak; dan Orang Melayu, Kadazan, Dusun, Bajau dan penduduk-penduduk natif lain di Sabah. Manakala Orang Asli pula meliputi tiga kelompok etnik utama dikenal sebagai Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Hasan Mat Nor, 1998; Sunaidin, 1997). Pengkaji terkemudian seperti Nicholas (2000) mentakrifkan panggilan 'Orang Asli' bermaksud 'tulen' atau 'masyarakat pertama' yang mendiami Semenanjung Malaysia.

Perbezaan maksud istilah bumiputera dan Orang Asli dapat dilihat dengan merujuk kepada definisi di dalam perlembagaan negara dan juga Akta Orang Asli 1954 (Malaysia, 1974). Menurut (fasal) perlembagaan, istilah bumiputera membawa maksud yang lebih luas dan merangkumi keseluruhan Malaysia. Manakala, Akta 134 iaitu akta khusus bagi Orang Asli hanya boleh dikuatkuasakan bagi Semenanjung Malaysia, menetapkan empat syarat utama bagi mendefinisikan Orang Asli iaitu:

- i. Mana-mana orang yang bapanya adalah dari rumpun bangsa Orang Asli yang bercakap dalam bahasa Orang Asli yang lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan. Ini termasuklah keturunan Orang Asli itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
- ii. Anak dari apa-apa persatuan antara seseorang perempuan Orang Asli dengan seseorang lelaki dari kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap



dalam bahasa Orang Asli yang adat dan kepercayaan Orang Asli yang masih lagi menjadi seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.

- iii. Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli kerana ia telah masuk sesuatu agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, ia masih mengikut cara hidup Orang Asli serta bercakap dalam bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seseorang Orang Asli semata-mata oleh sebab ia mungkin mengamalkan agama itu.
- iv. Apa-apa soal sama ada seseorang adalah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Daripada definisi yang dibincangkan di atas, mendapati masyarakat Orang Asli merupakan warga peribumi (golongan penduduk asal) Malaysia, namun agak berbeza dengan kelompok penduduk yang diistilahkan sebagai masyarakat bumiputera. Ini kerana peruntukan dalam akta telah jelas bahawa istilah Orang Asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Malaysia, manakala lain-lain kaum asal di Sabah dan Sarawak serta Orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera. Oleh yang demikian, maksud dan penggunaan istilah 'Orang Asli' dalam kajian ini hanya akan merujuk kepada tiga kumpulan etnik Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto.

Orang Asli juga dikenali sebagai Aslian dan seringkali dinamakan sebagai Sakai walaupun sebenarnya penggunaan nama tersebut tidak digalakkan. Hal ini kerana menurut persepsi umum, Sakai adalah kelompok manusia yang hidup dalam hutan dan masih meneruskan gaya hidup yang bersifat primitif. Mereka juga dikatakan tidak mempunyai agama yang khusus dan tiada peraturan hidup dan dianggap sebagai

bodoh dan tidak mahu menerima kemajuan malah ada yang mengatakan bahawa masyarakat ini hidup liar dan ganas (Er Ah Choy et al. 2010). Menurut Abdul Talib Bon et al (2003),Orang Asli juga boleh dibahagikan kepada 19 sub golongan tetapi bagaimana pun untuk tujuan pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (sekarang JAKOA) membahagikan sejumlah golongan tersebut kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto yang juga disebut Melayu Asli. Pembahagian kepada golongan-golongan tersebut adalah berdasarkan rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap golongan (Jadual 2.1 dan Rajah 2.1).

Jadual 2.1.

*Pecahan Kumpulan Kaum dan Rumpun Orang Asli Mengikut Negeri, Tahun 2008*

<b>Negeri</b>	<b>Negeri Senoi</b>	<b>Melayu Proto</b>	<b>Negrito</b>	<b>Jumlah</b>
Johor	44	10,893	1	10,938
Kedah	-	-	196	196
Kelantan	9,702	19	1,086	10,807
Melaka	27	1,208	-	1,235
N. Sembilan	74	8,380	-	8,454
Pahang	23,120	26,892	780	50,792
Perak	40,856	410	1,575	42,841
Selangor	4,651	10,556	3	15,210
Terengganu	682	45	30	757

Sumber: JAKOA 2008; 2012; JHEOA 2008a; JHEOA 2008b

### **2.2.2 Tanaman Semula Komersil**

Tanaman Semula Komersil (TSK) merupakan satu kaedah menanam semula melalui penyatuan kebun-kebun kecil yang diuruskan dari peringkat pembangunan sehingga pengeluaran, pemasaran secara cekap dan menguntungkan. Di mana kebun-kebun dengan keluasan tidak kurang daripada 10 hektar yang diuruskan secara komersil dan tidak terhad kepada bilangan lot. Tujuan TSK adalah memberi manfaat kepada

pekebun kecil dari segi kemudahan pengurusan profesional dan pembiayaan pembangunan tanah mereka. Dengan penyatuan tanah pekebun kecil akan menjadi satu kawasan yang lebih ekonomik bagi memaksimumkan pulangan secara berterusan kepada pekebun kecil. Selain itu, projek TSK bertujuan untuk mempercepatkan penggunaan teknologi yang bersesuaian dalam semua bidang pertanian.



*Rajah 2.1.* Taburan orang asli di Semenanjung Malaysia  
Sumber: JAKOA 2012

Dengan kata lain, menerusi projek TSK adalah ditumpukan kepada pertanian secara pembangunan ladang dan dilaksanakan menerusi RISDA dan FELCRA bagi membangunkan ladang kelapa sawit dan getah. Projek TSK merupakan aktiviti utama dalam usaha mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang

Asli. Peningkatan produktiviti diharap dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi khususnya peserta TSK Orang Asli. Bagi merealisasikan TSK, pihak JAKOA dan Risda Plantation telah menetapkan KPI produktiviti pengeluaran kelapa sawit perlu ditingkatkan antara satu hingga dua tan metrik seekar dan sekaligus memberikan keuntungan kepada peserta masyarakat Orang Asli kerana dividen yang diperolehi akan bertambah dan pendapatan juga dapat ditingkatkan (RISDA 1999; 2015).

### **2.2.3 Sosio-ekonomi**

Sosio-ekonomi adalah suatu konsep yang sukar untuk diukur dengan tepat oleh mana-mana negara kerana ia tidak sama antara kawasan, negeri mahupun wilayah. Duncan (1969) merupakan pelopor kepada konsep sosio-ekonomi dalam melihat Teori Perubahan Sosial. Bagi beliau sosio-ekonomi tidak boleh diukur dengan menggunakan hanya suatu set penunjuk yang sama untuk semua negara, tempat mahupun kawasan kerana bergantung kepada persekitaran sosial sesebuah negara. Oleh itu, Duncan (1969) pada peringkat awal memperkenalkan konsep sosio-ekonomi mencadangkan penunjuk (pemboleh ubah) seharusnya terdiri daripada pendidikan, pekerjaan, pendapatan dan penggunaan. Cant (1975) berpendapat bahawa memandangkan pengukuran terhadap taraf sosio-ekonomi adalah pelbagai cara dan berbeza pula dari segi konstruksinya, maka rujukan terhadap amalan kebiasaan adalah memadai.

Menurut Australian Government Commonwealth Grants Commission (2012), kepelbagaian kaedah mengukur taraf sosio-ekonomi menjadikan negara sukar untuk menentukan perubahan sosio-ekonomi baik bagi individu mahupun sesuatu kumpulan tertentu. Oleh kerana itu, konstruk ukuran hanya boleh digunakan berdasarkan amalan kebiasaan sesebuah negara atau berdasarkan keperluan semasa. Bagi Negara

Australia, kebiasaan konstruk pada mana-mana ukuran melibatkan empat perkara asas paling kerap digunakan iaitu pemakanan, pemilikan aset, perbelanjaan dan penggunaan tenaga elektrik. Di lain-lain negara seperti Lubnan (IOM International Organization for Migration, 2010) dan India (Lee1 et al., 2003), taraf sosio-ekonomi yang amat penting dilihat pada jenis kediaman, pendapatan, pemilikan aset, pendidikan dan perbelanjaan isirumah.

### **2.3 SENARIO KEMISKINAN DAN TARAF SOSIO-EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI**

Definisi kemiskinan dan kaedah ukurannya merupakan suatu perkara yang sukar dan secara umumnya, kemiskinan dianggap sebagai isu yang subjektif yang boleh dilihat dari pelbagai dimensi (Rahimah Abd. Aziz 2001). Antara faktor yang dikaitkan dengannya termasuklah faktor ekonomi, sikap individu (psikologi-sosial) dan sistem agihan serta pertumbuhan dalam sesebuah negara itu. Kebanyakan pengkaji mengaitkan kemiskinan dengan kekurangan pendapatan dan ketidakmampuan individu dan isi rumah untuk memenuhi keperluan hidup atau keperluan harian. Di mana mereka hanya dapat memenuhi keperluan hidup yang asas sahaja dalam tempoh masa sebulan.

Bagi ahli ekonomi pula, kemiskinan merujuk kepada garis pendapatan minimum isi rumah untuk menyediakan keperluan makanan dan juga keperluan hidup asas lain. Justeru, jika seseorang itu berada di bawah garis tertentu mengikut ukuran yang ditetapkan, maka ia sudah dianggap miskin. Bank Dunia menyebut kemiskinan dirujuk sebagai ketidakupayaan seseorang untuk mencapai standard hidup yang minimum dari segi keperluan zat pemakanan, penggunaan dan tahap penglibatan (Easterly & Fischer 2001; Easterly et al 2006).

Townsend (1993), mendefinisikan kemiskinan sebagai seseorang individu itu sebagai miskin sekiranya mempunyai standard hidup dan pendapatan yang rendah diukur dengan indeks deprivasi (deprivation index) atau perbelanjaan pengguna. Ahli sosiologi pula menentukan kemiskinan berdasarkan kepada kedudukan seseorang dalam masyarakat dan berkaitan struktur stratifikasi masyarakat (lower less person). Dalam konteks ini golongan miskin berada pada stratifikasi paling bawah dan memiliki ciri-ciri budaya tersendiri yang dikenali sebagai “culture of poverty” (Hall et al 2009). Mereka adalah golongan yang mempunyai kelas, status sosial dan kuasa yang paling rendah dalam masyarakat. Golongan miskin ini memiliki pendapatan tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas dan kemudahan sosial sekurang-kurangnya pada kadar yang paling minimum manakala dari sudut psikososial pula, kemiskinan terutamanya kemiskinan tegar boleh mewujudkan tekanan dalam jiwa mereka.

Konsep kemiskinan psikososial yang dikenali sebagai ‘psikodinamik’ memberikan fokus kepada aspek kehidupan dan keperibadian individu itu sendiri sebagai faktor kemiskinan. Sikap individu sebagai faktor kemiskinan adalah berkaitan dengan ciri-ciri psikologi, sosial dan budaya individu yang akan menentukan perubahan dirinya dan juga perubahan masyarakatnya. Ini membabitkan mentaliti dan budaya masyarakat setempat misalnya, sikap atau perangai individu atau masyarakat yang tidak mahu menerima perubahan dan ini memberi kesan kepada kehidupannya. Selain itu, faktor kurangnya motivasi dan latihan juga mempengaruhi kemahuan untuk seseorang itu berubah sebagaimana Pepatah Melayu ada menyebut ‘Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang’ yang bermaksud kejayaan tidak mungkin datang dengan sendiri tanpa usaha gigih (Hasan Mat Nor 1998; 2009).

Hidup akan terus pada takuk lama jika tiada kesungguhan untuk mengubah diri dan keluar dari belenggu kemiskinan atau kedaifan. Professor Diraja Ungku Aziz telah memperkenalkan istilah baharu bagi kelompok termiskin iaitu Kumpulan Miskin Melampau (KMM) atau Extreme Poverty Group pada tahun 2012. Ukuran yang digunakan beliau dalam mentakrifkan KMM ialah setiap keluarga lima orang ahli (Contoh: suami, isteri dan tiga orang anak) hidup di bawah kemiskinan jika pendapatan kasar mereka kurang daripada RM800 sebulan (Mohd Ayob Abd Razid 2013).

Kajian berkaitan komuniti orang asli meliputi pelbagai seperti aspek-aspek budaya, sosio-ekonomi dan kepercayaan komuniti tersebut. Kajian oleh Mercer 1994; Dyer & Schuler 2003) umpamanya melihat aspek sosio-ekonomi mereka. Masyarakat asli di Hopi Arizona, Amerika Syarikat dikatakan menerima perubahan dalam kehidupan mereka daripada kehidupan berasaskan ekonomi sara diri di sektor pertanian. Penerimaan tersebut juga telah membawa kepada perubahan dari aspek jenis-jenis rumah dan struktur kampung yang tradisional kepada yang lebih radikal akibat kemerosotan sektor pertanian dan naiknya upah buruh.

Ryan & Huyton (2002), telah membuat kajian mengenai sistem sara diri masyarakat Yukpu di kawasan sempadan Columbia, Venezuela yang mendapati ekonomi masyarakat ini adalah berasaskan kepada pertanian pindah yang diusahakan dalam pelbagai bentuk. Pada tahun yang sama, Ushec telah mengkaji mengenai perkaitan aspek-aspek ekonomi dengan ekologi masyarakat Bankslanders di Pulau Banks, di utara Kanada menunjukkan aktiviti memburu dan menjerat binatang merupakan kegiatan ekonomi yang utama masyarakat tersebut.

Dyer & Schuler (2003) dalam kajiannya terhadap masyarakat orang asli di Australia membuat perbandingan ekologi enam kumpulan masyarakat Orang Asli. Kajian tersebut mendapati ciri-ciri penduduk, peluang-peluang ekonomi yang sedia ada dan sejauh mana bergantung kepada campurtangan kerajaan adalah faktor penting yang membentuk pola-pola sosial-ekonomi dan perbezaan ciri-ciri utama masyarakat primitif. Kajian mengenai masyarakat orang asli turut dilakukan di Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Melayu. Walter William Skeet dan Charles Otto Blagden (1906) merupakan dua pengkaji terawal yang mengkaji berkaitan dengan Orang Asli di Tanah Melayu.

Mereka telah menulis buku yang bertajuk “Pagan Races of Malay Peninsular “, yang membicarakan secara ringkas mengenai kumpulan-kumpulan orang asli di Semenanjung Malaysia. Mereka menyentuh soal-soal budaya, sifat fizikal orang asli dan kehidupan mereka. Kayoko Ishii (2012) menunjukkan bahawa pelancongan etnik menyediakan sumber pendapatan kepada komuniti minoriti tempatan. Walau bagaimanapun, hasil pendapatan golongan muda dan wanita adalah lebih tinggi daripada orang tua menyebabkan terdapat jurang perbezaan yang mengganggu sistem sosial mereka. Menurut Kayoko Ishii (2012), mendapati dengan wujudnya pertemuan dengan orang asli di Thailand, pelancong mula menghargai budaya orang asli berdasarkan lima pusat dimensi iaitu setelah mereka melihat cara hidup, persekitaran, kesahihan, setelah berinteraksi dengan Orang Asli serta mengalami sendiri pembelajaran tak formal.



Ryan Chris (2002) melaporkan keputusan kaji selidik pelancong yang telah melawat Central Australia. Dilaporkan aktiviti mengenali budaya Orang Asli Australia adalah kurang menarik berbanding aktiviti-aktiviti lain dan hasil kajian mengesahkan hanya kumpulan-kumpulan penyelidik iaitu golongan minoriti dari jumlah pelancong yang melawat Australia menunjukkan tahap minat yang tertinggi terhadap budaya orang Asli Pam Dyer (2003) menunjukkan bahawa kesan positif pelancongan yang dikenal pasti oleh kajian ini termasuklah kebangkitan semula budaya Djabugay, peluang pekerjaan, dapat bekerja bersama-sama dengan komuniti sendiri, meningkatkan pemahaman silang budaya dan kebajikan mereka dijaga dengan lebih baik.

Menurut Buultjens & White (2010a) dan Buultjens et al (2010b), meneliti penglibatan Orang Asli dalam pelancongan di Weipa barat Queensland dan peranan operasi perlombongan bauksit Comalco yang kini dikenali sebagai Rio Tinto Aluminium, dalam membantu perkembangan ini. Walau bagaimanapun, lombong itu tidak terlibat secara langsung tetapi adalah sebagai pemudah cara bekerja dengan beberapa organisasi serantau orang Asli. Jelas daripada kajian lepas, kehidupan masyarakat Orang Asli termasuk di Malaysia telah mengalami perubahan terutama dari aspek ekonomi dengan membanggunya ekonomi negara. Ini bermakna masyarakat ini telah dibangunkan sama seperti masyarakat lain di negara ini. Oleh kerana membanggunya masyarakat ini maka taraf kehidupan mereka juga dijangkakan telah meningkat.

Di Malaysia, kajian mengenai isu pembangunan masyarakat Orang Asli banyak dilakukan seawal petempatan mereka sehingga kini. Misalnya, kajian di Hutan Simpan Bukit Lagong mendapati aktiviti ekonomi masyarakat Orang Asli di hutan simpan tersebut masih berbentuk sara diri dan 'secukup hidup'. Begitu juga menurut

Ma'rof Redzuan dan Abdul Razak Abdul Rahman (2008), pembangunan Orang Asli dan Ekologi Hutan menunjukkan bahawa 65 peratus responden yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli yang tinggal di Rancangan Petempatan Semula (RPS) Banun dan Kemar di Perak menghadapi masalah pada peringkat awal mereka di RPS iaitu pada tahun 1979 termasuklah masalah infrastruktur, masalah ekonomi dan masalah kesempitan hidup.

Namun setelah dua dekad penatap di kawasan tersebut masih terdapat, lebih 90 peratus daripada mereka masih menghadapi masalah yang boleh dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu masalah kemudahan asas dan masalah ekonomi dan ini menunjukkan bahawa RPS di bawah PPT masih belum mampu memberi sepenuhnya impak positif kepada masyarakat Orang Asli setempat. Usaha membangunkan masyarakat Orang Asli telah dilakukan sama ada melalui pembangunan terancang dan pembangunan umum yang dilaksanakan oleh agensi awam dan swasta serta kesemua program pembangunan sosial dan ekonomi adalah bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Pembangunan ekonomi meliputi program yang terancang dan bersifat jangka pendek dan panjang. Bagi program jangka pendek termasuklah tanaman sayuran, ternakan kambing, lembu dan ikan manakala bagi jangka panjang berupa bantuan dalam bidang perniagaan dan kemahiran seperti kraf tangan dan sebagainya (Jabatan Kemajuan Orang Asli 2008; 2014).

Pembangunan dalam aspek sosial pula meliputi pemberian prasarana, pendidikan anak-anak, pembinaan sekolah, asrama, pusat kesihatan, pembangunan rohaniah, pembangunan keluarga, pembinaan rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dan sebagainya. Namun sehingga kini semua program yang dilaksanakan

belum berjaya mencapai matlamat untuk membangun dan meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli ke arah yang lebih baik. Malah sehingga kini masih ramai masyarakat Orang Asli yang miskin dan mundur dalam pelbagai bidang yang diusahakan serta peruntukan yang banyak telah diberikan (Yahaya Ibrahim 2009; 1994).

Kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli masih berada pada tahap yang tinggi dan dianggarkan hampir 80 peratus dalam kalangan mereka memperoleh pendapatan di bawah paras kemiskinan. Kajian yang dijalankan di Langkap mendapat kesemua isirumah memperoleh pendapatan di bawah paras kemiskinan iaitu purata pendapatan sebanyak RM 100-RM 200 sebulan manakala di Batu Tiga, Shah Alam pula purata pendapatan adalah sebanyak RM 200-RM 300 sebulan. Pada umumnya semua masyarakat Orang Asli menjalankan aktiviti pertanian secara pindah sebagai pekerjaan utama di samping memungut hasil hutan dan memburu binatang. Pengkaji terdahulu juga sependapat dengan beliau termasuklah Kamarulzaman dan Osman (2008), Juli Edo et al (2008), Carey (1976), dan Endicott (1984).

Bahagian Pembasmian Kemiskinan Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan satu bancian yang meliputi 755 buah perkampungan Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia pada Ogos 1993 untuk mendapatkan profil keadaan sosio-ekonomi masyarakat tersebut. Melalui hasil bancian “Daftar dan Profil Orang Asli Semenanjung Malaysia”, maklumat kemiskinan Orang Asli telah dapat diperolehi. Dengan menggunakan pendapatan per kapita sebanyak RM 80.00 sebulan untuk miskin dan RM 40.00 sebulan sebagai termiskin, kadar kemiskinan Orang Asli pada 1993 dianggarkan sebanyak 81.4% dan termiskin sebanyak 60.0% (Bahagian

Pembasmian Kemiskinan Jabatan Perdana Menteri 1993:16). Seramai 15,234 keluarga Orang Asli dikenalpasti berada di bawah paras kemiskinan manakala 9,135 keluarga termasuk di bawah kategori termiskin. Di samping Daftar dan Profil Orang Asli 1993 yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembasmian Jabatan Perdana Menteri, satu bancian penduduk Orang Asli Semenanjung Malaysia juga telah dijalankan oleh JHEOA pada 1997/98 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2014; Jabatan Kemajuan Orang Asli 2014).

Hasil daripada bancian tersebut, satu laporan yang bertajuk “Analisis Profil Orang Asli Semenanjung Malaysia” telah diperolehi. Laporan tersebut mencatatkan bahawa kadar kemiskinan Orang Asli pada 1998 masih berada pada tahap yang begitu serius iaitu 85.7% dan kadar termiskin adalah 56.6%. Selanjutnya, mulai 1999, Bahagian Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah Jabatan Perangkaan Negara telah diarahkan oleh kerajaan untuk mengadakan satu penyiasatan pendapatan isi rumah khusus bagi masyarakat Orang Asli. Dengan menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM 510.00 untuk golongan miskin dan RM 255.00 untuk golongan termiskin, kadar kemiskinan Orang Asli yang dianggarkan bagi 1999 ialah 50.9% dan kadar termiskin adalah sebanyak 15.4% (JAKOA 2011).

Angka kemiskinan ini kemudiannya telah dilaporkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010). Selain daripada maklumat kerajaan, kajian semasa juga mendapati keadaan kemiskinan yang hampir sama. Kajian di lima buah penempatan Orang Asli di RPS Air Banun mendapati kadar kemiskinan Orang Asli ialah sebanyak 56.0% (Lim Hin Fui et.al 2003). Selanjutnya, kajian di sembilan buah penempatan Orang Asli di Negeri Perak iaitu di daerah Perak Tengah, Hulu Perak dan daerah Kinta mendapati kadar kemiskinan mereka adalah

sebanyak 54.0% (Mohd Fauzi 2006). Maklumat yang dikeluarkan oleh kerajaan dan daripada para penyelidik ini membuktikan bahawa masyarakat Orang Asli sedang menghadapi masalah kemiskinan (JAKOA 2011; Jabatan Kemajuan Orang Asli 2008). Namun kini dalam konteks pembangunan Orang Asli telah menampakkan perubahan walaupun dengan rentak yang perlahan kerana pihak kerajaan berperanan besar dalam membangunkan masyarakat Orang Asli.

Segala rancangan pembangunan yang telah dilaksanakan menyebabkan berlakunya perubahan terutamanya daripada aspek sosial dan ekonomi mereka. Perubahan ini boleh dihuraikan dengan teori sosiologi, perubahan sosial. Itam Wali Nawan (1993) menyatakan terdapat dua jenis perubahan sosial yang boleh berlaku dalam masyarakat ataupun sesebuah negara. Perubahan sosial yang pertama ialah perubahan yang dirancang untuk membangunkan sesebuah komuniti manakala kedua ialah perubahan yang berlaku hasil daripada sesuatu pembangunan (Nor Aseken Rosley, 2009).

Kajian yang dilakukan oleh Nor Aseken Rosley (2009) adalah berkenaan dengan kesan perubahan sosial yang berlaku kepada masyarakat Orang Asli. Perubahan tersebut dilihat daripada dua aspek pembangunan iaitu pertama pembangunan yang dijalankan khusus untuk masyarakat Orang Asli itu sendiri. Sebagai contoh, hasil daripada rancangan pengumpulan semula telah menyebabkan perubahan persekitaran masyarakat Orang Seletar iaitu daripada kehidupan di atas laut kepada menjalankan kehidupan di atas darat. Sebagai usaha menggalakkan mereka tinggal di darat, kerajaan telahewartakan gazet tanah rizab untuk Orang Asli di bawah warta kerajaan GN. 229 di Kampung Simpang Arang, sebagai satu kediaman Orang Asli yang diiktiraf dan dilindungi di bawah undang-undang Orang Asli (Akta 134).

Kedua pembangunan yang dibuat untuk negara tetapi memberi kesan kepada komuniti ini, sebagai contoh rancangan pembangunan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) merupakan pelan pembangunan yang dibuat oleh kerajaan untuk menjadikan Johor Selatan sebagai kawasan premier. Hal ini telah memberi kesan kepada penduduk yang berada mahupun di luar kawasan pembangunan tersebut terutamanya dari aspek peluang pekerjaan. Apabila persekitaran berubah, masyarakat Orang Asli juga turut terkesan oleh persekitaran tersebut. Ini menyebabkan pelbagai kesan dan perubahan ke atas kehidupan masyarakat Orang Asli seperti persaingan pekerjaan dan masalah sosial.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pelbagai pihak didapati memang telah lama timbul kesedaran dalam masyarakat Orang Asli mengenai kepentingan pembangunan itu secara tidak langsung. Pembangunan yang dijalankan ke atas mereka merangkumi aspek kemudahan, keperluan asas dan infrastruktur seperti jalanraya dan ekonomi yang berbentuk order baru yakni dengan penggunaan wang sebagai pengantara. Hal tersebut jelas kelihatan dari kajian yang dijalankan oleh Shamsul Amri Baharuddin, 1972 ke atas Orang Asli Senoi-Semai di Pos Telanok, Pahang (Shamsul Amri Baharuddin 1972).

Namun, menurut Hasan Mat Noor (2009), dalam kajiannya terhadap masyarakat Orang Asli di Parit Gong, Negeri Sembilan pada tahun 2000, mendapati hampir keseluruhan masyarakat Orang Asli di situ terserap ke dalam ekonomi pasaran akibat daripada pembangunan yang telah direncanakan oleh kerajaan dan merumuskan bahawa masyarakat tersebut terintegrasi ke dalam ekonomi yang bersifat nasional. Selain itu, perubahan taraf pendidikan mereka juga telah meningkat dan hasil daripada

usaha Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (kini JAKOA) ketika itu yang telah meningkatkan kesedaran tentang peri pentingnya pendidikan. Begitu juga dengan prestasi pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat Orang Asli pada tahun 2008 yang bertujuan bagi memudahkan segala urusan dalam kehidupan seharian mereka. Komponen yang terlibat adalah bekalan elektrik, bekalan air dan juga jalan masuk ke kampung Orang Asli (Jadual 2.2 dan Jadual 2.3).

Jadual 2.2.

*Status Pendidikan Orang Asli 1997-2008*

<b>Status Pendidikan</b>				
<b>Tahun</b>	<b>IPTA</b>	<b>Menengah</b>	<b>Rendah</b>	
1997	10	3,306	16,806	
1998	19	4,186	19,033	
1999	26	4,653	21,131	
2000	30	5,971	21,704	
2001	35	5,239	20,871	
2002	42	6,219	22,098	
2003	112	6,675	23,607	
2004	73	7,754	25,354	
2005	62	8,488	25,210	
2006	49	8,774	26,464	
2007	61	9,600	26,791	
2008	63	9,738	27,176	

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2008

Jadual 2.3.

*Prestasi Pembangunan Masyarakat Orang Asli, 2008*

<b>Komponen</b>	<b>Jumlah (kampung)</b>	<b>Liputan (Kampung)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Bekalan Elektrik	852	526	61.7
Bekalan Air	852	651	76.4
Jalan Masuk	852	727	85.3

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 2008

Program pembangunan yang telah dilaksanakan memberikan impak kepada masyarakat Orang Asli yang akhirnya telah menyebabkan berlakunya transformasi terhadap sosio-ekonomi mereka. Aspek sosio-ekonomi ini termasuklah berkenaan dengan guna tenaga, demografi, pekerjaan dan organisasi yang formal dan kompleks (Rahimah Abd. Aziz, 2001). Situasi ini jelas menggambarkan bahawa sosio-ekonomi Orang Asli kini didapati telah mengalami perubahan berbanding 20 tahun lalu di mana sosio-ekonomi mereka kini lebih moden dan bukan lagi jenis primif.

Walau bagaimana pun perubahan ke arah kemajuan masyarakat Orang Asli telah berlaku tetapi dengan kadar yang perlahan kerana masih wujud lagi isu-isu kemiskinan seperti keciciran dan migrasi dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Dengan kata lain isu yang sering menjadi perhatian dalam kalangan pengkaji terhadap masyarakat Orang Asli adalah impak transformasi yang berlaku hasil daripada program pembangunan yang dijalankan sama ada dari segi sosial dan tingkat ekonomi. Sepertimana kajian yang telah dilakukan oleh Zuriatunfadziah et al. (2009) mendapati Orang Asli etnik Bateq telah mengalami perubahan dari segi budaya akibat daripada aktiviti eko-pelancongan di Taman Negara. Perubahan tersebut terbahagi kepada empat aspek budaya iaitu bahasa, pemakanan, pakaian dan kraf tangan.

Sehubungan itu, usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) adalah selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru. Garis panduan masyarakat Orang Asli telah dikaji semula ke arah mempercepatkan peningkatan taraf sosio-ekonomi di samping mengekalkan budaya mereka. Proses pembangunan Orang Asli dapat memberi kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain ke arah pembangunan seimbang




bagi semua penduduk di Malaysia. Selain itu, berdasarkan hasil kajian Norlida Hanim et al. (2012), yang dilakukan terhadap masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Ruil, Cameron Highlands menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli sudah mula menunjukkan sifat keterbukaan dan penerimaan kepada pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan. Namun daripada segi keseluruhan keadaan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli masih lagi ketinggalan dan mudur walaupun ada perubahan keadaan sosio-ekonomi dalam kalangan mereka tetapi di paras yang agak perlahan.

#### **2.4 PERANAN KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI ORANG ASLI**

Pihak kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah merencana pelbagai program dan dasar bagi membangun dan memajukan kawasan sasaran terutamanya kawasan luar bandar termasuklah perkampungan Orang Asli. Pembangunan dan kemajuan tersebut telah berlaku bermula apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Hal ini dapat dijelaskan sebagaimana Rajah 2.2. Peranan JAKAO dalam membangunkan masyarakat Orang Asli tidak perlu disangkal lagi kerana segala usaha yang dilaksanakan oleh JAKOA adalah selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru.

Misalnya, garis panduan masyarakat Orang Asli telah dikaji semula ke arah mempercepatkan peningkatan taraf sosio-ekonomi di samping mengekalkan budaya mereka. Proses pembangunan Orang Asli dapat memberi kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain ke arah mencapai matlamat yang dimaksudkan, program yang dirancang dan dilaksanakan berpandukan kepada garis panduan seperti berikut:



Rajah 2.2. Pembangunan masyarakat orang asli 1957-2020

Sumber: JAKAO 2014

**Nota:**

(DEB) Dasar Ekonomi Baru

(DPN) Dasar Pembangunan Nasional

(DWN) Dasar Wawasan Nasional

(FSPLB) Falsafah & Strategi Baru Pembangunan Luar Bandar

- i. Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (disemak 1974)
- ii. Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961
- iii. Keputusan Jemaah Menteri 1977 Mengenai Rancangan Mengumpulkan Masyarakat Orang Asli yang tinggal berselerak di bawah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)
- iv. Panduan tugas pembangunan Orang Asli dalam masyarakat moden 1978.

JAKOA menumpukan kejayaan program pembangunan Orang Asli dibahagikan kepada tiga program iaitu Program Penempatan Tersusun,

Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Sosial. Di bawah program tersebut, JAKOA telah merangka beberapa rancangan bagi menjayakan program pembangunan yang dijalankan.

#### **2.4.1 Program Penempatan Tersusun**

Program Penempatan Tersusun terdiri daripada beberapa program iaitu Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), Penyusunan Semula Kampung (PSK), Bencana Alam, Rancangan Kampung Baru (RKB) dan juga Pembangunan Tanah.

**i. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS)**-Terdapat 16 RPS diwujudkan untuk menempatkan masyarakat Orang Asli yang tinggal bertaburan ke dalam satu kawasan yang dibangunkan secara bersepadu yang melibatkan pembangunan tanah, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam serta kawasan perumahan. Projek ini diteruskan dalam RMK 9 dan pada tahun 2008 peruntukkan sebanyak RM14,444.000.00 disediakan iaitu : Pahang 7 - RPS, Perak - 6 RPS, Kelantan - 3RPS.

**ii. Penyusunan Semula Kampung (PSK)**-PSK merupakan projek pembangunan setempat melibatkan masyarakat Orang Asli di perkampungan tradisional yang tertumpu di pinggir bandar dan kawasan pedalaman. JAKOA menyediakan RM 8,793,000.00 untuk melengkapkan pelbagai kemudahan awam dan asas di penempatan mereka yang telah wujud sekarang tanpa memindahkan penduduk ini.

iii. **Bencana Alam-** Projek ini melibatkan penempatan baru bagi penduduk yang terdedah kepada bencana alam yang mana melibatkan perkampungan yang dijangka berisiko tinggi menghadapi masalah ini. JAKOA diperuntukkan sejumlah RM 4,000,000.00 untuk tujuan tersebut.

iv. **Rancangan Kampung Baru (RKB)-** RKB adalah rancangan penempatan semula kampung Orang Asli yang terlibat dengan pelaksanaan projek awam kerajaan seperti pembinaan empangan, pembinaan lapangan terbang dan sebagainya. JAKOA bertanggungjawab memastikan masyarakat ini menerima faedah dan kemudahan infrastruktur yang lebih baik berbanding dengan penempatan mereka dahulu. Terdapat tiga projek RKB iaitu RKB Lubuk Legong di Kedah, RKB Sungai Rual Di Kelantan dan RKB Sungai Kejar di Perak.

v. **Pembangunan Tanah-** Projek ini lebih kepada memulihkan infrastruktur kampung dan memajukan tanah melalui kerjasama agensi seperti FELCRA, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional yang memberi penekanan kepada strategi pembasmian kemiskinan dalam kalangan golongan termiskin. FELCRA telah membangunkan 9,105 hektar kawasan dan RISDA seluas 14,999 hektar.

#### **2.4.2 Program Pembangunan Ekonomi**

Antara Program Pembangunan Ekonomi yang dijalankan oleh pihak JAKOA adalah Pembangunan Ekonomi Negeri, Program Pengembangan Kursus, Bimbingan Usahawan, Pembangunan Tanah Fasa II Negeri, Pembinaan Ruang Niaga dan Pelancongan Desa.

- i. Pembangunan Ekonomi Negeri-**Projek ini melibatkan pembangunan tanah di luar kawasan RPS dan tanaman kelapa sawit dan getah yang dilaksanakan oleh RISDA dan FELCRA. Bagi menjayakan agenda ini sejumlah peruntukan sebanyak RM 2,660,000.00 telah disediakan pada tahun 2008.
- ii. Projek Pengembangan Kursus-**Projek ini bertujuan memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan kepada petani, penternak dan nelayan melalui kursus, ceramah, lawatan sambil belajar dan latihan amali mengenai teknik-teknik atau teknologi moden dan komersil. Sejumlah RM 9 juta telah disediakan bagi tahun 2008.
- iii. Bimbingan Usahawan-**Projek ini menyediakan peruntukan bantuan berbentuk peralatan, mesin dan kursus atau latihan keusahawanan dalam mewujudkan usahawan Orang Asli yang berdaya tahan dan boleh maju selaras dengan hasrat kerajaan melibatkan bumiputera dalam bidang perusahaan kecil dan sederhana (IKS). Pada tahun 2008 sebanyak RM 380 ribu peruntukan telah disediakan bagi program tersebut.
- iv. Pembangunan Tanah Fasa II Negeri-** Projek yang melibatkan tanaman komersil getah dan kelapa sawit di kawasan tanah terbiar, kawasan tanaman semula dan kawasan pembukaan tanah baru yang dilaksanakan oleh RISDA dan FELCRA di Johor, Perak dan Kelantan. JAKOA telah menyediakan sejumlah RM 5,750,000.00 untuk tujuan ini.
- v. Pembinaan Ruang Niaga-** Menyediakan kemudahan ruang niaga dan bengkel kepada peniaga atau usahawan Orang Asli di lokasi yang berpotensi dan teratur di samping meningkatkan perniagaan peruncitan, perkhidmatan dan pembuatan

pembinaan ini merangkui kawasan di negeri Selangor, Melaka, Kelantan dan Pahang dengan peruntukan pada tahun 2008 sejumlah RM 320 ribu.

**vi. Pelancongan Desa-** Projek ini lebih kepada memperkenalkan destinasi percutian dan rekreasi di penempatan Orang Asli yang berpotensi. Ini dapat menambahkan pendapatan ekonomi melalui persembahan kebudayaan, penjualan barang hasil hutan, menjadi pemandu pelancong dan sebagainya. Sejumlah RM 4 juta peruntukan pada tahun 2008 telah disediakan bagi menjayakan program tersebut untuk kawasan Telok Tongkah di Selangor, Kg. Bukit Kepong di Negeri Sembilan dan Kg. Bakar Batu, Johor.

### **2.4.3 Program Pembangunan Sosial**

Program pembangunan sosial bagi masyarakat Orang Asli adalah banyak sekali difokuskan kepada aspek pendidikan dan kemudahan asas. Ini termasuklah mengenai peluang-peluang pendidikan ke institusi pengajian tinggi kepada anak-anak Orang Asli dan sekaligus memberikan masa depan yang lebih baik kepada mereka. Seterusnya bagi aspek kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air bersih serta jalan raya juga tidak ketinggalan dalam agenda pembangunan masyarakat Orang Asli di Malaysia.

**i. Pendidikan Orang Asli-** Pendidikan Orang Asli sering dipandang sepi dan kurang diberi liputan kerana majoriti masyarakat menganggap kaum minoriti terdiri daripada kira-kira 180, 000 (bancian 2010) itu tidak mahu pembangunan. Sejak akhir-akhir ini aspek pendidikan Orang Asli dilihat semakin meningkat. Menurut JAKOA, sejak 2000 hingga 2008, bilangan anak Orang Asli yang mendapat tawaran ke Institut

Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seramai 98 orang. Pada 2010, telah meningkat lebih baik kepada 370 orang dan 408 pada 2011. Semua data merangkumi pelajar di tahap matrikulasi, sijil, pradiploma, diploma dan sarjana muda. Apa yang menggembirakan ialah bilangan pelajar Orang Asli di peringkat sarjana muda semakin meningkat dari tahun ke tahun (64 orang pada 2006 kepada 207 pada tahun 2011) (JHEOA (2008a).

Selain itu, kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga sentiasa komited dalam usaha untuk merapatkan jurang pendidikan, tahap sosio-ekonomi serta keupayaan murid Orang Asli. Selaras dengan itu, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA) yang menetapkan pencapaian mereka dalam tempoh lima tahun bermula 2013 sehingga 2017. Pelan ini menekankan objektif memperkasakan kemajuan Orang Asli seiring dengan kemajuan rakyat Malaysia secara keseluruhannya (Utusan Malaysia, 14 Januari 2013). Kesedaran Orang Asli terhadap pendidikan sebenarnya kian meningkat dan perkara ini merujuk kepada peningkatan jumlah pembinaan sekolah di perkampungan Orang Asli misalnya, di Pahang terdapat 430 buah sekolah Orang Asli dan sekolah kebangsaan telah dibina bagi menampung jumlah pelajar Orang Asli di negeri tersebut.

**ii. Kemudahan Asas-** menunjukkan prestasi pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada masyarakat Orang Asli pada tahun 2008 yang bertujuan bagi memudahkan segala urusan dalam kehidupan seharian mereka. Komponen yang terlibat adalah bekalan elektrik, bekalan air dan juga jalan masuk ke kampung Orang Asli. Usaha yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOA) adalah selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru. Garis panduan masyarakat Orang Asli telah dikaji semula ke arah mempercepatkan

peningkatan taraf sosio-ekonomi di samping mengekalkan budaya mereka. Proses pembangunan Orang Asli dapat memberi kesejahteraan, keselamatan dan mengintegrasikan mereka dengan masyarakat lain ke arah mencapai matlamat yang dimaksudkan, program yang dirancang dan dilaksanakan berpandukan kepada garis panduan seperti berikut Keputusan Jemaah Menteri 1977 Mengenai Rancangan Mengumpulkan Masyarakat Orang Asli yang tinggal berselerak di bawah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS).

Di bawah Program Pembangunan Sosial pula, JHEOA (2008b), telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 58,540,000.00 untuk melaksanakan pembangunan sosial bagi tujuh komponen iaitu Program Perumahan Rakyat Termiskin, Perumahan Ketua Masyarakat, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Kesihatan dan Perubatan, Pembangunan keluarga dan Masyarakat, Kemudahan Pentadbiran JAKOA dan juga Program Pembangunan Minda. Dari segi kemudahan kesihatan sebanyak dua buah klinik desa dirancang akan dibina di negeri Kelantan dan Pahang manakala dua buah pusat transit dan pentadbiran di Grik, Perak dan Gua Musang, Kelantan serta beberapa buah balai rawatan bakal dibina bagi meningkatkan taraf kesihatan Orang Asli (JHEOA (2008a; 2008b)).

Bagi membolehkan masyarakat Orang Asli menikmati kemudahan khususnya dalam menimba lebih banyak maklumat secara pantas, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan telah melancarkan Program Perluasan Siaran RTM ke kawasan perkampungan Orang Asli. Program tersebut telah diadakan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Lui di Kampung Sungai Sampo, Jempol pada Januari 2013 yang lalu (Utusan Malaysia, 31 Januari 2013). Program ini dikatakan




mampu memberi liputan siaran televisyen yang lebih baik kepada hampir 300 masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut dengan pemberian set televisyen dan dekoder Astro Njoi secara percuma kepada mereka.

## **2.5 KERANGKA KONSEPTUAL DAN DEFINISI OPERASIONAL**

Kerangka konseptual bagi kajian ini telah menetapkan bahawa terdapat dua perkara yang perlu diukur iaitu enam kriteria kejayaan projek TSK dan enam konstruk impak perubahan sosio-ekonomi peserta Orang Asli setelah menyertainya projek TSK (Rajah 2.3). Walau bagaimanapun, definisi operasional bagi konstruk-konstruk di bawah kriteria kejayaan peserta TSK dijelaskan dalam Jadual 2.4, sebaliknya definisi operasional bagi perubahan sosio-ekonomi pula dinyatakan dalam Jadual 2.5. Penerangan tentang definisi operasional bagi setiap konstruk untuk menjadi panduan kepada pembentukan item ujian dimuatkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan pemahaman dan panduan kepada penulisan pada peringkat seterusnya iaitu Bab Tiga tentang lokasi kajian dan metodologi.

Pembentukan konstruk atau item yang ada diwakili oleh dua jenis pembolehubah iaitu pembolehubah bebas dan bersandar. Kedua-dua pemboleh ini saling berkaitan antara satu sama lain itu bagi menjelaskan tentang matlamat kajian iaitu mengenalpasti kriteria kejayaan projek TSK yang diukurkan dengan mengambilkira maklumat daripada peserta TSK iaitu masyarakat Orang Asli di Daerah Temerloh Pahang. Sekiranya, hasil kajian mendapati konstruk sosio-ekonomi penduduk adalah baik dan peserta projek memiliki kriteria berjaya maka, projek TSK berjaya mencapai matlamatnya iaitu meningkatkan tahap sosio-ekonomi peserta projek TSK yang keseluruhannya terdiri daripada masyarakat Orang Asli.



Rajah 2.3. Kerangka konseptual kajian

Sementara itu, impak langsung yang disumbangkan oleh projek TSK adalah mengeluarkan masyarakat Orang Asli di Daerah Temerloh dari paras kemiskinan dan seterusnya mewujudkan masyarakat Orang Asli yang berdaya saing setanding dengan masyarakat lain. Namun jika, konstruk sosio-ekonomi menjelaskan keadaan sebaliknya maka organisasi pengurusan projek TSK perlu dilihat semula terutamanya dari segi mekanisma yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat projek TSK.

Jadual 2.4.

*Konstruk Kriteria Kejayaan Peserta Projek TSK dan Definisi Operasional*

Bil.	Konstruk	Definisi Operasional bagi Pembinaan Item Ujian
1.	Memiliki inovasi	... yang dimaksudkan adalah mampu membuat perubahan atau penambahbaikan dalam projek TSK sama ada dari sudut pembajakan, benih tanaman, kaedah penanaman, kualiti produk dan proses jualan
2.	Idea bernas	... merujuk kepada pemikiran atau pandangan bersesuaian dalam memastikan kejayaan projek TSK dalam semua aspek melibatkan perancangan atau pengoperasian perniagaan seperti dari sudut pengetahuan mencukupi, latihan kemahiran, mampu mengatasi masalah dalam projek TSK, mengetahui sistem pemasaran
3.	Rekod dan kawalan kewangan	...melibatkan usaha menyimpan rekod pembelian dan jualan, untung dan rugi atau sebarang transaksi projek TSK, kawalan terhadap sumber kewangan, kawalan modal, kawalan perbelanjaan, pengurusan gaji dan upah kakitangan
4.	Berorientasikan kualiti kerja	... memastikan penjagaan kualiti produk agar kepuasan pelanggan menjadi keutamaan, tidak berlaku rungutan, tiada komplen, mendapat kepercayaan pelanggan, wujud ulangan urusan jual beli disebabkan kualiti yang diberikan. ... melibatkan sesuatu amalan kerja yang sepatutnya diamalkan oleh seseorang usahawan seperti kerajinan, ketekunan, jujur, mesra, saling mempercayai, berkerjasama, sebagai ibadah, istiqamah, iltizam tinggi
5.	Tindakan menghadapi ekonomi semasa	merujuk kepada penyelesaian masalah perniagaan berkaitan dengan sumber pendapatan dan kewangan, penetapan harga produk, perbelanjaan, pengurusan organisasi, perubahan persekitaran semasa, mencari sumber pendapatan sampingan, tidak kecewa dengan kegawatan ekonomi, berjimat cermat, mengurangkan kos perbelanjaan dan sebagainya
6.	Bijak menggunakan sumber sedia ada	... iaitu pandai mengagihkan sumber pendapatan, modal, peluang perolehan dana untuk melebarkan projek TSK. Di samping itu, bijak menggunakan kepakaran diri, kakitangan dan peluang persekitaran

Tanaman Semula Komersil (TSK) merujuk kepada kegiatan pertanian yang diusahakan dalam bentuk perladangan dengan hasil produktiviti dalam skala besar, jumlah keluasan tanah yang diusahakan berskala besar, berdaya maju dan dimajukan dengan tanaman yang berpotensi untuk jualan bagi meningkatkan pendapatan dan menambah nilai guna tanah untuk pulangan yang bersifat komersil kepada para petani atau peserta projek TSK. Selain itu, kemajuan terkini dan penemuan baru dalam teknologi membawa satu dimensi dan revolusi baru dalam pembangunan sektor

pertanian dan perkembangan ini mewujudkan hala tuju baru sektor pertanian berasaskan kemajuan sains dan penerapan teknologi maklumat dan multimedia (ICT). Menurut pandangan para petani teknologi pertanian membawa kepada pelbagai faedah dan menjanjikan dunia lebih maju dan sempurna.


Selain itu, teknologi dalam industri pertanian akan mengalami perubahan dalam penggunaan mesin-mesin yang membantu meningkatkan taraf hidup petani pada masa kini. Segala kerja-kerja dalam industri pertanian dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan lebih efisien misalnya, dengan adanya teknologi pertanian moden seperti bioteknologi dalam penghasilan baka-baka yang baik dan hidrofoni dalam mengintegrasikan proses pengeluaran dapat meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian sejajar dengan wawasan pertanian Negara (RISDA 1999; 2015).

Sementara itu, sejarah awal perkembangan tamadun manusia bermula dengan aktiviti pertanian kerana pertanian menjadi satu faktor penting dalam perubahan sosio-ekonomi secara global, termasuklah peningkatan kekayaan. Keadaan ini digambarkan apabila petani berupaya mengeluarkan makanan melebihi daripada keperluan diri dan keluarganya 42% daripada pekerja dunia adalah di dalam bidang pertanian, dan merupakan pekerjaan yang terbesar di dunia. Namun, pengeluaran pertanian hanya menyumbang kepada kurang daripada 5% Keluaran Dunia Kasar (iaitu agregat kepada semua Keluaran Negara Kasar). Justeru, bagi meningkatkan produktiviti para petani perlu mencipta inovasi dengan mengubah pasaran berdasarkan idea bernas, jaminan kualiti, memperkenalkan pendekatan baharu, membuka pasaran baharu, menggunakan segala kemudahan sedia ada dan menyusun sesebuah organisasi pertanian secara berkesan.

Seseorang petani perlu memfokuskan kepada kemahiran dan pengetahuan semasa berkaitan dengan teknologi, baka, pasaran dan sebagainya (Schumpeter, 1935). Pendapat Schumpeter (1935) tentang kepentingan inovasi ini jelas turut disokong oleh Barkley et al. (2007) yang menyatakan bahawa tanpa perkara ini mustahil seseorang petani akan berjaya. Oleh sebab itu, menurut Fayolle (2007) petani merupakan seseorang yang mahir dalam mengambil tindakan dan bertingkah laku baik dalam menghadapi apa jua masalah dalam bidang pertanian kerana sektor ini juga dianggap sebagai perniagaan yang mempunyai cabaran yang pelbagai. Ini selaras dengan pendapat Drucker (1998) yang menyatakan pertanian mempunyai kaitan dengan teori ekonomi tentang penggunaan sumber yang terhad sama ada tapak, modal dan sebagainya perlu dimanfaatkan demi menghasilkan nilai yang lebih tinggi.

Justeru, Casson (1982) berpendapat petani sebenar seharusnya merujuk kepada seseorang yang benar-benar mahir dalam membuat keputusan dan mengkoordinasi sumber yang terhad. Ini selaras dengan pendapat Maier (2007), yang menyatakan bahawa para petani merupakan individu yang mempunyai pemilikan secara majoriti ke atas tanggungjawab dalam pengurusan pertanian. Pemodenan bidang pertanian dewasa ini serta langkah kerajaan menghantar peserta projek untuk mempelajari teknik-teknik pertanian baru di dalam dan luar negara dan aplikasi teknologi moden yang lebih mudah dan menjimatkan masa ditambah pula dengan pengenalan baka dan benih bermutu yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang singkat menambahkan minat para petani.

Namun sebagai petani sejauhmana mereka memiliki ketahanan diri dari aspek risiko, persekitaran ekonomi semasa, inovasi dan teknologi, pengetahuan dan kemahiran, pemahaman tentang pesaingan dan risiko pasaran. Menurut Bangs dan Pinson (1999), Gundry dan Kickul (2001) serta Olivia (1998), pihak berwajib perlu terkehadapan dalam menyediakan kerangka keperluan perniagaan berasaskan pertanian yang sesuai bagi kegunaan seseorang petani. Oleh itu, Rajah 2.4 merumuskan bahawa menjadi seorang petani berjaya memerlukan kriteria-kriteria seperti memiliki inovasi, idea bernas, berorientasikan kualiti perkhidmatan, bijak menggunakan sumber sedia ada, mahir dalam membuat keputusan, boleh menyusun organisasi dengan baik, memiliki budaya kerja yang baik, memiliki modal dan berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Bahkan, setiap satu daripada syarat tersebut saling berhubungan dalam membentuk individu petani yang berjaya.



Rajah 2.4. Kriteria kejayaan peserta TSK

Sumber: Diubahsuai daripada Bangs dan Pinson (1999), Gundry dan Kickul (2001) serta Olivia (1998)

Seterusnya perbincangan mengenai konstruk sosio-ekonomi yang perlu diukur dalam meneliti peningkatan taraf sosio-ekonomi masyarakat orang asli setelah menyertai program TSK. Beberapa konstruk telah dikenalpasti dan pengukuran terdapat item-item ini sekaligus dapat mengetahui sejauhmana keberkesanan program TSK dalam membantu masyarakat orang asli keluar daripada garis kemiskinan dan menjadi masyarakat yang lebih maju serta berdaya saing (Jadual 2.5).

Walau hanya enam kriteria sahaja yang digunakan untuk mengukur tahap kejayaan peserta projek TSK kerana terdapat juga kriteria yang mempunyai maksud yang sama dan boleh digabungkan. Enam kriteria tersebut ialah memiliki inovasi, idea bernas, rekod dan kawalan kewangan, berorientasikan kualiti kerja, tindakan menghadapi ekonomi semasa dan bijak menggunakan sumber sedia ada.

Jadual 2.5.

*Konstruk Impak Sosio-Ekonomi dan Definisi Operasional*

Bil.	Konstruk	Definisi Operasional bagi Pembinaan Item Ujian
1.	Pendapatan	...merujuk kepada kecukupan pendapatan daripada sumber perniagaan bagi sara hidup diri dan keluarga serta mampu untuk menabung
2.	Pemilikan rumah	... kemampuan memiliki kediaman selesa, impian, persekitaran kondusif dan sesuai dalam konteks kekeluargaan
3.	Perbelanjaan	... melibatkan pembelian input perniagaan, gaji pekerja dan sebarang tanggungan berkaitan perniagaan termasuk bayaran bil utiliti tanpa sebarang masalah
4.	Pemakanan	... merujuk kepada kecukupan makanan untuk diri dan keluarga daripada hasil pendapatan perniagaan serta mampu menyediakan makanan berkualiti (iaitu makanan seimbang) sepanjang masa tanpa perlu memikirkan masalah kewangan
5.	Pemilikan aset	... merujuk kepada aset nilai menokok (seperti tanah, rumah sendiri, rumah sewa, lot kedai), aset kewangan (seperti saham, tabungan), aset kelengkapan rumah (melibatkan peralatan asas iaitu tv, radio, peti sejuk, mesin basuh, perabot rumah, kemudahan internet, peralatan komunikasi pintar, komputer), aset susut nilai (seperti kereta, motosikal, van/MPV, lori, pacuan empat roda)
6.	Khidmat kesihatan	... merujuk kepada kemampuan mendapatkan khidmat kesihatan daripada hospital atau klinik swasta berbanding mendapatkan khidmat kesihatan daripada kerajaan

Walau bagaimanapun, Robson (2004) dan Salmond (2003) dalam kajian mereka di New Zealand melihat konstruk sosio-ekonomi perlu melibatkan perkara pendidikan, peluang pekerjaan, pendapatan, pemilikan aset, taraf hidup, perumahan, sistem keadilan, keadaan perkauman dan penggunaan bahasa. Bagi mereka, sekiranya sosio-ekonomi dalam keadaan baik tidak akan berlaku masalah terhadap perkara-perkara tersebut. Namun begitu, kajian di London oleh (Crawford & Greaves, 2013) pula mendapati konstruk penting bagi menggambarkan taraf sosio-ekonomi adalah pendidikan, kualiti persekitaran, perumahan, jenayah, kesihatan, pendapatan. Menurut Unit Perancang Ekonomi (2013), sosio-ekonomi dilihat dari sudut Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia dan aspek ukuran adalah berdasarkan konstruk pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan jangka hayat berkerja.


Penilaian keberkesanan atau kejayaan sesuatu program pembangunan dilakukan dengan mengambil kira banyak faktor. Menurut Hairunizam Wahid et al. (2001) perlu mengambil kira semua maklumat sosio-ekonomi komuniti manakala, Patmawati Ibrahim (2005), pula berpendapat mengambilkira semua petunjuk ekonomi dan sosial. Zainal Abidin (1992) mengambilkira perubahan pandangan dan gaya hidup dan sesetengah pengkaji menggunakan beberapa petunjuk dalam penilaian keberkesanan mislanya Hulme (2000) mengambil kira petunjuk ekonomi, petunjuk sosial, petunjuk dan sosial politik manakala Birta Mikkelsen (2005) mengambilkira petunjuk perbelanjaan pendapatan, petunjuk kehidupan, petunjuk sumber dan petunjuk pengetahuan.

Parashar Koirala (2005) pula menggunakan kriteria lain selain pendapatan seperti kemudahan pendidikan, elektrik, dan jalanraya manakala Jaya S. Anand (2005)



menggunakan gabungan tiga aspek untuk dinilai iaitu aspek ekonomi, aspek politik dan aspek sosial. Selaras dengan Ahsan Ullah & Jayant K Routray (2007) menilai dari segi pendapatan, aspek aset produktif dan aset bukan produktif dan Majabean (2008) pula menggabungkan petunjuk ekonomi dan sosial peserta dalam penilaian terhadap kejayaan sesebuah projek pembangunan (Fuadah Johari 2004; Ahmad Fuad Mohammad 2006; Mujani Tarimin 2005).

Berdasarkan kepada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa ukuran bagi konstruk sosio-ekonomi adalah pelbagai mengikut keperluan negara, keadaan masyarakat mahupun arah tuju kajian. Dalam kepelbagaian ukuran tersebut, kajian mengambil hanya beberapa konstruk penting yang kerap digunakan dan difikirkan sesuai dengan fokus kajian iaitu pendapatan, perbelanjaan, pendidikan, perumahan, pemakanan, pemilikan aset dan kesihatan sebagaimana dinyatakan dalam Rajah 2.5. Konstruk-konstruk tersebut digunakan bagi melihat perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK di Temerloh Pahang. Ukuran bagi setiap konstruk tersebut penting kerana boleh menjadi satu daripada gambaran tahap kejayaan peserta projek TSK.



Rajah 2.5. Pembinaan konstruk perubahan sosio-ekonomi peserta TSK  
 Sumber: Diubahsuai daripada Ahsan Ullah & Jayant Routray 2007; Majabean 2008

## **2.6 PERBINCANGAN TEORI BERKAITAN BUDAYA DAN KEMISKINAN MASYARAKAT ORANG ASLI**

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang mudah terancam oleh arus pembangunan negara kerana kawasan hutan yang menjadi petempatan mereka semakin mengecil akibat pembukaan tanah bagi tujuan pembangunan. Selain itu, amalan budaya tradisional juga kian terhakis akibat difusi budaya yang berasimilasi dengan budaya lain. Berdasarkan Teori Struktur Fungsionalisme mengandaikan bahawa pelbagai aspek atau bahagian dalam sesebuah masyarakat mempunyai fungsi tertentu dan saling berkaitan serta berhubungan untuk mencapai keharmonian, kesepaduan, kestabilan dan keseimbangan dalam proses perkembangan masyarakat tersebut (Pip Jones 2003).

Bagi mencapai tahap keseimbangan maka akan wujud perubahan pada satu bahagian lain yang turut memberikan perubahan pada bahagian lain. Bahagian yang dimaksudkan dalam masyarakat adalah aspek yang diwakili oleh institusi sosial, amalan budaya dan pelbagai proses sosial manakala perubahan yang berlaku dikenali sebagai perubahan sosial.

Ahli Teori Fungsional tidak melihat perubahan sosial tersebut dapat membawa kebaikan dan keburukan kepada sesebuah masyarakat. Ini kerana setiap perubahan yang berlaku sama ada sosial memperjelaskan bahawa masyarakat sentiasa bergerak ke arah keseimbangan hasil daripada penyesuaian terhadap sesuatu perubahan dan perkembangan dalam masyarakat tersebut. Keadaan ini juga disumbangkan oleh peranan institusi yang wujud dalam masyarakat iaitu berfungsi untuk menjaga kestabilan sesebuah masyarakat. Seterusnya dalam konteks masyarakat Orang Asli terdapat dua pihak yang terlibat dalam perancangan aktiviti pembangunan di kawasan

mereka iaitu pihak yang membangunkan dan pihak yang menerima pembangunan. Di mana, pihak yang berperanan membangunkan kawasan merujuk kepada pihak kerajaan manakala yang menerima pembangunan adalah merujuk kepada masyarakat Orang Asli (Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah 2007).

Menurut Yahya Ibrahim (2009), kegagalan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli adalah disebabkan oleh perancangan yang lemah dan ketidaksediaan mereka untuk menerima proses pembangunan yang diusahakan oleh pihak kerajaan. Ini kerana, kejayaan sesebuah komuniti dalam proses pembangunan banyak bergantung kepada faktor latar belakang komuniti itu sendiri, di mana corak hubungan antara sesama pihak sebenarnya saling mempengaruhi antara satu sama lain. Hal ini juga dijelaskan melalui teori struktur fungsionalisme iaitu mengandaikan bahawa aspek atau bahagian dalam sesuatu masyarakat mempunyai fungsi tersendiri dan saling berkait serta bergantung untuk mencapai keharmonian, kesepaduan, kestabilan dan keseimbangan dalam proses perkembangan masyarakat berkenaan (Pip Jones 2003; Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah 2007).

Selain itu, pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang berusaha keluar daripada garis kemiskinan juga dapat diteliti melalui Teori Putaran Ganas Kemiskinan di mana teori ini merupakan satu keadaan di mana apabila sesuatu masyarakat itu hidup dalam keadaan miskin maka, akan diwarisi oleh anak-anaknya dan begitulah seterusnya sehingga ada yang berusaha untuk keluar daripada putaran ganas kemiskinan itu. Situasi ini dapat dilihat dalam konteks masyarakat orang asli yang biasanya mewarisi kemiskinan daripada ibubapa atau keluarga sebelum (Chakravarti Dipankar 2006). Begitu juga dengan teori berkaitan punca-punca kemiskinan yang lain misalnya, bagi

negara-negara maju kemiskinan sering dilihat sebagai sama ada berpunca daripada kelemahan peribadi atau kecacatan struktur iaitu berkaitan dengan kekurangan dana kerajaan.

Di negara membangun pula, teori-teori mengenai kemiskinan pula lebih tertumpu kepada ciri-ciri budaya sebagai penghalang kepada pembangunan selanjutnya. Selain itu terdapat juga teori yang mengaitkan kemiskinan masyarakat berpunca daripada aspek sosial dan politik yang mengekalkan kemiskinan, persepsi masyarakat terhadap pelaksanaan program-program membasmi kemiskinan (Chakravarti Dipankar 2006). Justeru, dengan adanya program TSK yang dilaksanakan di kawasan masyarakat dengan tujuan membantu meningkatkan keadaan sosio-ekonomi masyarakat tersebut. Namun adakah pelaksanaan program TSK mampu membantu mengeluarkan masyarakat orang asli daripada putaran ganas kemiskinan atau sebaliknya.

Selain itu, di bawah Teori Putaran Ganas Kemiskinan pula terdapat satu lagi teori yang menunjukkan terdapat perkaitan dengan masyarakat Orang Asli iaitu Teori Mobiliti dan Ketidaksamaan Sosial. Teori ini menjelaskan tentang mobiliti sosial di mana pergerakan dan ketidaksamaan sosial wujud dalam dimensi ekonomi, sosial dan status. Misalnya, dalam kehidupan seharian, mungkin secara tidak sedar atau menyedari wujud pengaruh ketidaksamaan sosial ini. Kewujudan ketidaksamaan sosial ini merupakan sifat umum dalam setiap masyarakat manusia. Pembahagian ketidaksamaan merangkumi aspek seperti orang kaya dan orang miskin, antara yang berkuasa dan yang tidak berkuasa, di antara orang yang dihormati dan yang dipandang rendah, di antara jantina, di antara ras atau etnik, di antara wilayah atau negara. Ini

merupakan fenomena-fenomena ketidaksamaan sosial yang sangat ketara dalam kehidupan masyarakat hari ini.

Kewujudan ketaksamaan sosial adalah dipengaruhi oleh idea, kepercayaan dan nilai-nilai yang dipegang bersama oleh anggota sesebuah masyarakat. Ini kerana, idea, kepercayaan dan nilai-nilai ini berfungsi sebagai kriteria untuk menilai, menyusun taraf dan menentukan ganjaran yang berbeza kepada individu atau kumpulan sosial dalam sesuatu hubungan sosial yang terbentuk di antara manusia atau kumpulan masyarakat. Maka tidak hairanlah sekiranya, masyarakat Orang Asli dilabelkan sebagai masyarakat yang mundur, miskin, tidak mempunyai kuasa dan pengaruh dalam apa jua aspek, tidak berpelajaran dan sebagainya. Kesemua situasi ini wujud akibat ketidaksamaan yang diukur daripada aspek sosial, ekonomi, politik, kuasa, status dan pergerakan mobiliti yang terhad. Di samping itu, situasi ini sangat dipengaruhi oleh idea, kepercayaan dan nilai-nilai yang dipegang bersama oleh anggota masyarakat Orang Asli dalam menjalani kehidupan mereka seharian yang dianggap sangat kolot dan tidak mahu mendepani arus pembangunan serta pemodenan (Kntayya Mariappan 2000).

## **2.7 KESIMPULAN**

Misi pihak kerajaan dalam melaksanakan program pembangunan secara inklusif adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan kualiti hidup masyarakat Orang Asli. Pembangunan tersebut semestinya ke arah kemajuan dengan memartabatkan warisan yang unggul dan unik masyarakat Orang Asli. Hal ini penting bagi mengekalkan identiti mereka sebagai Orang Asli di samping memenuhi kehendak dan keperluan mereka. Justeru, melalui platform yang disediakan, Orang Asli dilihat

semakin maju dan berdaya saing walau pun perkembangannya masih perlahan. Bab tiga membicarakan tentang lokasi kajian dan metodologi yang merangkumi aspek persampelan dan pemilihan teknik analisis data.



## **BAB TIGA**

### **LOKASI KAJIAN DAN METODOLOGI**


#### **3.1 PENGENALAN**

Tahap kejayaan peserta projek TSK di Daerah Temerloh memerlukan penelitian secara terperinci bagi membolehkan pengkaji membuat generalisasi terhadap hasil kajian. Memandangkan keperluan dalam membuat generalisasi ini penting, maka sampel perlu diambil secara meluas dan meyakinkan di seluruh kawasan kajian bagi memastikan ciri data adalah bertaburan normal. Dalam bab ini, tumpuan perbincangan menjurus kepada asas falsafah kajian bagi menentukan hala tuju penyelidikan berdasarkan aliran positivis dan fenomenologis. Kajian ini berpendirian bahawa penyelidikan dilakukan adalah berdasarkan pemikiran positivisme dengan teknik kuantitatif adalah baik bagi tujuan menguatkan generalisasi hasil kajian kepada keperluan penambahbaikan sesuatu perancangan terhadap mahupun dasar sedia ada termasuklah projek TSK.

#### **3.2 LOKASI KAJIAN**

Daerah Temerloh terletak ditengah-tengah Negeri Pahang dan bersempadan dengan Daerah Maran di sebelah timur, Daerah Bentong di sebelah barat, Daerah Jerantut di sebelah utara dan Daerah Bera di sebelah selatan. Dari segi kedudukan geografinya, daerah ini mempunyai kelebihan berbanding dengan daerah lain di Negeri Pahang kerana berada ditengah-tengah Semenanjung Malaysia. Daerah Temerloh terletak di persimpangan antara Sungai Semantan dan Sungai Pahang dan Temerloh berada pada

ketinggian 163 kaki dari aras laut dan kedudukan geografinya ialah 3°27'U dan 102°26'T. Bandar utama bagi daerah ini adalah Temerloh dan kewujudan bandar ini bermula daripada aktiviti perdagangan yang wujud sejak dahulu kerana daripada lokasinya yang strategik serta bandar ini telah digelar sebagai "Bandar Ikan Patin" (Rajah 3.1) (Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh 2015).



Rajah 3.1 Peta kedudukan negeri Pahang dan Daerah Temerloh  
Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh (2015)

Selain itu, Daerah Temerloh juga dikelilingi oleh rangkaian jaringan jalanraya dan keretapi, maka Daerah Temerloh mudah menerima kesan limpahan (*spill-over*) dari kepesatan pembangunan kawasan sekitarnya termasuklah Lembah Kelang dan juga Pelabuhan Kuantan. Keluasan Daerah Temerloh 2,250 km persegi bersamaan 225,070 hektar dan dibahagikan kepada dua kategori utama iaitu Kawasan Majlis Perbandaran seluas 1442 km persegi (64.08%) dan kawasan diluar Majlis Perbandaran seluas 808 km persegi (35.92%). Dari segi gunatanah pula, secara umumnya didapati sebahagian



besar dari tanah daerah ini digunakan untuk tujuan pertanian iaitu kira-kira 110,888.9 hektar atau kira-kira 49.3% dari jumlah keluasan keseluruhan. Seluas 94,200.0 hektar atau 41.9% pula adalah kawasan hutan simpan dan hutan simpan Mergastua Hutan-hutan simpan ini ialah Hutan Simpan Krau, Hutan Simpan Lakum, Hutan Simpan Kemasul dan Hutan Simpan Mergastua Jenderak dan Semantan.

Selain itu berdasarkan banci penduduk pada tahun 2010, penduduk Daerah Temerloh adalah seramai 165,451 orang dan mengikut perangkaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Malaysia (JHEOA) Pahang, penduduk Orang Asli paling ramai iaitu 50,792 orang dan Daerah Temerloh merupakan antara kawasan yang mempunyai jumlah penduduk Orang Asli paling ramai bagi negeri Pahang. Malah, pemilihan Temerloh sebagai kawasan kajian juga disebabkan oleh kawasan ini merupakan lokasi permulaan atau pertama TSK dijalankan di Malaysia. Projek TSK yang mendapat kerjasama pembangunan RISDA dan FELDA Berhad ini menggunakan pendekatan pembangunan lebih mesra kepada pekebun kecil dan berbeza dengan sistem mini estet lain kerana masih mengekalkan konsep penyatuan kebun-kebun kecil untuk diuruskan secara lebih ekonomik dan profesional. Kawasan projek atau kajian TSK di Temerloh ini melibatkan enam lokasi sebagaimana dijelaskan menerusi Jadual 3.1.

### **3.3 PENDEKATAN DAN PERSAMPELAN KAJIAN**

Bahagian ini membincangkan dua perkara utama iaitu pendekatan kajian dan jenis data bagi kajian ini. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kuantitatif iaitu melalui penggunaan borang kaji selidik yang diedarkan kepada peserta projek TSK.

Jadual 3.1

*Nama Projek TSK dan Bilangan Peserta Bagi Daerah Temerloh*

Bil.	Negeri JAKOA	Nama projek	Jenis tanaman	Tahun dibangunkan	Tahun keluar hasil	Luas (hek)	Bil. peserta
1.	Pahang	TSK Orang Asli Pasu, Kuala Krau, Temerloh Pahang	Sawit	2003	2007	120.75	109
2.	Pahang	TSK Orang Asli Paya Rekoh, Kuala Krau, Temerloh Pahang	Sawit	2007	2013	200	125
3.	Pahang	TSK Orang Asli Penderas, Kuala Krau, Temerloh Pahang	Sawit	2007	2013	168	105
4.	Pahang	TSK Orang Asli Paya Sendayan, Temerloh Pahang	Sawit	2000	2004	328.95	146
5.	Pahang	TSK Orang Asli Paya Mengkuang, Songsang, Temerloh Pahang	Sawit	2000	2004	142.71	107
6.	Pahang	TSK Orang Asli Sungai Leleh, Temerloh Pahang	Sawit	2000	2004	119.21	86

Sumber: RISDA (2015)

### 3.3.1 Pendekatan Kajian

Pendekatan secara kuantitatif digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan data atau maklumat daripada responden. Pendekatan kajian secara kuantitatif adalah berasaskan maklumat daripada kaji selidik ke atas mengenai faktor kejayaan peserta projek TSK dalam meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka di Daerah Temerloh, Pahang. Menurut Abd Rahim Md Nor (2009), Carver dan Nash (2005), Given (2008) serta Sekaran (2003), kaedah kuantitatif merupakan suatu pendekatan yang berorientasi kepada data dan tujuan persampelan dilakukan untuk menjimatkan kos dan masa. Namun hasil yang diperoleh masih menggambarkan keadaan ciri-ciri populasi sebenar kajian dan bagi tujuan analisis secara statistik, sifat data mestilah bertaburan normal dan boleh diukur melalui ujian statistik yang biasa digunakan iaitu Kolmogorov-

Smirnov (K-S) dan Shapiro Wilks (SW). Bahkan, ujian kebolehppercayaan juga perlu dilakukan melalui kaedah Cronbach Alpha ( $\alpha$ ).

Selain itu, kaedah kajian secara kuantitatif berdasarkan pendapat Kathy dan Gareth (2000) sangat mementingkan penggunaan angka kerana ujian statistik dari segi falsafahnya adalah berdasarkan nombor yang memberikan maksud tertentu. Kaedah ini kerap digunakan oleh golongan positivis yang menekankan aspek kajian secara empirikal serta objektiviti. Maksud daripada nombor yang terhasil daripada analisis pula perlu ditafsir dengan menggunakan hipotesis (andaian). Menurut Lincoln dan Guba (1985), teknik kuantitatif bermanfaat kepada penyelidik bagi responden yang ramai tetapi memerlukan suatu pembuktian secara jitu untuk kegunaan generalisasi. Penggunaan teknik kuantitatif ini bukan suatu perkara baharu dalam kajian berkaitan psikologi kerana pernah dijalankan oleh Barkley et al. (2007), Cronin et al. (2000), Fatimah Mohd Arshad (1999), serta Foster dan Lin (2003). Hasil kajian menggunakan teknik kuantitatif ini mampu membuat generalisasi terhadap tahap kejayaan peserta projek TSK dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka.

### **3.3.2 Persampelan Kajian**

Bahagian ini membincangkan aspek berkaitan persampelan bagi kaji selidik dan pengambilan responden dalam kalangan peserta projek TSK di Daerah Temerloh. Perbincangan ini berkaitan dengan pembentukan instrumen kajian faktor kejayaan, perubahan sosio-ekonomi dan rasional pemilihan peserta projek TSK di Daerah Temerloh. Kesemua data atau maklumat kajian melibatkan data primer yang diperoleh daripada sumber kaji selidik (kriteria kejayaan dan perubahan sosio-ekonomi peserta TSK).

### **i. Persampelan Kaji Selidik**

Terdapat sebanyak enam lokasi projek TSK bagi Daerah Temerloh yang melibat 678 peserta dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Memandangkan jumlah peserta projek TSK adalah besar, maka pengkaji menetapkan saiz sampel sebanyak 245 peserta berdasarkan cadangan pengiraan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Justeru, berdasarkan pembahagian sampel mengikut kawasan atau projek adalah sebanyak lebih kurang 40 peratus responden dijadikan sampel daripada jumlah sebenar peserta projek (Jadual 3.2). Sampel diambil menggunakan kaedah rawak sistematik iaitu melalui cara keseluruhan jumlah peserta dibahagikan dengan saiz sampel (245 peserta) kemudian menghasilkan selang sampel. Sampel pula terdiri daripada ketua isirumah peserta TSK seramai 245 orang. Sebagai asas menentukan saiz sampel, senarai peneroka atau peserta TSK diperolehi daripada pihak JHEOA yang mengawal selia Orang Asli.

Jadual 3.2.  
*Jumlah Sampel Kajian*

<b>Bil.</b>	<b>Negeri JAKOA</b>	<b>Nama projek</b>	<b>Bil. peserta</b>	<b>Jumlah sampel</b>
1.	Pahang	TSK Orang Asli Pasu, Kuala Krau, Temerloh Pahang	109	37
2.	Pahang	TSK Orang Asli Paya Rekoh, Kuala Krau, Temerloh Pahang	125	46
3.	Pahang	TSK Orang Asli Penderas, Kuala Krau, Temerloh Pahang	105	37
4.	Pahang	TSK Orang Asli Paya Sendayan, Temerloh Pahang	146	55
5.	Pahang	TSK Orang Asli Paya Mengkuang, Songsang, Temerloh Pahang	107	37
6.	Pahang	TSK Orang Asli Sungai Leleh, Temerloh Pahang	86	33
<b>JUMLAH</b>			<b>678</b>	<b>245</b>

Kaji selidik ini hanya melibatkan satu set borang yang bertujuan untuk meneliti tahap kejayaan peserta projek TSK. Set borang kaji selidik ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu: Bahagian A, Latar Belakang Peserta; Bahagian B, Kriteria Kejayaan Peserta Projek TSK; dan Bahagian C, Perubahan Impak Sosio-Ekonomi Peserta Projek TSK. Bahagian A mengandungi soalan seperti umur, jantina, bangsa, status perkahwinan, bilangan isi rumah, tempoh menyertai projek TSK, pekerjaan terdahulu, jenis tanaman yang diusahakan, sumber dana memulakan untuk pertanian, bantuan kewangan tambahan untuk operasi, jumlah pekerja (termasuk ahli keluarga), kelayakan akademik tertinggi, keluasan ladang dan kursus kemahiran pernah dihadiri.

Bahagian B melibatkan enam konstruk ukuran kriteria-kriteria kejayaan iaitu: memiliki inovasi (B1), idea bernas (B2), rekod dan kawalan kewangan (B3), berorientasikan kualiti perkhidmatan (B4), bijak menggunakan sumber sedia ada (B5), dan memiliki budaya kerja yang baik (B6). Bahagian C pula melibatkan sejumlah enam konstruk ukuran perubahan sosio-ekonomi yang kerap digunakan berdasarkan penulisan terdahulu terdiri daripada pendapatan (C1), pemilikan rumah (C2), perbelanjaan (C3), pemakanan (C4), pemilikan aset (C5) dan kecenderungan mendapat perkhidmatan kesihatan (C6) (Lampiran A). Pembentukan soalan atau item ujian yang mewakili konstruk bagi menilai kriteria kejayaan dan perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK adalah diubahsuai daripada kajian-kajian terdahulu termasuklah RISDA 1999; 2015; Bangs dan Pinson (1999), Gundry dan Kickul (2001) serta Olivia (1998).

Seterusnya, bagi setiap item ujian dalam konstruk-onstruk Bahagian B terdiri daripada data interval menggunakan *rating scale* iaitu dari 0 hingga 6 (Allen & Seaman, 2007; Carifio & Rocco, 2007; Frey et al., 2000; Likert, 1932; van Alphen et al., 1994) tujuannya adalah bagi menjelaskan tahap kejayaan peserta projek TSK. Pengkelasan jawapan adalah antara 1-2 menunjukkan pelaksanaan yang rendah; 3-4 menggambarkan pelaksanaan yang sederhana; dan 5-6 menjelaskan pelaksanaan yang tinggi mengenai konstruk yang diukur. Seterusnya, peserta diminta agar menentukan secara ikhlas tahap sebenar kejayaan mereka. Terdapat sebilangan pengkaji yang pernah menggunakan kaedah *rating scale* terhadap aspek sosio-ekonomi berasaskan pertanian atau berkaitan perspektif psikologi seperti Armstrong (1987), Burns dan Burns (2008), Dawes (2008), Jamieson (2004) dan Norman (2010).

Dari perspektif sosio-ekonomi pula, keadaan taraf hidup sebelum menjadi peserta projek TSK dan selepas penyertaan dalam projek TSK dijadikan asas dalam melihat perubahan impak ke atas aspek sosio-ekonomi peserta Orang Asli dalam projek TSK. Sekiranya terdapat perubahan atau impak ke arah positif berbanding sebelumnya, maka dianggap berlaku perubahan sosio-ekonomi yang baik kepada diri peserta projek TSK dan jika sebaliknya menggambarkan bahawa projek TSK tidak berjaya membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli di Daerah Temerloh. Selain itu, dalam memastikan keberkesanan projek TSK mencapai matlamat ke arah kebaikan maka pihak kerajaan dan peserta projek perlu mengambil langkah proaktif daripada semasa ke semasa terutamanya bagi aspek budaya kerja. Selain itu, penilaian dari aspek sosio-ekonomi sebagai penunjuk kejayaan projek TSK perlu diteliti bagi suatu tempoh secara berkala misalnya, enam bulan atau setahun sekali untuk setiap peserta projek TSK.

### **3.4 KAJIAN RINTIS DAN UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN SERTA UKURAN DAN ANALISIS TAHAP KEJAYAAN**

Bahagian ini membincangkan dua perkara iaitu: pertama, ujian kebolehpercayaan data kaji selidik; serta kedua, ukuran dan analisis yang digunakan bagi menilai tahap kejayaan peserta projek TSK.

#### **3.4.1 Kajian Rintis dan Ujian Kebolehpercayaan Kaji Selidik**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian lapangan terlebih dahulu dijalankan bagi ujian kebolehpercayaan borang kaji selidik dengan sampel sebanyak 30 responden. Jumlah sampel bagi kajian rintis adalah sepertimana yang disarankan oleh Krejcie dan Morgan (1970) iaitu jumlah minimum sebanyak lima peratus (5%) daripada jumlah keseluruhan sampel kajian. Bagi kajian ini jumlah sampel keseluruhan adalah sebanyak 245 dan lima peratus (5%) untuk sampel kajian rintis adalah sebanyak 12 responden tetapi pengkaji mengenakan kepada 30 responden. Ini kerana, sekiranya set kaji selidik dan item ujiannya mencukupi atau sesuai berdasarkan analisis *Cronbach Alpha*, K-S dan SW, maka ia akan diguna pakai untuk kajian sebenar. Responden yang terlibat dengan kajian rintis ini tidak lagi terlibat dengan kajian sebenar kerana mereka telah menjadi sebahagian daripada responden kajian, sekiranya borang kaji selidik didapati memuaskan.

Walaupun pengkaji menggubal sendiri soalan atau item ujian dalam kaji selidik, namun kebolehpercayaan set item ujian dilihat kembali menerusi analisis *Cronbach Alpha*. Nilai minimum bagi *Cronbach Alpha* perlu dipatuhi iaitu 0.70 sebagaimana pendapat (Abd Rahim Md Nor, 2009; Erzerberger & Prein, 1997). Berdasarkan analisis kebolehpercayaan data bagi kajian mendapati adalah sebanyak 0.850 iaitu lebih tinggi daripada aras minimum yang ditetapkan oleh pengkaji seperti pendapat

(Abd Rahim Md Nor, 2009; Erzerberger & Prein, 1997). Begitu juga dengan statistik taburan normal bagi Kolmogrov-Smirnov (K-S) dan Shapiro Wilk (SW) bagi kajian ini adalah masing-masing signifikan pada aras 0.000.

### **3.4.2 Ukuran dan Analisis Tahap Kejayaan Menerusi Kaji Selidik**

Menurut Abd Rahim Md Nor (2009), Labovitz (1967), Reips dan Funke (2008), serta Traylor (1983) analisis tahap dalam kajian psikologi seperti kesedaran, tingkah laku dan motivasi boleh dilakukan dengan teknik analisis skor peratusan. Analisis berdasarkan skor peratusan ini mempunyai kelebihan berbanding dengan lain-lain teknik kerana berdasarkan nilai sebenar. Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Zhou et al. (2007) dan Ndubisi (2003), analisis bagi menunjukkan faktor kejayaan ini boleh juga dilakukan dengan teknik analisis min dan median (deskriptif). Oleh itu, kajian ini berpendapat penggunaan *rating scale* sebagai pilihan jawapan responden dalam menentukan faktor kejayaan menggunakan analisis skor peratusan, min dan median adalah sesuai. Sekiranya jawapan 0 menunjukkan tiada pelaksanaan dilakukan berkaitan program atau konstruk yang diukur.

Sebaliknya, jawapan antara 1-2 menunjukkan pelaksanaan yang rendah; 3-4 menggambarkan pelaksanaan yang sederhana; dan 5-6 menjelaskan pelaksanaan yang tinggi mengenai konstruk yang diukur. Analisis tahap menggunakan skala 0 hingga 6 dengan mengimplemenkan kaedah skor peratusan, min dan median dilakukan terhadap konstruk bahagian: memiliki inovasi (B1), idea bernas (B2), rekod dan kawalan kewangan (B3), berorientasikan kualiti kerja (B4), bijak menggunakan sumber sedia ada (B5), memiliki budaya kerja yang baik (B6),.



Seterusnya, bagi analisis untuk bahagian C pula yang melibatkan item-item seperti, pendapatan (C1) pemilikan rumah (C2), perbelanjaan (C3), pemakanan (C4), pemilikan aset (C6) dan kecenderungan mendapat perkhidmatan kesihatan (C6) akan diteliti jumlah atau maklumat sebenar. Misalnya, pendapatan isi rumah sama ada meningkat atau sebaliknya dan begitu dengan tahap pendidikan isi rumah yang dinilai berdasarkan maklumat sebenar daripada responden kajian. Teknik analisis yang digunakan adalah penilaian terhadap purata, min dan median bagi peratusan peningkatan nilai sebenar berdasarkan item yang telah dinyatakan. Seterusnya bagi bahagian C, teknik analisis mengikut penilaian terhadap purata, min dan kekerapan bagi kriteria-kriteria kejayaan yang dikemukakan oleh responden dalam kajian ini. Dengan kata lain, kajian ini menggunakan analisis secara deskriptif bagi menjelaskan dapatan kajian.

### **3.5 KESIMPULAN**

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan kajian adalah berdasarkan falsafah positivisme dan fenomenologi dengan menggunakan analisis kuantitatif. Selaras dengan penggunaan analisis bersifat kuantitatif, maka kajian ini adalah berorientasikan data semata-mata. Kajian mengenai tahap kejayaan projek TSK adalah penting bagi mendapatkan gambaran rasionalisasi seperti sebab-akibat terhadap sesuatu isu iaitu tahap kejayaan dan kegagalan peserta projek TSK sepanjang penyertaan mereka dengan tujuan membantu meningkatkan tahap sosio-ekonomi keluarga.

Oleh itu, melalui teknik persampelan, pembentukan instrumen kajian dan analisis yang bertepatan adalah perlu agar ia mampu membuat generalisasi terhadap tahap kejayaan peserta projek TSK dalam usaha menentukan kemapanan pelaksanaan projek TSK dalam membantu meningkat sistem ekonomi masyarakat Orang Asli dan sekaligus mengeluarkan golongan tersebut dari garis kemiskinan yang membelenggu kehidupan mereka semenjak sekian lama. Bab Empat berikutnya membincangkan tentang hasil kajian berkaitan tahap kejayaan peserta dalam program TSK sama ada dari aspek sendiri (kriteria) dan perubahan impak sosio-ekonomi peserta projek TSK di Daerah Temerloh, Pahang.



## **BAB EMPAT**

### **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan tentang analisis dan hasil kajian berdasarkan dua objektif utama kajian iaitu kriteria kejayaan peserta projek TSK yang diukur melalui enam konstruk yang telah dibentuk. Objektif kedua adalah berkaitan dengan perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK sama ada sebelum atau selepas menyertai projek TSK juga diukur dengan menggunakan enam konstruk yang telah dikenalpasti. Sementara itu, perbincangan hasil kajian dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: Bahagian Pertama, senario tentang latar belakang responden; Bahagian Kedua, analisis deskriptif bagi pencapaian Objektif Kajian Pertama daripada data instrumen kaji selidik; Bahagian Ketiga, analisis deskriptif bagi pencapaian Objektif Kajian Kedua daripada data instrumen kaji selidik bagi meneliti perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK. Perubahan sosio-ekonomi secara positif menggambarkan kejayaan projek TSK dan sekiranya berlaku keadaan sebaliknya maka, pemantapan bagi projek TSK perlu dilakukan demi kesejahteraan hidup peserta projek TSK yang terdiri daripada kaum Orang Asli.

#### **4.2 LATAR BELAKANG RESPONDEN**

Terdapat seramai 245 orang peserta yang dijadikan sampel dalam kajian ini iaitu melibatkan seramai 37 orang (15.1%) bagi peserta yang berasal dari Kampung Pasu, seramai 46 orang peserta (18.8%) pula daripada Kampung Paya Rekoh, Kampung

Penderas seramai 37 orang peserta (15.1%), Paya Sendayan seramai 55 orang peserta (22.4%), peserta dari Paya Mengkuang pula seramai 37 orang (37%) dan terakhir daripada Sungai Leleh seramai 33 orang (13.5%). Oleh itu, jumlah keseluruhan yang diambil sebagai sampel kajian adalah seramai 245 orang peserta (Jadual 4.1).

Jadual 4.1.

*Nama Projek TSK dan Jumlah Peserta yang diambil Sebagai Sampel Kajian*

No.	Nama Projek	Sampel	Peratus (%)
1.	Kampung Pasu	37	15.1
2.	Paya Rekoh	46	18.8
3.	Kampung Penderas	37	15.1
4.	Paya Sendayan	55	22.4
5.	Paya Mengkuang	37	15.1
6.	Sungai Leleh	33	13.5
	<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100.0</b>

Dari segi umur responden pula adalah seramai 18 orang peserta (3.6%) yang berumur antara 22 sehingga 29 tahun, manakala bagi umur antara 30 sehingga 39 tahun adalah seramai 35 orang (14.2%). Seterusnya, bagi umur antara 40 sehingga 49 tahun adalah seramai 63 orang peserta (25.8%) manakala bagi peserta yang berumur antara 50 sehingga 59 tahun pula diwakili oleh seramai 72 orang atau 29.3 peratus. Bagi peserta yang berumur antara 60 sehingga 69 tahun pula adalah seramai 41 orang (16.5%). Sementara itu, bagi peserta yang berumur antara 70 sehingga 79 tahun pula adalah seramai 10 orang (4%) dan bagi peserta yang berumur 82 hingga 86 tahun pula adalah seramai enam orang atau 2.4 peratus.

Seterusnya, dari segi pembahagian jantina responden pula mendapati bilangan peserta lelaki adalah seramai 131 orang atau 53.5 peratus manakala, peserta perempuan adalah seramai 114 orang atau 46.5 peratus (Jadual 4.2). Bagi status perkahwinan pula mendapati seramai 228 orang (93.1%) peserta adalah telah berkahwin, seramai enam

orang adalah bujang (2.4%) dan bagi kategori ibu tunggal/duda adalah seramai 11 orang atau 4.5 peratus.

Jadual 4.2.

*Jumlah Peserta Berdasarkan Jantina*

<b>Jantina</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Lelaki	131	53.5
Perempuan	114	46.5

Daripada segi bilangan isi rumah peserta pula mendapati hanya seorang peserta sahaja yang tinggi mempunyai isi rumah dan antara jumlah isi rumah paling tinggi adalah antara tiga orang sehingga lapan orang. Namun, jumlah tertinggi bilangan isi rumah dalam kalangan peserta adalah seramai enam orang iaitu diwakili oleh 73 orang peserta. Seterusnya, jumlah isi rumah tertinggi dalam kalangan peserta adalah seramai 13 dan 17 orang yang masing-masing diwakili oleh setiap orang peserta (Jadual 4.3). Jumlah bilangan isi rumah merupakan penunjuk penting dalam mengenalpasti kejayaan dari segi sosio-ekonomi peserta TSK di Temerloh.

Selain itu, aspek kelayakan akademik yang dimiliki oleh peserta TSK juga diukur berdasarkan beberapa kategori iaitu tidak bersekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Hasil kajian mendapati seramai 93 orang peserta atau 38 peratus tidak pernah mendapat pendidikan secara formal (tidak bersekolah). Seramai 87 orang peserta (35.5%) TSK pula mendapat pendidikan tahap sekolah rendah sahaja manakala, seramai 65 orang peserta TSK atau 26.5 peratus mempunyai pendidikan sekolah menengah. Keadaan ini menggambarkan bahawa masih ramai golongan orang asli tidak pernah mendapat pendidikan secara formal dan perkara ini juga berkemungkinan mempengaruhi tahap kejayaan projek TSK yang dilaksanakan di

kawasan kajian terutama dalam memperkenalkan teknologi baru untuk pertanian bagi projek TSK.

Jadual 4.3.

*Jumlah Bilangan Isi Rumah Peserta TSK*

<b>Bilangan Isi Rumah</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
0	1	.4
1	2	.8
2	5	2.0
3	10	4.1
4	47	19.2
5	65	26.5
6	73	29.8
7	20	8.2
8	11	4.5
9	3	1.2
10	2	.8
11	2	.8
12	2	.8
13	1	.4
17	1	.4
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100</b>

Bagi jangkamasa keterlibatan dalam projek TSK mendapati seramai 117 orang peserta atau 47.8 peratus telah terlibat dalam projek TSK bermula tahun 2000. Pada tahun 2002 pula mendapati seramai seorang atau 0.4 peratus telah menyertai projek TSK manakala pada tahun 2003 penglibatan telah meningkat seramai 40 orang atau 16.3 peratus. Pada tahun 2004 pula seramai empat orang lagi menyertai projek TSK. Seterusnya, pada tahun 2008 terdapat seramai 82 orang atau 33.5 peratus mula menyertai projek TSK dan seterusnya pada tahun 2010 terdapat seorang lagi peserta bagi projek TSK (Jadual 4.4).

Jadual 4.4.

*Tahun Penglibatan Peserta dalam Projek TSK*

<b>Tahun penglibatan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
2000	117	47.8
2002	1	.4
2003	40	16.3
2004	4	1.6
2008	82	33.5
2010	1	.4
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100</b>

Selain itu, kaedah penglibatan peserta projek TSK juga dikenalpasti dan mendapati seramai 196 orang peserta atau 80 peratus menyatakan bahawa penyertaan mereka adalah melalui JAKOA dan RISDA. Sementara yang selebihnya iaitu seramai 49 orang atau 20 peratus adalah melalui pemilihan orang kampung. Seterusnya, adalah berkenaan penyertaan peserta projek TSK dalam menghadiri kursus berkaitan dengan projek TSK. Hasil kajian mendapati hanya seramai 31 orang peserta projek TSK telah menghadiri kursus manakala selebihnya iaitu 214 atau 87.3 peratus tidak menyertai sebarang kursus berkaitan projek TSK. Antara sebab mengapa peserta projek TSK tidak menyertai kursus yang dianjurkan ialah tidak sesuai, faktor usia dan tidak mendapat jemputan untuk penyertaan.

Antara kursus yang dihadiri oleh peserta projek TSK adalah berkaitan kaedah penanaman kelapa sawit, pemangkasan, pembajaan, pengupayaan ekonomi, modul latihan daya saing dan sebagainya. Seramai 16 orang peserta telah menghadiri kursus berkaitan kaedah penanaman kelapa sawit, empat orang berkaitan pemangkasan dan masing-masing dua orang untuk pengupayaan ekonomi dan modul latihan daya saing (Jadual 4.5). Antara agensi yang terlibat dengan penganjuran kursus kepada peserta projek TSK adalah RISDA, RPSB, JAKOA dan FAMA.

Jadual 4.5.

*Penglibatan Peserta dalam Kursus Berkaitan Projek TSK*

<b>Nama kursus</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Tidak pernah hadir	214	87.3
Kaedah penanaman kelapa sawit	16	6.5
pemangkasan	4	1.6
membaja	5	2.0
Pertanian dan perumahan	2	0.8
Pengupayaan ekonomi	2	0.8
Modul latihan dan daya saing	2	0.8
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100</b>

Seterusnya, berkaitan dengan faktor kerelaan atau minat menyertai projek TSK mendapati seramai 242 orang atau 98.9% adalah kerana minat dan seramai tiga (1.2%) orang kerana terpaksa adalah sebab mengapa mereka menyertai projek TSK. Selain itu, bagi aspek pencapaian projek TSK dalam membantu meningkatkan ekonomi keluarga mendapati seramai 240 peserta atau 98 peratus bersetuju bahawa projek TSK dapat meningkatkan ekonomi tetapi yang berpendapat sebaliknya adalah seramai lima orang atau dua peratus. Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa projek TSK sememangnya dapat meningkatkan ekonomi peserta.

Selain itu, berkaitan kerja sampingan yang dilakukan peserta projek TSK pula mendapati seramai tujuh orang atau 2.9 peratus mengusahakan bengkel, berkebun adalah seramai 96 orang atau 39.2 peratus, berniaga seramai enam orang atau 2.4 peratus. Bekerja sebagai buruh pula seramai 71 orang atau 29 peratus, menjadi pengawal keselamatan seramai tiga orang atau 1.2 peratus. Seterusnya, antara kerja sampingan yang lain adalah menorah getah seramai 25 orang atau 10.2 peratus dan bekerja kontrak seramai seorang atau 0.4 peratus (Jadual 4.6).



Jadual 4.6.

*Pekerjaan Sampingan yang diusahakan Peserta Projek TSK*

<b>Pekerjaan Sampingan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Bengkel	7	2.9
Berkebun	96	39.2
Memungut hasil hutan	36	14.7
Berniaga	6	2.4
Buruh	71	29
Pegawal Keselamatan	3	1.2
Menoreh getah kontrak	25	10.2
1	0.4	
<b>Jumlah</b>	<b>245</b>	<b>100</b>

Selain itu, pihak kerajaan juga mengambil langkah yang proaktif dalam membantu ekonomi masyarakat Orang Asli khususnya di mana program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) telah memberikan manfaat kepada 207 (84.5%) penerima yang terdiri daripada peserta projek TSK. Secara tidak langsung pemberian ini dapat meringankan beban kewangan dalam kalangan Orang Asli di Daerah Temerloh terutamanya semasa kejatuhan harga getah dan kelapa sawit dalam pasaran.

#### **4.3. KRITERIA KEJAYAAN PESERTA PROJEK TANAMAN SEMULA KOMERSIL (TSK)**

Dalam membincangkan tentang kriteria kejayaan secara konsep bagi peserta TSK dalam kalangan Orang Asli di Daerah Temerloh terdapat beberapa konstruk yang digunapakai sebagai ukuran kejayaan tersebut. Ini termasuklah, pelaksanaan inovasi pertanian (B1); pelaksanaan idea berkualiti (ilmu) dalam pertanian (B2); rekod penanaman dan kewangan dalam pertanian (B3); pembudayaan kualiti kerja dalam pertanian (B4); tindakan petani menghadapi ekonomi semasa (baik atau lembab) (B5); dan bijak menggunakan sumber sedia ada dalam pertanian (B6). Kesemua konstruk pengukuran kriteria kejayaan ini menggunakan aras ukuran sepertimana berikut iaitu

Tidak Laksana (0); Pelaksanaan Rendah (1-2); Pelaksanaan Sederhana (3-4); dan Pelaksanaan Tinggi (5-6).

#### **4.3.1 Pelaksanaan Inovasi Pertanian**

Dalam pengukuran kriteria kejayaan projek TSK di Temerloh, para peserta perlu melaksanakan inovasi dalam konteks aktiviti pertanian yang diusahakan. Inovasi pertanian yang dimaksudkan adalah mampu membuat perubahan atau penambahbaikan dalam projek TSK sama ada dari sudut pembajakan, benih tanaman, kaedah penanaman, kualiti produk dan proses jualan. Berdasarkan hasil kajian bagi aspek pelaksanaan inovasi pertanian mendapati bahawa untuk item ujian 1-7 adalah sangat baik atau tinggi pelaksanaannya. Ini termasuklah penggunaan baja yang sesuai, penggunaan baja yang disarankan, membaja mengikut jadual/tempoh masa, menggunakan racun yang diluluskan kerajaan dan sebagainya.

Selain itu, bagi item ujian 8-10 pula mencatatkan pelaksanaan yang rendah dan sederhana iaitu melibatkan item ujian berkaitan menggunakan jentera pembajak sebelum proses tanam semula, memagar kawasan menggunakan elektrik teknologi solar dan tidak memagar kawasan menggunakan dawai duri. Sementara itu, bagi item yang berkaitan dengan penggunaan baka yang berkualiti, penggunaan jentera dalam proses menanam semula dan penggunaan jentera bagi mengangkut baja dan hasil tanaman mendapati tahap pelaksanaannya dalam projek TSK adalah tinggi. Oleh itu, secara keseluruhannya nilai min bagi konstruk pelaksanaan inovasi pertanian bagi projek TSK Temerloh adalah sebanyak 4.59 iaitu berada dalam tahap kategori sederhana tinggi (Jadual 4.7). Hasil kajian ini menggambarkan bahawa peserta projek TSK mempraktikkan inovasi dalam melaksanakan projek TSK bagi meningkatkan

hasil pengeluaran pertanian dan hal ini selaras dengan saranan pihak RISDA (RISDA 1999; 2015; Schumpeter 1935; Bakley et al. 2007).

Jadual 4.7.  
*Pelaksanaan Inovasi Pertanian dalam Projek TSK*

Bil.	Item	0	1	2	3	4	5	6	Min
1.	Menggunakan baja tanaman yang sesuai.			1/ 0.4%		64/ 26.1 %	132/ 53.9%	48/ 19.6%	4.92
2.	Menggunakan baja tanaman yang disarankan oleh kerajaan.	1/ 0.4%				67/ 27.3 %	142/ 58%	35/ 14.3%	4.85
3.	Membaja mengikut jadual atau tempoh masa yang betul.		1/ 0.4%		1/ 0.4%	70/ 28.6 %	126/ 51.4%	47/ 19.2%	4.88
4.	Menggunakan racun tumbuhan yang diluluskan oleh kerajaan.			1/ 0.4%	1/ 0.4%	70/ 28.6 %	136/ 55.5%	37/ 15.1%	4.84
5.	Meracun rumpai mengikut kaedah bersesuaian.			2/ 0.8%	1/ 0.4%	74/ 30.2 %	118/ 48.2%	50/ 20.4%	4.87
6.	Menggunakan racun serangga dengan betul.	4/ 1.6%			2/ 0.8%	71/ 29%	128/ 52.2%	40/ 16.3%	4.78
7.	Menggunakan racun serangga yang diluluskan oleh kerajaan.	9/ 3.7%		1/ 0.4%		71/ 29%	121/ 49.4%	43/ 17.6%	4.69
8.	Menggunakan jentera pembajak sebelum proses tanam semula.	47/ 19.2 %	1/ 0.4%	1/ 0.4%		71/ 29%	76/31%	49/20%	3.92
9.	Memagar kawasan menggunakan elektrik teknologi solar.	64/ 26.1 %	1/ 0.4%	6/ 2.4%	1/ 0.4%	74/ 30.2 %	73/ 29.8%	26/ 10.6%	3.40
10.	Tidak memagar kawasan menggunakan kaedah dawai duri.	39/ 15.9 %		2/ 0.8%		76/ 31%	82/ 33.5%	46/ 18.8%	4.06
11.	Menggunakan baka pokok kacukan berkualiti tinggi.	2/ 0.8%	1/ 0.4%		3/ 1.2%	65/ 26.5 %	134/ 54.7%	40/ 16.3%	4.82
12.	Sebelum tanam semula dijalankan, pokok sedia ada dibuang dengan	4/ 1.6%				75/ 30.6 %	107/ 43.7%	59/ 24.1%	4.85

	menggunakan jentera seperti mencabut pokok bagi mengelakkan terdapat sisa tunggul yang boleh menjadi sarang serangga.						
13.	Mengangkut baja atau hasil tanaman menggunakan jentera.	2/ 0.8%	1/ 0.4%	74/ 30.2 %	108/ 44.1%	60/ 24.5%	4.89
<b>JUMLAH MIN KESELURUHAN</b>							<b>4.59</b>

N= 245

Skala:

- 0. Tidak laksana
- 1-2 Pelaksanaan rendah
- 3-4 Pelaksanaan sederhana
- 5-6 Pelaksanaan tinggi

#### 4.3.2 Pelaksanaan Idea Berkualiti (Ilmu) Dalam Pertanian

Bagi konstruk yang seterusnya adalah pelaksanaan idea berkualiti (ilmu) dalam pertanian iaitu yang merujuk kepada pemikiran atau pandangan bersesuaian dalam memastikan kejayaan projek TSK dalam semua aspek. Perkongsian idea dan pengalaman berkaitan aktiviti pertanian merupakan sesuatu yang baik kerana mampu menghasilkan idea dan pengalaman baharu untuk memastikan kejayaan projek TSK. Berdasarkan hasil kajian mengenai konstruk pelaksanaan idea (ilmu) dalam pertanian yang diwakili oleh 12 item ujian mendapati bahawa hampir kesemua item ujian memberikan jawapan untuk skala 3-4 (sederhana) dan 5-6 (tinggi).

Ini termasuklah item ujian berkaitan berkongsi ilmu dan pengalaman berkaitan penanaman, kaedah menghindari musuh tanaman, berkongsi idea untuk meningkatkan hasil tanaman, pemilihan baja yang sesuai dan sebagainya. Justeru, bagi konstruk ini dapat dirumuskan bahawa kriteria kejayaan pelaksanaan idea berkualiti (ilmu) dalam pertanian bagi projek TSK Temerloh berada di tahap sederhana tinggi iaitu

berdasarkan catatan nilai min adalah sebanyak 4.67 (Jadual 4.8). Berdasarkan hasil kajian mendapati peserta projek TSK telah mampu melaksanakan idea atau ilmu yang berkualiti dalam mengusahakan projek pertanian TSK. Pelaksanaan idea yang berkualiti pastinya menghasilkan kejayaan sepertimana pendapat Fayolle (2007).

Jadual 4.8.

*Pelaksanaan Idea Berkualiti (Ilmu) dalam Pertanian Bagi Projek TSK*

Bil.	Item	0	1	2	3	4	5	6	Min
1.	Berkongsi ilmu penanaman dengan kawan.			2/ 0.8%	14/ 5.7%	87/ 35.5%	124/ 50.6%	18/ 7.3%	4.58
2.	Berkongsi pengalaman penanaman dengan kawan.			1/ 0.4%	12/ 5.3%	87/ 35.5%	110/ 44.9%	34/ 13.9%	4.67
3.	Mencari cara terbaik bagi menghindari musuh tanaman.			6/ 2.4%	6/2.4%	83/ 33.9%	81/ 33.1%	69/ 28.2%	4.82
4.	Memastikan tumbuhan tidak diserang penyakit atau masalah kekurangan nutrien (zat).		3/ 1.2%		2/0.8%	86/ 35.1%	125/ 51%	29/ 11.8%	4.70
5.	Berkongsi idea terbaik dalam meningkatkan hasil pertanian.		1/ 0.4%	1/ 0.4%	7/2.9%	79/ 32.2%	127/ 51.8%	30/ 12.2%	4.71
6.	Memastikan hasil tanaman lumayan dengan mendapat nasihat daripada pegawai kerajaan.		1/0.4%		5/2%	82/ 33.5%	125/ 51%	32/ 13.1%	4.74
7.	Mendapatkan nasihat daripada pegawai kerajaan berkaitan bagi memastikan tanaman sihat atau tiada penyakit.				5/2%	79/ 32.2%	110/ 44.9%	51/ 20.8%	4.84
8.	Pemilihan baja berkualiti tinggi tetapi pada kadar harga berpatutan.				4/1.6%	76/31%	125/ 51%	40/ 16.3%	4.82
9.	Pembajaan				1/0.4%	96/ 38.4%	109/ 43.5%	39/ 15.1%	4.76

	dilakukan mengikut kaedah betul.				39.2%	44.5%	15.9%	
10.	Meracun tumbuhan yang menjadi musuh tanaman	17/ 6.9%	1/ 0.4%	3/1.2%	81/ 33.1%	93/38%	50/ 20.4%	4.49
11.	Menanam tanaman	24/ 9.8%	1/ 0.4%	4/1.6%	82/ 33.5%	99/40.4%	35/ 14.3%	4.27
12.	Memelihara ternakan bagi mengurangkan masalah rumpai dan dapat meningkatkan kesuburan tanah.	8/ 3.3%	3/ 1.2%		75/ 30.6%	107/ 43.7%	52/ 21.2%	4.71
<b>JUMLAH MIN KESELURUHAN</b>								<b>4.67</b>

N= 245

Skala:

- 0. Tidak laksana
- 1-2 Pelaksanaan rendah
- 3-4 Pelaksanaan sederhana
- 5-6 Pelaksanaan tinggi



### 4.3.3 Rekod Penanaman dan Kewangan Dalam Pertanian

Seterusnya, bagi konstruk rekod penanaman dan kewangan dalam pertanian adalah melibatkan usaha menyimpan rekod pembelian dan jualan, untung dan rugi atau sebarang transaksi projek TSK. Ini kerana semua perkara yang berkaitan dengan penyimpan rekod adalah sangat penting termasuklah rekod kawalan terhadap sumber kewangan, kawalan modal, kawalan perbelanjaan, pengurusan gaji dan upah kakitangan. Urusan penyimpan rekod penanaman dan kewangan secara baik juga menggambarkan tahap kecekapan sesebuah projek pertanian. Selain itu, dengan adanya sistem rekod yang sistematik pastinya dapat melicinkan segala urusan berkaitan projek misalnya tarikh penanaman, pembajaan, semburan racun, pungutan hasil dan sebagainya.

Hasil kajian bagi konstruk ini menunjukkan bahawa peserta projek TSK, Temerloh sememangnya melaksanakan sistem rekod secara sistematik dalam projek pertanian yang mereka usahakan. Misalnya, kesemua 11 item ujian mencatatkan bacaan peratusan pelaksanaan sistem rekod adalah pada tahap yang tinggi iaitu cenderung di skala 5-6. Ini termasuklah item ujian berkaitan rekod pembelian, jualan, simpan kira, rekod penanaman bermula daripada menaman sehinggalah kepada jualan hasil pertanian. Situasi ini menunjukkan bahawa projek TSK, Temerloh yang disertai oleh masyarakat Orang Asli telah diuruskan secara baik. Hal ini dibuktikan juga dengan catatan nilai min bagi konstruk ini iaitu sebanyak 4.70 iaitu di tahap sederhana tinggi (Jadual 4.9).

Berdasarkan hasil kajian menunjukkan bahawa peserta projek TSK telah melaksanakan rekod penanaman dan kewangan dalam aktiviti pertanian mereka. Pelaksanaan berkaitan dengan rekod penanaman dan pertanian kerana berdasarkan pendapat Fayello (2007), petani seharusnya mengambil tindakan yang bijak bagi menghadapi apa jua masalah dalam bidang pertanian kerana serktor ini juga dianggap sebagai perniagaan yang mempunyai cabaran yang pelbagai (Drucker 1989). Begitu juga dengan pendapat Maier (2007), yang menyatakan bahawa para petani merupakan individu yang mempunyai pemilikan secara majoriti ke atas tanggungjawab dalam pengurusan pertanian.

Jadual 4.9.

*Pelaksanaan Rekod Penanaman dan Kewangan dalam Pertanian Bagi Projek TSK*

Bil.	Item	0	1	2	3	4	5	6	Min
1.	Rekod pembelian bahan pertanian disimpan dengan baik.	3/1.2%	2/0.8%			74/ 30.2%	135/ 55.1%	31/ 12.7%	4.74
2.	Rekod jualan dicatat dan disimpan dengan baik.	4/1.6%		2/0.8%	1/ 0.4%	83/ 33.9%	122/ 49.8%	33/ 13.5%	4.68
3.	Memastikan simpan kira adalah betul bagi setiap urusniaga.	4/1.6%			3/1.2 %	75/ 30.6%	114/46. 5%	49/20%	4.79
4.	Mendapatkan nasihat pihak tertentu sekiranya terdapat masalah pengiraan semasa jualan hasil.	1/0.4%		4/1.6%	1/ 0.4%	87/ 35.5%	112/ 45.7%	40/ 16.3%	4.73
5.	Mendapatkan nasihat pihak tertentu sekiranya tidak faham proses memfailkan maklumat jual-beli.			6/2.4%	3/ 1.2%	65/ 26.5%	143/ 58.4%	28/ 11.4%	4.75
6.	Keuntungan sentiasa disemak dan disimpan rekodnya.	5/2%			4/ 1.6%	86/ 35.1%	108/ 44.1%	42/ 17.1%	4.69
7.	Menyusun fail rekod jualan dan belian dengan kemas dan selamat.	3/1.2%	1/0.4%		4/ 1.6%	81/ 33.1%	111/ 45.3%	45/ 18.4%	4.74
8.	Menyimpan segala rekod jualan dan belian dengan baik bagi rujukan.	3/1.2%	1/0.4%	2/0.8%	4/ 1.6%	89/36.3 %	106/ 43.3%	40/ 16.3%	4.67
9.	Mengurangkan sebarang kos pengurusan tidak penting untuk meningkatkan keuntungan.	4/1.6%	3/1.2%	1/0.4%	1/ 0.4%	76/31%	120/ 49%	40/ 16.3%	4.70
10.	Mengurangkan penggunaan hasil keuntungan bagi tujuan tidak bermanfaat.	3/1.2%	3/1.2%	2/0.8%	2/0.8 %	94/ 38.4%	108/ 44.1%	33/ 13.5%	4.60
11.	Rekod proses menanam iaitu dari peringkat awal hingga hasil	4/1.6%	1/0.4%	1/0.4%	14/ 5.7%	87/ 35.5%	79/ 32.2%	59/ 24.1%	4.66



---

dapat dituai  
disimpan dengan  
baik untuk  
rujukan.

**JUMLAH MIN KESELURUHAN**

**4.70**

---

N= 245

Skala:

- |     |                       |
|-----|-----------------------|
| 0.  | Tidak laksana         |
| 1-2 | Pelaksanaan rendah    |
| 3-4 | Pelaksanaan sederhana |
| 5-6 | Pelaksanaan tinggi    |

#### **4.3.4 Pembudayaan Kualiti Kerja Dalam Pertanian**

Konstruk yang keempat iaitu pembudayaan kualiti kerja dalam pertanian pula adalah berkaitan dengan memastikan penjagaan kualiti produk agar kepuasan pelanggan menjadi keutamaan, tidak berlaku rungutan, tiada komplek, mendapat kepercayaan pelanggan, wujud ulangan urusan jual beli disebabkan kualiti hasil yang diberikan adalah baik. Hasil kajian mendapati bagi konstruk pembudayaan kualiti kerja nilai peratusan adalah tertumpu kepada tahap sederhana tinggi iaitu 4-5 bagi kesemua 12 item ujian yang dikemukakan. Ini termasuklah memastikan kawasan pertanian bersih, selamat, kualiti hasil tanaman yang baik, memastikan pihak pembeli berpuashati dengan hasil tanaman, bekerja dengan tekun dan sebagainya. Namun nilai min secara keseluruhan bagi konstruk ini adalah sebanyak 4.77 iaitu di tahap pelaksanaan sederhana tinggi dan senario ini merupakan suatu asas yang baik untuk merealisasikan kejayaan projek TSK dalam kalangan Orang Asli Temerloh (Jadual 4.10).

Seterusnya, bagi konstruk ini juga mencatatkan pelaksanaan sederhana tinggi dan hal ini menunjukkan bahawa para peserta projek TSK di Temerloh telah berjaya dalam pembudayaan kualiti kerja yang baik dalam sektor pertanian yang diusahakan. Perkara ini selaras dengan pendapat Fayolle (2007) di mana seseorang petani yang mahir harus mempunyai tindakan dan bertingkah laku yang baik dalam bagi merealisasikan

matlamat untuk meningkatkan pulangan ekonomi yang tinggi kepada para peserta projek. Selain itu, pembudayaan kualiti kerja yang harus dimiliki oleh para petani seharusnya mempunyai sikap kerajinan

Jadual 4.10.

*Pelaksanaan Pembudayaan Kualiti Kerja dalam Pertanian Bagi Projek TSK*

Bil.	Item	0	1	2	3	4	5	6	Min
1.	Memastikan kawasan pertanian bersih.				3/ 1.2%	96/ 39.2%	124/ 50.6%	22/9%	4.67
2.	Memastikan kawasan pertanian selamat.	1/ 0.4%	2/0.8%		3/ 1.2%	95/ 38.8%	117/ 47.8%	27/ 11%	4.66
3.	Memastikan tanaman sihat.				5/ 2%	78/ 31.8%	134/ 54.7%	28/ 11.4%	4.76
4.	Memastikan kualiti hasil tanaman berkualiti.		3/1.2%		1/ 0.4%	89/ 36.3%	105/ 42.9%	47/ 19.2%	4.78
5.	Memastikan kualiti kerja adalah baik sepanjang masa.		1/0.4%	5/2%		70/ 28.6%	132/ 53.9%	37/ 15.1%	4.81
6.	Memastikan bahan (input) yang digunakan dalam penanaman adalah berkualiti.		3/1.2%	1/ 0.4%		83/ 33.9%	113/ 46.1%	45/ 18.4%	4.80
7.	Memastikan pembeli hasil pertanian anda berpuas hati.				4/ 1.6%	82/ 33.5%	116/ 47.3%	43/ 17.6%	4.81
8.	Memastikan tiada berlaku pembaziran dalam proses penanaman seperti pembajaan, penggunaan racun dan cermat dalam menuai hasil.				1/ 0.4%	87/ 35.5%	128/ 52.2%	29/ 11.8%	4.76
9.	Memastikan kualiti kerja anda dicontohi masyarakat setempat.		1/0.4%	4/ 1.6%		81/ 33.1%	115/ 46.9%	44/18%	4.80
10.	Berkerja dengan tekun dan teliti.	1/ 0.4%			5/2%	79/ 32.2%	107/ 43.7%	53/ 21.6%	4.84
11.	Berusaha agar tidak merosakkan tanaman dalam proses penyelenggaraan kawasan pertanian.		2/0.8%	4/ 1.6%		84/ 34.3%	114/ 46.5%	41/ 16.7%	4.75
12.	Mendapat nasihat				1/ 1.6%	84/ 34.3%	120/ 46.5%	40/ 16.7%	4.81

daripada pihak tertentu agar kualiti kerja mencapai tahap terbaik.

0.4% 34.3% 49% 16.3%

---

**JUMLAH MIN KESELURUHAN**

**4.77**

N= 245

Skala:

- 0. Tidak laksana
- 1-2 Pelaksanaan rendah
- 3-4 Pelaksanaan sederhana
- 5-6 Pelaksanaan tinggi

#### **4.3.5 Tindakan Petani Menghadapi Ekonomi Semasa (Baik Atau Lembab)**

Tindakan petani menghadapi ekonomi semasa (baik atau lembab) merujuk kepada penyelesaian masalah perniagaan berkaitan dengan sumber pendapatan dan kewangan, penetapan harga produk, perbelanjaan, pengurusan organisasi, perubahan persekitaran semasa, mencari sumber pendapatan sampingan, tidak kecewa dengan kegawatan ekonomi, berjimat cermat, mengurangkan kos perbelanjaan dan sebagainya. Bagi konstruk ini terdapat 11 item ujian telah dikemukakan bagi mengukur tindakan yang diambil oleh peserta TSK dalam menghadapi masalah ekonomi semasa terutamanya berkaitan kejatuhan harga komoditi atau hasil tanaman mereka. Perkara ini adalah sangat penting untuk diketahui atau diukur kerana daya tahan seseorang peserta dalam menghadapi masalah semasa juga merupakan salah satu petunjuk kepada kejayaan projek TSK.

Berdasarkan hasil kajian mendapati peserta TSK terus bertahan untuk mengusahakan pertanian mereka iaitu di tahap tinggi (skala 5) dan di samping itu mereka juga mencari sumber pendapatan lain untuk meneruskan kehidupan seharian. Selain itu, kesemua item ujian yang dikemukakan mencatatkan bacaan di skala 5 iaitu di tahap tinggi yang mana peserta TSK telah mengambil tindakan tertentu dalam menghadapi masalah ekonomi semasa. Ini termasuklah mereka tidak putus asa dengan kejatuhan

harga komoditi tetapi sebaliknya terus mengekalkan kualiti produk. Para peserta juga mengambil langkah berjimat cermat dengan mengurangkan kos perbelanjaan untuk meningkatkan margin keuntungan. Oleh itu, secara keseluruhannya nilai min yang dicatatkan bagi konstruk ini adalah sebanyak 4.76 iaitu di tahap sederhana tinggi (Jadual 4.11).

Hasil kajian bagi konstruk ini menggambarkan bahawa para peserta projek TSK di Temerloh adalah golongan petani yang mahir dalam membuat keputusan dan mengkoordinasikan sumber terutamanya semasa ekomoni yang kurang baik (lembab) dan ini selaras dengan pendapat Casson (1982) dan Gundry & Kickul (2001).

Jadual 4.11.  
*Tindakan Petani Menghadapi Ekonomi Semasa (Baik atau Lembab) Bagi Projek TSK*

Bil.	Item	0	1	2	3	4	5	6	Min
1.	Terus mengusahakan dan memastikan hasil penanaman dijual seperti biasa.		5/2%		2/0.8%	71/29%	138/56.3%	29/11.8%	4.73
2.	Mencari sumber pendapatan sampingan agar tidak keterlaluan bergantung kepada hasil pertanian dari ladang TSK.		16/6.5%		3/1.2%	78/31.8%	112/45.7%	36/14.7%	4.54
3.	Tidak kecewa berdepan dengan masalah kegawatan ekonomi dunia yang menjadikan harga komoditi diusahakan jatuh nilaiannya.			2/0.8%	2/0.8%	107/43.7%	99/40.4%	35/14.3%	4.67
4.	Terus mengekalkan kualiti produk hasil pertanian.				2/0.8%	81/33.1%	113/46.1%	49/20%	4.85
5.	Tidak menyalahkan	1/0.4%	1/0.4%		3/1.2%	82/33.5%	118/48.2%	40/16.3%	4.77

	kerajaan dalam isu kejatuhan harga komoditi yang diusahakan.							
6.	Berjimat-cermat atau kawalan perbelanjaan daripada hasil jualan yang diperolehi.		3/ 1.2%	2/0.8%	93/38%	115/ 46.9%	32/ 13.1%	4.70
7.	Mengurangkan kos perbelanjaan agar dapat meningkatkan margin keuntungan.	1/ 0.4%	1/ 0.4%	5/2%	81/ 33.1%	122/ 49.8%	35/ 14.3%	4.74
8.	Berusaha mencari bahan input pertanian berkualiti dengan harga lebih murah tetapi tahap kualitinya hampir sama.	1/0.4 %		4/1.6%	81/ 33.1%	104/ 42.4%	55/ 22.4%	4.84
9.	Tidak bertolak ansur dengan penipuan orang tengah.	1/ 0.4%	1/0.4%		73/ 29.8%	113/ 46.1%	57/ 23.3%	4.90
10.	Tidak boros berbelanja dalam tempoh nilai jualan hasil pertanian tinggi.	39/15 .9%	2/ 0.8%		81/ 33.1%	105/ 42.9%	55/ 22.4%	4.84
11.	Berhati-hati dengan nilai harga yang diletakkan oleh pembeli atau orang tengah.		1/0.4%	1/ 0.4%	2/0.8%	81/ 33.1%	106/ 43.3%	54/22% 4.84
<b>JUMLAH MIN KESELURUHAN</b>								<b>4.76</b>

N= 245

Skala:

- 0. Tidak laksana
- 1-2 Pelaksanaan rendah
- 3-4 Pelaksanaan sederhana
- 5-6 Pelaksanaan tinggi

#### 4.3.6 Bijak Menggunakan Sumber Sedia Ada Dalam Pertanian

Konstruk yang terakhir adalah pengukuran terhadap bijak menggunakan sumber sedia ada dalam pertanian iaitu merujuk kepada mengagihkan sumber pendapatan, modal, peluang perolehan dana untuk melebarkan projek TSK. Di samping itu, bijak

menggunakan kepakaran diri, kakitangan dan peluang persekitaran secara bijak juga dapat mewujudkan kejayaan dalam projek TSK. Bagi konstruk ini terdapat 11 item ujian dikemukakan termasuklah mendapat bantuan dana dan teknikal daripada jabatan berkaitan, mewujudkan koperasi bersama, berkongsi kemahiran dengan peserta yang lain, menggunakan sumber tenaga dalam kalangan keluarga dan sebagainya. Hasil kajian mendapati nilai peratusan tertumpu di skala 5 iaitu di tahap tinggi yang mana mengandaikan bahawa sememangnya para peserta projek TSK adalah bijak menggunakan sumber sedia ada dalam pertanian bagi menguruskan pertanian yang diusahakan. Sementara itu, nilai min yang dicatatkan bagi konstruk ini adalah sebanyak 4.65 iaitu di tahap sederhana tinggi (Jadual 4.12).

Jadual 4.12.  
*Bijak Menggunakan Sumber Sedia Ada dalam Pertanian*

Bil.	Item	0	1	2	3	4	5	6	Min
1.	Berkerjasama dengan rakan dalam memastikan kawasan pertanian selamat daripada gangguan binatang perosak (musuh tanaman).			2/0.8%	6/2.4%	101/41.2%	111/45.3%	25/10.2%	4.62
2.	Mendapat bantuan nasihat daripada jabatan berkaitan.		1/0.4%		8/3.3%	87/35.5%	122/49.8%	27/11%	4.67
3.	Mendapat bantuan teknikal daripada jabatan berkaitan.	1/0.4%			5/2%	85/34.7%	121/49.4%	33/13.5%	4.73
4.	Memohon dana bantuan daripada jabatan berkaitan.	6/2.4%	1/0.4%	1/0.4%	2/0.8%	72/29.4%	117/47.8%	46/18.8%	4.73
5.	Memohon bantuan wakil rakyat kawasan bagi membantu usaha pertanian.	24/9.8%	1/0.4%		1/0.4%	73/29.8%	87/35.5%	59/24.1%	4.43
6.	Menggunakan peluang yang dibenarkan oleh kerajaan untuk mewujudkan persatuan atau koperasi	8/3.3%	1/0.4%		1/0.4%	90/36.7%	114/46.5%	31/12.7%	4.57

	bertujuan memajukan usaha pertanian atau membela nasib petani.								
7.	Berkongsi kemahiran individu tertentu (dalam kalangan ahli peserta TSK) untuk dikongsi bersama bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.	3/1.2%	1/0.4%	4/1.6%	2/0.8%	99/40.4%	101/41.2%	35/14.3%	4.60
8.	Menggunakan kekuatan (tenaga) ahli keluarga untuk sama-sama memajukan penanaman atau pertanian.		1/0.4%	1/0.4%	16/6.5%	78/31.8%	111/45.3%	38/15.5%	4.68
9.	Menggunakan budaya berdikari dan kerjasama antara ahli komuniti sebagai kekuatan untuk lebih maju.		4/1.6%		18/7.3%	85/34.7%	94/38.4%	44/18%	4.62
10.	Menjadikan kawasan pertanian TSK sebagai tempat cari makan berhampiran komuniti anda.	1/0.4%		9/3.7%	3/1.2%	94/38.4%	79/32.2%	59/24.1%	4.70
11.	Menganggap peluang yang diberikan oleh kerajaan sebagai suatu tuah atau peluang yang harus diusahakan sebaiknya.				12/4.9%	87/35.5%	84/34.3%	62/25.3%	4.80
<b>JUMLAH MIN KESELURUHAN</b>									<b>4.65</b>

N= 245

Skala:

- 0. Tidak laksana
- 1-2 Pelaksanaan rendah
- 3-4 Pelaksanaan sederhana
- 5-6 Pelaksanaan tinggi

Berdasarkan hasil kajian bagi konstruk ini juga mempamerkan para peserta projek TSK di Temerloh mampu menghadapi cabaran yang pelbagai dalam sektor pertanian yang diusahakan. Bijak dalam membuat keputusan, bertindak secara rasional dan

mengkoordinasikan sumber yang sedia ada atau terhad adalah merupakan penunjuk kepada kejayaan para peserta projek TSK dalam mengusahakan pertanian mereka (Casson 1982; Maier 2007).

Secara rumusnya bagi pengukuran kriteria kejayaan projek TSK berdasarkan enam konstruk yang dikemukakan mendapati bahawa kesemua konstruk ini mencatatkan bacaan nilai min di skala 4 (sederhana) tetapi kesemua nilainya menghampiri skala 5. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kesemua konstruk ini berada di tahap atau skala sederhana tinggi yang menunjukkan bahawa kejayaan projek TSK. Situasi ini selaras dengan senario semasa walaupun negara berdepan dengan kejatuhan komoditi pertanian seperti kelapa sawit dan getah tetapi projek TSK yang diusahakan oleh Orang Asli Temerloh tetap berjalan seperti biasa.

Semangat kerjasama dan perkongsian idea serta pengalaman antara mereka merupakan suatu kekuatan kepada peserta untuk terus memajukan projek TSK demi meningkatkan sosio-ekonomi kehidupan mereka. Hal ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan Orang Asli sepertimana dalam Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli (2011-2015) yang menetapkan enam teras komprehensif untuk membangunkan Orang Asli termasuklah pembangunan modal insan, menggerakkan ekonomi, memperluaskan akses prasarana, meningkatkan kualiti hidup, melestarikan seni warisan Orang Asli dan memantapkan sistem urus tadbir organisasi (Jabatan Kemajuan Orang Asli 2014).



#### **4.4 PERUBAHAN TARAF SOSIO-EKONOMI PESERTA SEBELUM DAN SELEPAS MENYERTAI PROJEK TSK**

Bagi mengukur tahap kejayaan atau adakah pelaksanaan projek TSK memberikan manfaat kepada peserta Orang Asli terutamanya dalam konteks perubahan sosioekonomi mereka terdapat enam perkara utama yang telah diukur berdasarkan tempoh sebelum dan selepas menyertai projek TSK. Ini termasuklah daripada segi pendapatan mereka, pemilikan rumah, perbelanjaan keluarga, tren pemakanan, pemilikan aset dan khidmat kesihatan. Perubahan yang positif bagi item pengukuran ini menjelaskan bahawa wujudnya kejayaan dalam pelaksanaan projek TSK dan memberikan manfaat kepada peserta tetapi jika keadaan sebaliknya pula menunjukkan bahawa projek TSK tidak atau kurang memberikan manfaat kepada kehidupan peserta projek TSK.

##### **4.4.1 Perubahan Pendapatan Bulanan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK**

Berdasarkan hasil kajian bagi perbandingan pendapatan bulanan dalam kalangan peserta bagi tempoh sebelum dan selepas menyertai projek TSK mendapati terdapat peningkatan daripada segi pendapatan bulanan mereka. Misalnya, bagi tempoh sebelum menyertai projek TSK seramai 66 orang peserta mempunyai pendapat sebanyak RM 500 dan tingkat pendapatan yang tertinggi adalah RM 1200 bagi seorang peserta. Namun setelah menyertai projek TSK mendapati tingkatan pendapatn bulan peserta adalah meningkat di mana seramai 74 peserta mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM 1000 manakala tingkat pendapatan bulanan tertinggi adalah sebanyak RM 2400 bagi seorang peserta projek TSK. Justeru, berdasarkan senario tersebut mendapati bahawa projek TSK telah berjaya membawa perubahan yang baik atau positif dalam kontes pendapatan bulanan peserta projek (Jadual 4.13).

Jadual 4.13.

*Perubahan Pendapatan Bulanan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

Bil.	Pendapatan Sebulan Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Pendapatan Sebulan Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	0	19	7.8	0	10	4.1
2.	100	2	.8	200	1	.4
3.	150	2	.8	300	1	.4
4.	200	27	11.0	400	9	3.7
5.	250	4	1.6	500	6	2.4
6.	300	13	5.3	600	3	1.2
7.	340	1	.4	700	11	4.5
8.	350	2	.8	800	2	.8
9.	380	1	.4	850	1	.4
10.	400	14	5.7	900	26	10.6
11.	420	1	.4	950	1	.4
12.	430	1	.4	1000	74	30.2
13.	450	4	1.6	1100	39	15.9
14.	480	2	.8	1200	3	1.2
15.	490	1	.4	1300	18	7.3
16.	500	66	26.9	1350	1	.4
17.	510	1	.4	1400	13	5.3
18.	550	2	.8	1450	1	.4
19.	600	62	25.3	1460	1	.4
20.	700	5	2.0	1480	2	.8
21.	800	2	.8	1500	8	3.3
22.	900	5	2.0	1570	1	.4
23.	950	2	.8	1600	5	2.0
24.	1000	5	2.0	1700	2	.8
25.	1200	1	.4	1800	2	.8
26.				2000	3	1.2
27.				2400	1	.4
<b>Min keseluruhan RM 454.82</b>		<b>Min keseluruhan RM 1019.14</b>				

**nota:** anggaran pendapatan mengikut nilai semasa tahun 2016

Perkara ini dapat diperhatikan dari segi perubahan nilai min iaitu sebelum menyertai projek TSK purata pendapatan bulanan mereka adalah sebanyak RM 454.82 tetapi telah meningkat kepada RM 1019.14 sebulan setelah menyertai projek TSK. Hal ini juga mencerminkan kejayaan projek TSK dalam kalangan Orang Asli untuk mengubah gaya hidup mereka pada masa hadapan (Jadual 4.13). Dengan adanya projek TSK pastinya dapat mengurangkan, peratusan kadar kemiskinan yang masih tinggi dan kekurangan pemilikan aset, pegangan ekuiti serta perniagaan berskala besar dalam kalangan masyarakat Orang Asli mencerminkan perlu ada perubahan dan

perancangan yang lebih teliti dalam pelaksanaan sesuatu program (Bernama, 2010; Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah 2007). Begitu juga dengan pendapat Townsend (1993), kemiskinan sebagai sesebuah isi rumah atau seseorang individu itu sebagai miskin sekiranya mempunyai standard hidup dan pendapatan yang rendah diukur dengan indeks deprivasi (deprivation index) atau perbelanjaan pengguna. Oleh itu dengan penyertaan Orang Asli dalam projek TSK menamparkan perubahan pendapatan isi rumah yang lebih baik.

#### **4.4.2 Pemilikan Jenis Rumah dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK**

Bagi mengukur kemampuan pemilikan jenis rumah dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK maka terdapat beberapa kategori rumah telah diwujudkan iaitu jenis batu sepenuhnya, jenis separa batu dan jenis rumah kayu.

##### **i. Jenis rumah batu sepenuhnya**

Selain itu, daripada segi pemilikan jenis rumah pula mendapati wujudnya peningkatan pemilikan rumah jenis batu sepenuhnya setelah para peserta menyertai projek TSK. Hal ini dibuktikan melalui perubahan nilai peratusan iaitu sebelum menyertai projek TSK adalah sebanyak 31 peratus ( $Y_a=76$  orang) manakala selepas menyertai projek TSK telah meningkat kepada pemilikan rumah jenis batu kepada 96 orang atau nilai peratusan sebanyak 39.2 peratus. Perkara ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan daripada segi kemampuan ekonomi dalam kalangan peserta projek TSK untuk membina rumah batu sepenuhnya telah meningkat (Jadual 4.14).

Jadual 4.14.

*Pemilikan Rumah Jenis Batu Sepenuhnya Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

	Jenis rumah batu sepenuhnya sebelum TSK		Jenis rumah batu sepenuhnya selepas TSK	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	76	31	96	39.2
Tidak	169	69	149	60.8
Jumlah	245	100	245	100

### ii. Jenis rumah separa batu

Bagi pemilikan rumah separa batu pula mendapati nilai peratusan adalah sebanyak 42.9 peratus (Ya= 105 orang) bagi tempoh sebelum menyertai projek TSK dalam kalangan peserta manakala jumlah pemilikan rumah separa batu meningkat kepada 109 orang setelah menyertai projek TSK dengan nilai peratusan sebanyak 44.5 peratus. Situasi ini menunjukkan bahawa para peserta lebih cenderung memilih pembinaan rumah kepada batu sepenuhnya berbanding separa batu dan situasi ini juga menjelaskan tahap ekonomi yang baik dalam kalangan peserta TSK (Jadual 4.15).

Jadual 4.15.

*Pemilikan Rumah Jenis Separa Batu Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

	Jenis rumah separa batu sebelum TSK		Jenis rumah separa batu selepas TSK	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	105	42.9	109	44.5
Tidak	140	57.1	136	55.5
Jumlah	245	100	245	100

### iii. Jenis rumah kayu sepenuhnya

Selain itu, bagi pemilikan rumah jenis kayu sepenuhnya pula tidak menunjukkan perubahan peratusan yang ketara iaitu bagi tempoh sebelum adalah sebanyak 24.1 peratus (Ya=59 orang) manakala selepas menyertai projek TSK menurun kepada Ya=58 orang atau 23.7 peratus. Keadaan ini menunjukkan bahawa masih ramai dalam

kalangan Orang Asli (peserta) memilih untuk membina rumah jenis kayu sepenuhnya bagi kediaman mereka (Jadual 4.16).

Jadual 4.16.

*Pemilikan Rumah Jenis Kayu Sepenuhnya Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

	Jenis rumah kayu sepenuhnya sebelum TSK		Jenis rumah kayu sepenuhnya selepas TSK	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	59	24.1	58	23.7
Tidak	186	75.9	187	76.3
Jumlah	245	100	245	100

Berdasarkan hasil kajian bagi pemilikan jenis rumah mendapati adanya perubahan ke arah yang lebih baik. Selain itu, dengan penyertaan dalam projek TSK dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat Orang Asli yang dianggap sebagai masyarakat yang miskin seperti mana pendapat Hall et al. (2009), mereka adalah golongan yang mempunyai kelas, status sosial dan kuasa yang paling rendah dalam masyarakat. Golongan miskin ini juga memiliki pendapatan yang rendah dan tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan asas dan kemudahan sosial sekurang-kurangnya pada kadar yang paling minimum.

Begitu juga dari sudut psikososial pula, kemiskinan terutamanya kemiskinan tegar boleh mewujudkan tekanan dalam jiwa mereka. Ini membabitkan mentaliti dan budaya masyarakat setempat misalnya, sikap atau perangai individu atau masyarakat yang tidak mahu menerima perubahan dan ini memberi kesan kepada kehidupannya termasuklah faktor kurangnya motivasi dan latihan juga mempengaruhi kemahuan untuk seseorang itu berubah (Hasan Mat Nor 1998; 2009).

#### **4.4.3 Perbelanjaan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK**

Sementara itu dari segi perbelanjaan dalam kalangan peserta bagi tempoh sebelum dan selepas menyertai projek TSK pula diukur melalui perbelanjaan dapur, perbelajaan harian, perbelanjaan harian pasangan dan perbelanjaan hari anak-anak mengikut anggaran nilai semasa tahun 2016.

##### **i. Perbelanjaan Dapur**

Berdasarkan hasil kajian bagi perbelanjaan dapur dalam kalangan peserta bagi tempoh sebelum dan selepas menyertai projek TSK menunjukkan terdapat perubahan atau peningkatan. Misalnya, bagi tempoh sebelum menyertai projek seramai 37 orang peserta membelanjakan RM 100 untuk tempoh sebulan bagi perbelanjaan dapur mereka. Selain itu, hanya seramai lima orang peserta sahaja yang membelanjakan RM 500 bagi perbelanjaan dapur mereka. Tetapi situasi ini telah berubah bagi tempoh selepas menyertai projek TSK di mana seramai 37 orang peserta telah memperuntukkan sebanyak RM 300 sebulan untuk perbelanjaan dapur manakala, seramai 34 peserta lagi menggunakan RM 400 sebulan bagi urusan tersebut.

Selain itu, tertingkat jumlah perbelanjaan dapur juga telah meningkat kepada RM 800 berbanding RM 500 sebelum menyertai projek TSK. Situasi ini menggambarkan kejayaan projek TSK untuk mengubah keadaan sosio-ekonomi Orang Asli dalam meningkatkan kualiti hidup mereka yang mana juga dapat diperhatikan melalui peningkatan nilai min iaitu sebanyak RM 144.73 bagi tempoh sebelum dan RM 250.92 untuk tempoh selepas menyertai projek TSK (Jadual 4.17).

Jadual 4.17.

*Perbelanjaan Dapur dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

Bil.	Perbelanjaan Dapur Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Perbelanjaan Dapur Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	0	65	26.5	0	65	26.5
2.	5	1	.4	5	1	.4
3.	15	1	.4	20	7	2.9
4.	20	6	2.4	30	2	.8
5.	30	2	.8	50	4	1.6
6.	40	1	.4	60	1	.4
7.	50	7	2.9	100	1	.4
8.	80	2	.8	130	1	.4
9.	100	37	15.1	150	6	2.4
10.	120	1	.4	200	30	12.2
11.	150	18	7.3	250	8	3.3
12.	180	1	.4	300	37	15.1
13.	200	42	17.1	350	3	1.2
14.	210	1	.4	400	34	13.9
15.	250	12	4.9	420	1	.4
16.	280	1	.4	480	2	.8
17.	290	1	.4	500	13	5.3
18.	300	27	11.0	520	2	.8
19.	320	2	.8	580	2	.8
20.	350	1	.4	600	15	6.1
21.	360	3	1.2	620	1	.4
22.	380	3	1.2	630	1	.4
23.	400	4	1.6	700	6	2.4
24.	420	1	.4	800	2	.8
25.	500	5	2.0			
<b>Min keseluruhan RM 144.73</b>			<b>Min keseluruhan RM 250.92</b>			

**nota:** anggaran pendapatan mengikut nilai semasa tahun 2016

**ii. Perbelanjaan Harian**

Bagi perbelanjaan harian dalam kalangan peserta untuk tempoh sebelum dan selepas menyertai projek menunjukkan terdapat perubahan dan hal ini dapat diperhatikan melalui nilai min iaitu bagi tempoh sebelum adalah sebanyak RM 28.44 dan untuk tempoh selepas adalah sebanyak RM 48.07. Situasi ini menunjukkan terdapat peningkatan yang positif daripada segi kemampuan perbelajaan harian para peserta setelah menyertai projek TSK (Jadual 4.18).

Jadual 4.18.

*Perbelanjaan Harian dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

Bil.	Perbelanjaan Harian Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Perbelanjaan Harian Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	0	65	26.5	0	65	26.5
2.	5	60	24.5	5	17	6.9
3.	7	4	1.6	6	25	10.2
4.	10	27	11.0	7	6	2.4
5.	12	6	2.4	8	5	2.0
6.	13	1	.4	10	16	6.5
7.	15	7	2.9	12	3	1.2
8.	20	19	7.8	13	5	2.0
9.	30	2	.8	15	23	9.4
10.	50	11	4.5	16	1	.4
11.	60	1	.4	19	1	.4
12.	70	1	.4	20	11	4.5
13.	80	2	.8	25	2	.8
14.	100	21	8.6	30	6	2.4
15.	120	1	.4	40	3	1.2
16.	130	1	.4	50	8	3.3
17.	140	1	.4	90	1	.4
18.	150	11	4.5	100	5	2.0
19.	160	1	.4	130	1	.4
20.	200	3	1.2	150	2	.8
21.				200	29	11.8
22.				250	3	1.2
23.				279	1	.4
24.				300	3	1.2
25.				350	2	.8
				400	1	.4
<b>Min keseluruhan RM 28.44</b>		<b>Min keseluruhan RM 48.07</b>				

**nota:** anggaran pendapatan mengikut nilai semasa tahun 2016

**iii. Perbelanjaan Harian Pasangan**

Dari aspek perbelanjaan harian pasangan pula dapat diperhatikan juga mencatatkan peningkatan yang boleh diperhatikan melalui peningkatan nilai min secara keseluruhan. Di mana nilai min sbagi perbelanjaan harian pasangan sebelum menyertai projek TSK adalah sebanyak RM 23.29 manakala, setelah menyertai projek TSK jumlah perbelanjaan harian pasangan telah meningkat kepada RM 37.92. Situasi ini juga menggambarkan peningkatan yang positif walaupun dalam jumlah yang tidak terlalu besar (Jadual 4.19).



Jadual 4.19.

*Perbelanjaan Harian Pasangan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

Bil.	Perbelanjaan Harian Pasangan Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Perbelanjaan Harian Pasangan Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	0	66	26.9	0	66	26.9
2.	2	1	.4	5	23	9.4
3.	5	62	25.3	6	14	5.7
4.	6	2	.8	7	20	8.2
5.	7	6	2.4	8	9	3.7
6.	8	1	.4	9	1	.4
7.	10	40	16.3	10	19	7.8
8.	10	1	.4	12	15	6.1
9.	12	9	3.7	13	3	1.2
10.	15	1	.4	14	1	.4
11.	20	6	2.4	15	14	5.7
12.	30	2	.8	20	6	2.4
13.	50	18	7.3	30	1	.4
14.	70	1	.4	37	1	.4
15.	80	3	1.2	40	3	1.2
16.	100	16	6.5	50	4	1.6
17.	150	3	1.2	60	1	.4
18.	180	2	.8	100	11	4.5
19.	200	5	2.0	150	19	7.8
20.				180	1	.4
21.				200	6	2.4
22.				300	5	2.0
23.				420	2	.8
<b>Min keseluruhan RM 23.29</b>				<b>Min keseluruhan RM 37.92</b>		

**nota:** anggaran pendapatan mengikut nilai semasa tahun 2016

**iv. Perbelanjaan Harian Anak**

Bagi perbelanjaan harian anak-anak peserta untuk tempoh sebelum menyertai projek adalah tetumpu kepada RM 8 sehari dan tingkat tertinggi yang dicatatkan adalah sebanyak RM 200 bagi lima orang peserta. Selain itu, nilai min secara keseluruhan bagi tempoh sebelum menyertai projek adalah sebanyak RM 18.48 bagi perbelanjaan harian anak-anak mereka. Manakala selepas menyertai projek TSK bilangan purata perbelanjaan adalah sebanyak RM 10 bagi seramai 37 orang peserta dan tingkat tertinggi perbelajaan masih sama iaitu RM 200 tetapi bagi lapan orang peserta serta nilai min keseluruhan juga meningkat kepada RM 25.93. Situasi ini mencatatkan

peningkatan bagi tempoh sebelum dan selepas untuk kategori perbelanjaan harian anak dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK (Jadual 4.20).

Jadual 4.20.

*Perbelanjaan Harian Anak dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

Bil.	Perbelanjaan Harian Anak Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Perbelanjaan Harian Anak Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	0	68	27.8	0	67	27.3
2.	2	5	2.0	2	2	.8
3.	4	6	2.4	4	4	1.6
4.	5	62	25.3	5	30	12.2
5.	6	21	8.6	6	11	4.5
6.	7	8	3.3	7	8	3.3
7.	8	14	5.7	8	27	11.0
8.	10	9	3.7	9	3	1.2
9.	20	5	2.0	10	37	15.1
10.	30	8	3.3	12	1	.4
11.	40	1	.4	13	2	.8
12.	50	17	6.9	15	1	.4
13.	60	1	.4	20	2	.8
14.	70	2	.8	25	1	.4
15.	80	4	1.6	30	1	.4
16.	100	7	2.9	40	1	.4
17.	150	2	.8	50	2	.8
18.	200	5	2.0	60	2	.8
19.				70	3	1.2
20.				80	1	.4
21.				100	30	12.2
22.				150	1	.4
23.				200	8	3.3
		<b>Min keseluruhan RM 18.48</b>				<b>Min keseluruhan RM 25.93</b>

**nota:** anggaran pendapatan mengikut nilai semasa tahun 2016

Oleh itu, hasil kajian mendapati terdapat peningkatan yang baik dalam tren perbelanjaan isi rumah peserta projek TSK. Ini kerana dengan adanya kesungguhan dengan menyertai projek TSK pastinya mengubah corak hidup mereka supaya tidak terus berada pada takuk lama jika tiada kesungguhan untuk mengubah diri dan keluar dari belunggu kemiskinan atau kedaifan. Ukuran yang digunakan dalam mentakrifkan Kumpulan Miskin Melampau (KMM) ialah bagi setiap keluarga yang mempunyai

lima orang ahli (Contoh: suami, isteri dan tiga orang anak) hidup di bawah kemiskinan jika pendapatan kasar mereka kurang daripada RM800 sebulan (Mohd Ayob Abd Razid 2013). Justeru, dengan penyertaan dalam projek TSK dapat mengeluarkan keluarga masyarakat Orang Asli daripada KMM.

#### **4.4.4 Tren Pemakanan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK**

Bagi mengukur tren pemakanan dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK adalah melalui pemakanan nasi, ayam bandar, roti, makanan segera, pemakanan di luar rumah dan makanan istimewa di rumah bersama keluarga. Tren pemakanan dan kemampuan penyediaan makanan yang berzat dalam kalangan peserta kepada keluarga mereka menggambarkan bahawa aktiviti pertanian melalui projek TSK berjaya mengubah gaya hidup mereka.

##### **i. Tren pemakanan nasi, ayam bandar dan roti dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK**

Bagi mengukur tren pemakanan nasi, ayam bandar dan roti dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK menunjukkan wujudnya peningkatan tren pemakanan (kekerapan) bagi kesemua item ujian iaitu nasi, ayam bandar dan roti. Misalnya bagi item nasi, nilai min secara keseluruhan bagi sebelum menyertai projek TSK adalah sebanyak 1.85 manakala untuk selepas menyertai projek TSK telah meningkat kepada 2.35. Sementara itu, bagi pemakanan ayam bandar nilai min bagi tempoh sebelum menyertai projek TSK adalah sebanyak 0.44 dan telah mencatatkan peningkatan nilai min kepada 1.22 selepas menyertai projek TSK. Seterusnya, bagi tren pemakanan roti pula juga mencatatkan peningkatan nilai min iaitu sebanyak 0.67

bagi tempoh sebelum dan 1.43 untuk tempoh selepas menyertai projek TSK (Jadual 4.21).

**ii. Tren pemakanan makanan segera, pemakanan di luar rumah dan pemakanan istimewa di rumah bersama keluarga dalam kalangan Peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK**

Selain itu, bagi meneliti dengan lebih terperinci dalam konteks pemakanan peserta, pengukuran terhadap tren pemakanan segera juga telah diambil kira. Hasil kajian mendapati nilai min keseluruhan bagi tempoh sebelum menyertai projek TSK untuk kategori pengambilan makanan segera adalah sebanyak 0.21 dan telah meningkat bagi tempoh selepas menyertai projek TSK kepada 0.93.

Jadual 4.21.  
*Tren Pemakanan Nasi, Ayam Bandar dan Roti dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

Bil.	Pemakanan Nasi Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Pemakanan Nasi Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	0	49	20.0	0	47	19.2
2.	1	17	6.9	1	2	.8
3.	2	102	41.6	2	44	18.0
4.	3	76	31.0	3	122	49.8
5.	4	1	.4	4	30	12.2
<b>Min keseluruhan 1.85</b>				<b>Min keseluruhan 2.35</b>		
Bil.	Pemakanan Ayam Bandar Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Pemakanan Ayam Bandar Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	155	63.3	20.0	0	54	22.0
2.	72	29.4	6.9	1	101	41.2
3.	17	6.9	41.6	2	71	29.0
4.	1	.4	31.0	3	19	7.8
<b>Min keseluruhan 0.44</b>				<b>Min keseluruhan 1.22</b>		
Bil.	Pemakanan Roti Sebelum TSK	Bil. Sampel	Peratus	Pemakanan Roti Selepas TSK	Bil. Sampel	Peratus
1.	0	117	47.8	0	54	22.0
2.	1	98	40.0	1	64	26.1
3.	2	27	11.0	2	96	39.2
4.	3	2	.8	3	30	12.2
5.	6	1		5	1	.4
<b>Min keseluruhan 0.67</b>				<b>Min keseluruhan 1.43</b>		

Keadaan atau jumlah nilai min secara keseluruhan yang sama juga dapat diperhatikan bagi aktiviti makan di luar rumah untuk tempoh sebelum dan selepas iaitu masing-masing 0.21 dan 0.93. Selain itu, bagi aktiviti makanan istimewa bersama keluarga di rumah juga mencatatkan peningkatan nilai min bagi tempoh selepas iaitu sebanyak 2.02 berbanding 1.80 bagi tempoh sebelum menyertai projek TSK dalam kalangan peserta. Berdasarkan hasil kajian mendapati sememangnya terdapat perubahan daripada aspek sosial dan ekonomi bagi tren pemakanan peserta projek TSK setelah menyertainya dan hal menunjukkan suatu senario yang baik kepada perubahan kualiti hidup mereka (Jadual 4.22).

Jadual 4.22.

*Tren Pemakanan Makanan Segera, Pemakanan di Luar Rumah dan Pemakanan Istimewa di Rumah Bersama Keluarga dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

<b>Bil.</b>	<b>Pemakanan Makanan Segera Sebelum TSK</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratus</b>	<b>Pemakanan Makanan Segera Selepas TSK</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratus</b>
1.	0	196	80.0	0	74	30.2
2.	1	47	19.2	1	116	47.3
3.	2	2	.8	2	53	21.6
4.				3	2	.8
<b>Min keseluruhan 0.21</b>				<b>Min keseluruhan 0.93</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Makanan di Luar Rumah Sebelum TSK</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratus</b>	<b>Makanan di Luar Rumah Selepas TSK</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratus</b>
1.	0	196	80.0	0	77	31.4
2.	1	46	18.8	1	109	44.5
3.	2	3	1.2	2	57	23.3
4.				3	2	.8
<b>Min keseluruhan 0.21</b>				<b>Min keseluruhan 0.93</b>		
<b>Bil.</b>	<b>Pemakanan Istimewa di Rumah Sebelum TSK</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratus</b>	<b>Pemakanan Istimewa di Rumah Selepas TSK</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratus</b>
1.	0	180	73.5	0	65	26.5
2.	1	44	18.0	1	118	48.2
3.	2	7	2.9	2	41	16.7
4.	3	1	.4	3	7	2.9
5.	20	1	.4	4	1	.4
6.	30	12	4.9	20	12	4.9
7.				30	1	.4
<b>Min keseluruhan 1.80</b>				<b>Min keseluruhan 2.02</b>		

Berdasarkan hasil kajian mendapati terdapat perubahan yang baik dalam aspek pengambilan makanan dalam kalangan keluarga selepas mereka menyertai projek TSK. Bagi ahli ekonomi, kemiskinan merujuk kepada garis pendapatan minimum isi rumah untuk menyediakan keperluan makanan dan juga keperluan hidup asas lain. Selain itu, Bank Dunia menyebut kemiskinan dirujuk sebagai ketidakupayaan seseorang untuk mencapai standard hidup yang minimum dari segi keperluan zat pemakanan, penggunaan dan tahap penglibatan (Easterly & Fischer 2001; Easterly et al 2006). Oleh itu, senario ini menjelaskan bahawa sememangnya peserta Orang Asli dalam projek TSK sememangnya banyak membawa manfaat kepada mereka.


#### **4.4.5 Pemilikan Aset dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK**

Dalam meneliti perubahan sosio-ekonomi peserta bagi tempoh sebelum dan selepas menyertai projek TSK, terdapat beberapa item ujian berkaitan pemilikan aset telah digunakan termasuklah televisyen, astro, internet, telefon rumah, telefon bimbit, kereta, motosikal, tanah (dibeli), saham dan jenis rumah.

##### **i. Aset TV, Astro, Internet rumah, Telefon rumah dan Telefon bimbit**

Berdasarkan hasil kajian mendapati pemilikan aset seperti TV, rancangan astro, internet rumah, telefon rumah dan telefon bimbit mencatatkan jumlah nilai peratusan yang semakin meningkat (baik) selepas para peserta menyertai projek TSK bagi kesemua item ujian yang diukur. Situasi ini menunjukkan bahawa kehidupan peserta projek TSK adalah semakin baik kerana dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang mampu memberikan kemudahtersampaian kepada sesuatu perkara dengan lebih cepat dan mudah seperti telefon rumah, telefon bimbit, televisyen dan internet. Misalnya, bagi televisyen bagi tempoh sebelum adalah 145 orang (Ya) (59.2%) manakala

selepas adalah sebanyak 153 orang (Ya) (62.4%) dan bagi rancangan astro bagi tempoh sebelum adalah 102 orang (Ya) (41.6%) manakala selepas adalah sebanyak 127 orang (Ya) (71.4%) (Rajah 4.1).



Rajah 4.1. Perbandingan jumlah pemilikan aset TV, astro, internet rumah, telefon rumah dan telefon bimbit dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK

Seterusnya, bagi internet pula mencatatkan peningkatan iaitu seramai 85 orang (Ya) (34.7%) untuk sebelum manakala 120 orang (Ya) (49%) selepas menyertai projek TSK. Seterusnya, bagi telefon rumah bagi tempoh sebelum adalah 155 orang (Ya) (63.3%) manakala selepas adalah sebanyak 169 orang (Ya) (69%) dan bagi telefon bimbit bagi tempoh sebelum adalah 112 orang (Ya) (45.7%) manakala selepas adalah sebanyak 191 orang (Ya) (78%). Situasi ini menjelaskan bahawa terdapat peningkatan pemilikan terhadap kesemua item ujian yang diukur. Hal ini sekaligus mempamerkan kemampuan kewangan yang lebih baik dalam kalangan peserta

Orang Asli setelah menyertai projek TSK dan memberikan perubahan atau impak positif kepada sosio-ekonomi mereka (Jadual 4.23).

Jadual 4.23.

*Perbandingan Jumlah Pemilikan Aset TV, Astro, Internet Rumah, Telefon Rumah dan Telefon Bimbit dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*


<b>TV sebelum TSK</b>			<b>TV selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	145	59.2	153	62.4
Tidak	100	40.8	92	37.6
Jumlah	245	100	245	100
<b>Astro sebelum TSK</b>			<b>Astro selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	102	41.6	175	71.4
Tidak	143	58.4	70	28.6
Jumlah	245	100	245	100
<b>Internet rumah sebelum TSK</b>			<b>Internet rumah selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	85	34.7	120	49.0
Tidak	160	65.3	125	51.0
Jumlah	245	100	245	100
<b>Aset telefon rumah sebelum TSK</b>			<b>Aset telefon rumah selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	155	63.3	169	69.0
Tidak	90	36.7	76	31.0
Jumlah	245	100	245	100
<b>Aset telefon bimbit sebelum TSK</b>			<b>Aset telefon bimbit selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	112	45.7	191	78.0
Tidak	133	54.3	53	21.6
Jumlah	245	100	245	100

## ii. Aset peti sejuk, kereta dan motosikal

Seterusnya, bagi aset peti sejuk, kereta dan motosikal yang juga menjadi item ujian kepada pengukuran perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK. Berdasarkan hasil kajian mendapati secara keseluruhan bagi item ujian aset peti sejuk dan kereta adalah



semakin baik manakala bagi aset motosikal sedikit menurun setelah peserta menyertai projek TSK (Rajah 4.2). Misalnya, bagi peti sejuk seramai 137 orang (Ya) (55.9%) bagi tempoh sebelum manakala adalah seramai 191 orang (Ya) (78%). Bagi pemilikan kereta pula seramai 108 orang (Ya) (44.1%) bagi tempoh sebelum sebaliknya selepas menyertai projek TSK meningkat kepada 183 orang (Ya) (74.7%) dan bagi pemilikan motosikal bagi tempoh sebelum adalah seramai 208 orang (Ya) (84.9%) manakala selepas adalah seramai 194 orang (Ya) (79.2%) (Jadual 4.24). Hal ini menjelaskan bahawa sememangnya peserta projek TSK lebih berkemampuan untuk memenuhi keperluan bagi kehidupan yang lebih baik setelah menyertai projek TSK. Kemampuan dari segi kewangan dan kehidupan yang lebih sistematik memungkinkan mereka lebih bersedia mendepani kehidupan yang semakin mencabar.



Rajah 4.2. Perbandingan jumlah pemilikan aset peti sejuk, kereta dan motosikal dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK


Jadual 4.24.

*Aset Peti Sejuk, Aset Kereta dan Motosikal dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

Aset peti sejuk sebelum TSK			Aset peti sejuk selepas TSK	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	137	55.9	191	78.0
Tidak	108	44.1	54	22.0
Jumlah	245	100	245	100
Aset kereta sebelum TSK			Aset kereta selepas TSK	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	108	44.1	183	74.7
Tidak	137	55.9	62	25.3
Jumlah	245	100	245	100
Aset motosikal sebelum TSK			Aset motosikal selepas TSK	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	208	84.9	194	79.2
Tidak	37	15.1	51	20.8
Jumlah	245	100	245	100

### iii. Aset tanah (dibeli), aset duit simpanan dan aset saham

Bagi aset berkaitan tanah yang dibeli, duit simpanan dan saham juga menjadi ukuran penilaian kepada perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya wujud peningkatan nilai peratusan pemilikan aset dalam kalangan peserta bagi item ujian yang diukur kecuali bagi aset tanah yang dibeli (Rajah 4.3). Misalnya, bagi aset tanah (dibeli) nilai min bagi tempoh sebelum adalah seramai 163 orang (Ya) (66.5%) manakala selepas berkurangan sedikit nilainya iaitu seramai 158 orang (Ya) (64.5%).



*Rajah 4.3.* Perbandingan jumlah pemilikan aset tanah, duit simpanan dan saham dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK

Bagi duit simpanan pula, nilai min bagi tempoh sebelum adalah seramai 167 orang (Ya) manakala selepas menyertai menunjukkan adanya peningkatan iaitu seramai 194 orang (Ya) (68.2%) dan menjelaskan situasi peningkatan ekonomi yang semakin baik dalam kalangan peserta projek TSK (Jadual 4.25). Seterusnya, bagi item saham pula bagi tempoh sebelum adalah seramai 85 orang (Ya) (34.7%) manakala selepas adalah seramai 104 orang peserta yang bersetuju ada memiliki saham (42.4%) (Jadual 4.25).


Jadual 4.25.

*Aset Tanah (dibeli), Aset Duit Simpanan dan Aset Saham dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

<b>Aset Tanah (dibeli)sebelum TSK</b>			<b>Aset Tanah (dibeli) selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	163	66.5	158	64.5
Tidak	82	33.5	87	35.5
Jumlah	245	100	245	100
<b>Aset duit simpanan sebelum TSK</b>			<b>Aset duit simpanan selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	167	68.2	194	79.2
Tidak	78	31.8	51	20.8
Jumlah	245	100	245	100
<b>Aset saham sebelum TSK</b>			<b>Aset saham selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	85	34.7	104	42.4
Tidak	160	65.3	141	57.6
Jumlah	245	100	245	100

**iv. Aset rumah batu, aset rumah kayu dan aset rumah separa kayu/batu**

Bagi aset pemilikan jenis rumah iaitu rumah batu, rumah kayu dan separa batu juga menjadi ukuran kepada impak perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya wujud peningkatan bagi jenis rumah batu dan separa batu/kayu. Walau bagaimana pun pemilikan aset rumah kayu mencatatkan penurunan sebanyak 0.04 peratus (satu orang) bagi tempoh selepas menyertai projek TSK (Rajah 4.4). Misalnya, bagi pemilikan rumah batu bagi tempoh sebelum adalah seramai 70 orang (Ya) (28.6%) manakala selepas adalah seramai 142 orang (Ya) (58%). Bagi pemilikan rumah kayu menunjukkan bagi tempoh sebelum dan selepas tidak wujud perubahan ketara iaitu seramai 155 orang (Ya) (63.3%) dan selepas seramai 154 orang (Ya) (62.9%).



Rajah 4.4. Perbandingan jenis rumah dalam kalangan peserta sebelum dan selepas menyertai projek TSK

Seterusnya, bagi pemilikan rumah separa batu pula, bagi tempoh sebelum adalah seramai 132 orang (Ya) (53.9%) manakala selepas adalah seramai 147 orang (Ya) (60%). Situasi ini menjelaskan bahawa sememangnya wujud perubahan sosio-ekonomi daripada pelbagai aspek yang lebih baik dalam kalangan peserta Orang Asli setelah menyertai projek TSK (Jadual 4.26).

Berdasarkan hasil kajian mendapati pemilikan aset dalam kalangan peserta projek TSK adalah semakin baik. Diharapkan dengan adanya projek ini dapat mengurangkan jumlah peserta projek TSK yang berada dalam kemiskinan. Selain itu, berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (2014), paras kemiskinan serta kemelaratan hidup dalam kalangan KIR Orang Asli masih berada pada tahap yang tinggi dengan hampir 80 peratus isi rumah hidup di bawah garis kemiskinan. Malah dikatakan bahawa 50

peratus daripada mereka masih tergolong dalam kategori miskin tegar. Situasi ini mungkin tidak dapat diselesaikan sepenuhnya tetapi keterpinggiran masyarakat Orang Asli dalam arus pembangunan seharusnya dapat diminimumkan. Oleh itu, dengan penyertaan masyarakat Orang Asli dalam projek TSK akan dapat memberikan perubahan yang baik dari segi sosio-ekonomi mereka. Ini terbukti bahawa pengaruh pemodenan dan struktur ekonomi mereka yang berasaskan pasaran wujud dan dapat dilihat dari segi pemilikan aset oleh sebahagian ahli komuniti ini seperti radio, TV, peti ais, jenis rumah, peralatan telekomunikasi dan sebagainya (Dyer et al., 2003; Mohd Ayop Abd. Razid, 2013).

Jadual 4.26.

*Aset Rumah Batu, Rumah Kayu dan Separa Batu dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

<b>Aset rumah batu sebelum TSK</b>			<b>Aset rumah batu selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	70	28.6	142	58.0
Tidak	175	71.4	103	42.0
Jumlah	245	100	245	100
<b>Aset rumah kayu sebelum TSK</b>			<b>Aset rumah kayu selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	155	63.3	154	62.9
Tidak	90	36.7	91	37.1
Jumlah	245	100	245	100
<b>Aset Rumah Separa Batu sebelum TSK</b>			<b>Aset Rumah Separa Batu selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	132	53.9	147	60.0
Tidak	113	46.1	98	40.0
Jumlah	245	100	245	100

#### **4.4.6 Tren Mendapat Khidmat Kesihatan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK**

Terdapat beberapa item ujian yang diukur bagi kategori khidmat kesihatan dalam kalangan peserta bagi sebelum dan selepas menyertai projek TSK. Ini termasuklah tren mendapat khidmat kesihatan di klinik swasta dan kerajaan, khidmat kesihatan farmasi dan pengambilan suplemen atau vitamin dalam kalangan peserta projek TSK. Sekiranya ada perubahan dalam tren mendapat khidmat kesihatan dalam kalangan peserta projek TSK adalah merupakan sesuatu yang baik kerana secara tidak langsung kualiti hidup mereka bertambah sejahtera.

##### **i. Mendapat khidmat kesihatan klinik swasta dan hospital kerajaan**

Selain itu, ukuran terakhir yang digunakan dalam menilai impak perubahan sosio-ekonomi peserta projek TSK adalah tren mendapatkan khidmat kesihatan dalam kalangan peserta. Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan kekerapan peserta projek TSK yang mendapat khidmat kesihatan di klinik swasta setelah menyertai projek TSK iaitu berdasarkan perubahan nilai peratusan secara keseluruhan iaitu bagi tempoh sebelum menyertai projek TSK. Bagi item mendapat khidmat nasihat daripada klinik swasta adalah seramai 175 orang (Ya) (71.4%) tempoh sebelum manakala selepas menyertai projek TSK terdapat peningkatan iaitu seramai 201 orang (Ya) (82%) bilangan kekerapan peserta yang mendapat rawatan di klinik swasta.

Seterusnya, bagi khidmat kesihatan di hospital kerajaan pula menunjukkan tren sedikit menurun penggunaannya di mana sebelum menyertai projek TSK seramai 175 orang (71.8%) peserta mendapat khidmat hospital kerajaan bagi aspek kesihatan manakala selepas menyertai projek TSK bilangan menurun kepada 171 orang

(69.8%). Situasi ini menunjukkan peserta projek TSK mempunyai kemampuan kewangan yang semakin baik dan situasi ini dapat diperhatikan melalui tren mendapatkan khidmat kesihatan di klinik swasta adalah meningkat berbanding hospital kerajaan (Jadual 4.27).

Jadual 4.27.

*Mendapat Khidmat Kesihatan Klinik Swasta dan Hospital Kerajaan dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

<b>Mendapat khidmat kesihatan klinik swasta sebelum TSK</b>			<b>Mendapat khidmat kesihatan klinik swasta selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	175	71.4	201	82.0
Tidak	70	28.6	44	18.0
Jumlah	245	100	245	100
<b>Mendapat khidmat kesihatan hospital kerajaan sebelum TSK</b>			<b>Mendapat khidmat kesihatan hospital kerajaan selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	176	71.8	171	69.8
Tidak	69	28.2	74	30.2
Jumlah	245	100	245	100

## ii. Mendapat khidmat kesihatan farmasi dan pengambilan suplemen

Hasil kajian mendapati terdapat peningkatan kekerapan peserta projek TSK yang mendapat khidmat farmasi setelah menyertai projek TSK iaitu berdasarkan nilai peratusan secara keseluruhan iaitu bagi tempoh sebelum menyertai projek TSK. Bagi bilangan peserta projek TSK yang mendapat khidmat farmasi bagi tempoh sebelum menyertai projek adalah seramai 101 orang (Ya) (41.2%) manakala selepas menyertai projek TSK adalah seramai 171 orang (Ya) (69.8%). Seterusnya, bagi pengambilan suplemen menunjukkan tren peningkatan penggunaannya di mana sebelum menyertai projek TSK seramai 175 orang peserta (71.4%) menggunakan suplemen bagi menjaga kesihatan mereka manakala selepas menyertai projek TSK bilangan penggunaan



bertambah kepada 181 orang (73.9%). Situasi ini menunjukkan tren penjagaan dan khidmat kesihatan yang semakin baik daripada semasa ke semasa dalam kalangan peserta Orang Asli dalam projek TSK (Jadual 4.28).

Jadual 4.28.

*Mendapat Khidmat Kesihatan Farmasi dan Pengambilan Suplemen dalam Kalangan Peserta Sebelum dan Selepas Menyertai Projek TSK*

<b>Mendapat khidmat kesihatan farmasi sebelum TSK</b>			<b>Mendapat khidmat kesihatan farmasi selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	101	41.2	171	69.8
Tidak	144	58.8	74	30.2
Jumlah	245	100	245	100
<b>Pengambilan suplemen sebelum TSK</b>			<b>Pengambilan suplemen selepas TSK</b>	
	Bil. Sampel	Peratusan	Bil. Sampel	Peratusan
Ya	175	71.4	181	73.9
Tidak	64	28.6	70	26.1
Jumlah	245	100	245	100

Di bawah Program Pembangunan Sosial pula, JHEOA (2008b), telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 58,540,000.00 untuk melaksanakan pembangunan sosial bagi tujuh komponen iaitu Program Perumahan Rakyat Termiskin, Perumahan Ketua Masyarakat, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Kesihatan dan Perubatan, Pembangunan keluarga dan Masyarakat, Kemudahan Pentadbiran JAKOA dan juga Program Pembangunan Minda. Dari segi kemudahan kesihatan sebanyak dua buah klinik desa dirancang akan dibina di negeri Kelantan dan Pahang manakala dua buah pusat transit dan pentadbiran di Grik, Perak dan Gua Musang, Kelantan serta beberapa buah balai rawatan bakal dibina bagi meningkatkan taraf kesihatan Orang Asli (JHEOA (2008a; 2008b).

#### 4.5 RUMUSAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan hasil kajian mendapati tahap kejayaan projek TSK yang disertai oleh Orang Asli Temerloh sememangnya menampakkan kejayaan yang memuaskan. Projek TSK ini membuahkan hasil apabila para peserta mengamalkan beberapa kriteria penting dalam mengusahakan aktiviti pertanian mereka. Ini termasuklah pelaksanaan inovasi pertanian, pelaksanaan idea yang berkualiti dalam pertanian, rekod penanaman dan kewangan yang baik, mengamalkan budaya kerja yang berkualiti, bersemangat kental dalam menghadapi masalah ekonomi semasa dan bijak menggunakan sumber sedia ada untuk pembangunan pertanian yang diusahakan.

Selain itu, tahap kejayaan dalam kalangan peserta projek TSK pula adalah diukur melalui perubahan sosio-ekonomi (pendapatan, tren perbelanjaan, tren pemakanan, pemilikan aset dan khidmat kesihatan) yang dimiliki mereka bagi tempoh sebelum dan selepas menyertai projek TSK. Berdasarkan hasil kajian mendapati sememangnya wujud perubahan sosio-ekonomi ke arah yang positif selepas menyertai projek TSK iaitu terdapat peningkatan dalam hampir kesemua item ujian yang mewakili konstruk yang diukur. Keadaan ini menggambarkan bahawa pelaksanaan projek TSK telah membawa perubahan yang baik kepada kesejahteraan hidup Orang Asli di Temerloh. Hal ini selaras dengan pendapat Itam Wali Nawan (1993) menyatakan terdapat dua jenis perubahan sosial yang boleh berlaku dalam masyarakat ataupun sesebuah negara iaitu perubahan sosial yang pertama ialah perubahan yang dirancang untuk membangunkan sesebuah komuniti manakala kedua ialah perubahan yang berlaku hasil daripada sesuatu projek pembangunan (Nor Aseken Rosley, 2009).

#### **4.6 KESIMPULAN**

Pelaksanaan projek pembangunan sememangnya banyak memberikan feadah kepada masyarakat khususnya, peserta projek pembangunan tersebut. Misalnya, dengan adanya pembangunan projek TSK di Temerloh telah memberikan manfaat kepada para peserta terutamanya Orang Asli di kawasan berkenaan. Oleh itu, secara tidak langsung dapat meningkatkan darjah kesejahteraan hidup masyarakat Orang Asli ke arah yang lebih baik dan bersemangat menghadapi masa hadapan mereka. Bab seterusnya, membincangkan tentang rumusan kajian secara keseluruhan dan dikaitkan dengan objektif dan pernyataan masalah kajian.



## **BAB LIMA**

### **PENUTUP KAJIAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Kejayaan projek TSK dalam membantu meningkat kualiti hidup peserta (Orang Asli) terutamanya daripada segi sosio-ekonomi merupakan suatu manfaat penting bagi kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan. Ini kerana Orang Asli merupakan masyarakat yang perlu dibantu dan dibimbing supaya tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara pada masa kini. Inisiatif penubuhan projek TSK adalah suatu perkara yang boleh dicontohi sebagai salah satu projek bagi memajukan masyarakat Orang Asli. Kejayaan peserta Orang Asli memajukan projek TSK secara tidak langsung menggambarkan bahawa mereka juga mempunyai kemampuan yang dalam mengurus sesuatu perkara atau projek. Perubahan keadaan sosio-ekonomi peserta yang dibandingkan bagi tempoh sebelum dan selepas menyertai projek merupakan suatu petunjuk kepada kejayaan mereka.

#### **5.2 RUMUSAN HASIL DAN KAITANNYA DENGAN OBJEKTIF SERTA PENYATAAN MASALAH KAJIAN**

Dalam bahagian ini, perbincangan adalah tertumpu kepada rumusan hasil kajian dan hubungannya dengan objektif serta pernyataan masalah kajian sepertimana yang telah dikemukakan. Di samping itu, bagi mengukuhkan dapatan kajian ini, pengkaji turut mengaitkannya dengan hujah atau dapatan kajian pengkaji terdahulu berdasarkan senario yang terdapat dalam kajian ini.

### **5.2.1 Objektif Pertama: Kriteria Kejayaan Peserta Orang Asli dalam Projek TSK di Daerah Temerloh**

Perbincangan dalam bahagian ini menumpukan kepada hasil utama kajian yang berkait langsung dengan pencapaian objektif dan pembuktian andaian dalam pernyataan masalah kajian. Secara keseluruhannya, penilaian terhadap kriteria kejayaan peserta projek TSK di Daerah Temerloh adalah memuaskan (sederhana tinggi) bagi kesemua enam konstruk yang diukur. Ini termasuklah konstruk pelaksanaan inovasi pertanian, pelaksanaan idea yang berkualiti dalam pertanian, rekod penanaman dan kewangan yang baik, mengamalkan budaya kerja yang berkualiti, bersemangat kental dalam menghadapi masalah ekonomi semasa dan bijak menggunakan sumber sedia ada untuk pembangunan pertanian yang diusahakan.

Walau bagaimanapun, konstruk pelaksanaan inovasi dalam pertanian menunjukkan nilai min yang paling rendah berbanding dengan konstruk-konstruk yang lain iaitu sebanyak 4.59 sahaja manakala konstruk yang mencatatkan nilai min tertinggi adalah mengamalkan budaya kerja yang berkualiti iaitu sebanyak 4.77. Situasi ini menggambarkan bahawa pelaksanaan inovasi seperti melakukan perubahan atau penambahbaikan dalam projek TSK sama ada dari sudut pembajakan, benih tanaman, kaedah penanaman, kualiti produk dan proses jualan harus dilaksanakan bagi memastikan projek TSK memberikan pulangan sosio-ekonomi yang baik kepada para peserta projek TSK.

Selain itu, dengan pelaksanaan teknologi baru pastinya membawa satu dimensi dan revolusi baru dalam pembangunan sektor pertanian dan perkembangan ini mewujudkan hala tuju baru sektor pertanian berasaskan kemajuan sains dan penerapan

teknologi maklumat dan multimedia (ICT). Menurut pandangan para petani teknologi pertanian membawa kepada pelbagai faedah dan menjanjikan dunia lebih maju dan sempurna. Malahan, teknologi dalam industri pertanian akan mengalami perubahan dalam penggunaan mesin-mesin yang membantu meningkatkan taraf hidup petani pada masa kini. Segala kerja-kerja dalam industri pertanian dapat dilakukan dengan mudah, cepat dan lebih efisien misalnya, dengan adanya teknologi pertanian moden seperti bioteknologi dalam penghasilan baka-baka yang baik dan hidrofoni dalam mengintensifkan proses pengeluaran dapat meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian sejajar dengan wawasan pertanian Negara (RISDA 1999; 2015).

Justeru, bagi meningkatkan produktiviti para petani perlu mencipta inovasi dengan mengubah pasaran berdasarkan idea bernas, jaminan kualiti, memperkenalkan pendekatan baharu, membuka pasaran baharu, menggunakan segala kemudahan sedia ada dan menyusun sesebuah organisasi pertanian secara berkesan. Para petani perlu memfokuskan kepada kemahiran dan pengetahuan semasa berkaitan dengan teknologi, baka, pasaran dan sebagainya (Schumpeter, 1935). Pendapat Schumpeter (1935) tentang kepentingan inovasi ini jelas turut disokong oleh Barkley et al. (2007) yang menyatakan bahawa tanpa perkara ini mustahil seseorang petani akan berjaya. Selain itu, menurut Fayolle (2007) petani merupakan seseorang yang mahir dalam mengambil tindakan dan bertingkah laku baik dalam menghadapi apa jua masalah dalam bidang pertanian kerana sektor ini juga dianggap sebagai perniagaan yang mempunyai cabaran yang pelbagai. Ini selaras dengan pendapat Drucker (1998) yang menyatakan pertanian mempunyai kaitan dengan teori ekonomi tentang penggunaan sumber yang terhad sama ada tapak, modal dan sebagainya perlu dimanfaatkan demi menghasilkan nilai yang lebih tinggi.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kesemua konstruk ini berada di tahap atau skala sederhana tinggi yang menunjukkan tahap kejayaan projek TSK. Tetapi kesemua kriteria yang mempengaruhi tahap kejayaan projek TSK perlu dipantau dari semasa ke semasa agar terus berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, para peserta projek TSK juga perlu diberikan pendedahan terhadap aspek yang berkaitan seperti kaedah pengendalian mesin atau jentera berkaitan pertanian. Pendedahan dan latihan kepada para peserta dalam pelbagai bidang berkaitan pertanian akan memberikan suntikan semangat baru untuk mereka terus berjaya bersama projek TSK.

### **5.2.2 Objektif Kedua: Impak perubahan Taraf Sosio-Ekonomi Peserta Projek TSK di Daerah Temerloh Sebelum dan Selepas Menyertainya**

Selain itu, impak perubahan dalam kalangan peserta projek TSK pula adalah diukur melalui penunjuk sosio-ekonomi (pendapatan, pemilikan jenis rumah, tren perbelanjaan, tren pemakanan, pemilikan aset dan khidmat kesihatan) bagi tempoh sebelum dan selepas menyertai projek TSK. Berdasarkan hasil kajian mendapati sememangnya wujud perubahan sosio-ekonomi ke arah yang positif selepas menyertai projek TSK iaitu terdapat peningkatan dalam hampir kesemua item ujian yang mewakili konstruk yang diukur. Keadaan ini menggambarkan bahawa pelaksanaan projek TSK telah membawa perubahan yang baik kepada kesejahteraan hidup Orang Asli di Temerloh.

Misalnya daripada segi pendapatan sebelum dan selepas menyertai projek TSK masing-masing telah meningkat daripada RM 454.82 kepada RM 1019.14 sebulan. Begitu juga dengan pemilikan jenis rumah iaitu rumah batu dan separa batu telah menjadi pilihan bagi para peserta projek TSK untuk kediaman mereka. Tren perbelanjaan dapur, harian, pasangan dan anak-anak juga didapati meningkat selepas

menyertai projek TSK. Seterusnya, daripada segi tren pemakanan isi rumah juga semakin baik dan pelbagai jenis manakala pemilikan aset mereka juga adalah semakin bertambah baik termasuklah televisyen, peti sejuk, kemudahan telefon rumah, telefon bimbit, motosikal, kereta dan sebagainya. Selain itu, daripada segi mendapat khidmat kesihatan juga menunjukkan terdapat perbezaan ketara bagi sebelum dan selepas menyertai projek TSK termasuklah penggunaan klinik swasta, farmasi dan pengambilan suplemen dalam kalangan isi rumah dan peserta projek TSK. Secara keseluruhannya mendapati kualiti hidup Orang Asli di Temerloh adalah bertambah baik daripada segi sosio-ekonomi selepas menyertai projek TSK.

Situasi ini selaras dengan pendapat Hairunizam Wahid et al. (2001); Patmawati Ibrahim (2005); di mana penilaian keberkesanan atau kejayaan sesuatu program pembangunan dilakukan dengan mengambil kira banyak faktor termasuklah maklumat sosio-ekonomi komuniti, gaya hidup, petunjuk ekonomi, petunjuk sosial, petunjuk perbelanjaan pendapatan, petunjuk kehidupan, petunjuk sumber dan pengetahuan. Selain itu, Parashar Koirala (2005) pula menggunakan faktor lain selain pendapatan seperti kemudahan pendidikan, elektrik, dan jalanraya manakala Jaya S. Anand (2005) menggunakan gabungan tiga aspek untuk dinilai iaitu aspek ekonomi, aspek politik dan aspek sosial. Selaras dengan Ahsan Ullah & Jayant K Routray (2007) menilai dari segi pendapatan, aspek aset produktif dan aset bukan produktif dan Majabean (2008) pula menggabungkan petunjuk ekonomi dan sosial peserta dalam penilaian terhadap kejayaan sesebuah projek pembangunan (Fuadah Johari 2004; Ahmad Fuad Mohammad 2006; Mujani Tarimin 2005).




### **5.2.3 Objektif Ketiga: Merangka Cadangan Peningkatan Tahap Kejayaan Peserta Projek TSK di Temerloh**

Dalam merangka cadangan peningkatan tahap kejayaan projek TSK di Temerloh adalah sangat berkaitan dengan pendedahan peserta kepada latihan pertanian sama ada daripada aspek teknologi, idea, budaya kerja dan sebagainya bagi memastikan projek TSK terus menjadi jambatan kepada para peserta Orang Asli membina kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan. Ini kerana menurut Poon (1994), latihan adalah merujuk pada segala usaha terancang organisasi untuk memudahkan pembelajaran tingkah laku kerja yang tertentu. Latihan adalah bertujuan memperbaiki prestasi semasa dan prestasi masa depan pekerja dengan meningkatkan kebolehan pekerja melakukan tugas-tugas mereka supaya objektif-objektif organisasi dapat dicapai. Kebolehan pekerja dapat dipertingkatkan dengan mengubah sikap mereka atau menambah kemahiran dan pengetahuan mereka.

Malah menurut Cascio (1989), latihan terdiri dari program terancang yang direka bentuk untuk menambahbaikan prestasi diperingkat individu, kumpulan, atau organisasi. prestasi yang bertambah baik, sebaliknya, menyiratkan bahawa telah terdapat perubahan yang dapat diukur dalam pengetahuan, kemahiran, sikap dan kelakuan sosial. Sementara itu, menurut Truelove (1995), latihan adalah usaha/ikhtiar untuk menambahkan pengetahuan, kemahiran dan tingkahlaku yang diperlukan dalam melaksanakan sesuatu perkara yang berkaitan dengan kerja. Motifnya adalah untuk memperbaiki prestasi pekerja dengan cara yang khusus. Bagi Ricks et al. (1995), berpendapat bahawa latihan adalah merujuk kepada aktiviti dan pengalaman yang direkabentuk untuk membangunkan kemahiran, pengetahuan, dan kelakuan atas arahan organisasi. Latihan selalunya berkait rapat dengan tugas-tugas yang khusus atau yang berkaitan dengan kerja dan ia direkabentuk untuk mengajar kemahiran yang

baru atau mempertingkatkan kemahiran yang ada. Latihan juga termasuk dalam penyediaan pekerja untuk melakukan tugas baru. Dalam merancang untuk melaksanakan program latihan maka satu garis panduan perlu dilakukan yang menyentuh latihan iaitu memberi peluang yang saksama kepada semua pekerja baik pekerja yang baru memulakan pekerjaan dan juga kepada pekerja yang telah lama berkhidmat, begitu juga dengan faktor kebolehlatihan dan strategi dalam melaksanakan program pembelajaran latihan (Bennet 1988; Bramley 1999; Blanchard dan Thacker 2004). Oleh itu, latihan dalam pelbagai aspek perlu diberikan kepada para peserta projek TSK untuk kemampunan projek ini pada masa hadapan demi kelangsungan hidup Orang Asli yang lebih baik pada masa hadapan.

Selain itu, Blanchard dan Thacker (2004), telah menegaskan bahawa latihan adalah seolah-olah satu elemen utama yang menggerakkan perjalanan dan operasi sebuah sistem dalam organisasi. Latihan seumpama 'nyawa' yang memastikan pekerja dapat seiring dengan perubahan yang berlaku dalam organisasi hasil perubahan dalam persekitaran organisasi. Ini termasuklah perubahan seperti misi organisasi, strategi, struktur dan hierarki, polisi, kewangan, sumber-sumber, produk, dan sebagainya. Idea Blanchard dan Thacker (2004) mengenai pentingnya latihan kepada peserta atau pekerja dapat digambarkan melalui Rajah 5.1.



Rajah 5.1. Sistem latihan dan manfaatnya  
 Sumber: Blanchard dan Thacker (2004)

#### 5.2.4 Dapatan Kajian dan Kaitannya dengan Penyataan Masalah

Perbincangan berkaitan dapatan kajian dengan penyataan masalah mengenai kriteria-kriteria kejayaan projek TSK dalam kalangan Orang Asli di Temerloh. Ini kerana perubahan corak kegiatan ekonomi dari berbentuk sara diri kepada kegiatan ekonomi komersil telah memberikan cabaran kepada masyarakat Orang Asli dan mereka mula mengubah corak hidup tradisional agar selari dengan perkembangan zaman. Jika diteliti sejarah kehidupan Orang Asli iaitu berada dalam hutan belantara dan mengamalkan pertanian secara berpindah-randah telah pun bertukar kepada sebuah masyarakat yang boleh dikatakan semakin mengamalkan kehidupan lebih moden dan menetap di sesebuah kawasan.

Di samping itu, bagi merealisasikan perkara tersebut pihak kerajaan dan JHEOA juga telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dari bersifat sosial mahupun perekonomian kepada masyarakat Orang Asli supaya dapat mendepani arus

pemodenan. Kebergantungan mereka semata-mata kepada hasil hutan juga semakin berkurangan disebabkan kemampuan mereka dalam melakukan pekerjaan tetap termasuk membuka ladang atau bekerja di luar kampung.

